


Jilid III  
Bil. 9



Hari Rabu  
5hb Julai, 1989

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**



**MENGANGKAT SUMPAH:**

**Y.B. Puan Hajjah Salbiah binti Mohd Akim [Ruangan 1261]**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 1261]**

**Memperkenalkan Akta-akta [Ruangan 1261]**

**Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 1262]**

**URUSAN MESYUARAT [Ruangan 1263]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 1264]**

**USUL-USUL:**

**Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 [Ruangan 1322]**

**Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 1390]**

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Skim Perumahan dan Kemudahan Asas Pekerja Estet—Y.B. Tuan C. Krishnan [Ruangan 1390]**

**Perkhidmatan Perubatan di Malaysia—Y.B. Tuan Chan Choong Tak [Ruangan 1395]**

MALAYSIA  
**PARLIMEN KETUJUH—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN, P.M.N., P.N.B.S., D.S.N.B. (BRUNEI), J.B.S., A.M.N., A.B.S. (Sarawak).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' TAN PENG KHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATUK HAJI HUSSEIN BIN AHMAD, D.M.S.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, DATO DR K. S. NUJAR, S.P.M.J., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF, D.I.M.P., A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN HAJI ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HASHIM, A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM, D.M.S.M., K.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- „ TUAN AZMAN ATAR BIN OTHMAN, P.J.K., P.B.M. (DILANTIK).
- „ DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).
- „ Tuan P. Balaram (Kedah Darulaman).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN CHAN CHOONG TAK (Dilantik).
- „ DR CHONG ENG LEONG (Sabah).
- „ TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).
- „ TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).
- „ TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).
- „ PUAN HAJAH HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOF, P.J.K. (Terengganu).

- Yang Berhormat TUAN HAJI HAMID ARABY BIN MD. SALIH, A.M.N., P.K.T., P.J.K.  
(Pulau Pinang).
- „ TUAN HASSAN BIN HARUN, A.M.N. (Kelantan).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM, P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG, P.P.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN HAJI JAAFAR BIN HARON (Dilantik).
- „ TUAN C. KRISHNAN, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN KUAN PENG SOON, A.M.N. (Perak)
- „ TUAN LAU KENG SIONG *alias* JOSEPH LAU KENG SEONG, K.M.N., A.M.N., P.I.S. (Johor).
- „ PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).
- „ TUAN LIM HENG TEE, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN MAZIDAH BINTI HAJI ZAKARIA (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., A.K. (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. WAJDI BIN DATO' HAJI ISHAK, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN MUSTAFA BIN AWANG, P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ DATUK HAJI NASIR BIN HAJI MANAP, D.M.S.M., D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Dilantik).
- „ DR NG KHEK KIUNG (Selangor Darul Ehsan).
- „ TUAN NG PENG HAY, P.J.K. (Melaka).
- „ CIK NORANI BINTI HAJI BELUAH *alias* HAJI HITAM, A.M.N., P.J.K. (Pahang Darulmakmur).
- „ DR NORDIN SELAT (Dilantik).
- „ TUAN PANDIKAR AMIN BIN HAJI MULIA (Sabah).
- „ TUAN G. RAJOO (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALBIAH BINTI MOHD. AKIM, A.M.N., P.J.K., P.J.M. (Dilantik).

Yang Berhormat **TUAN V. K. SELLAPPAN** (Dilantik).

- „ **TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM, A.M.N., P.C.K.** (Dilantik).
- „ **TUAN SIVALINGAM A/L ARUMUGAM KARUPPIAH** (Dilantik).
- „ **TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID BIN SAGAFF, P.I.S., B.S.I., P.P.N.**  
(Dilantik).
- „ **TUAN TAN CHAI HO, A.M.N.** (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- „ **DR TAN CHONG KENG** (Dilantik).
- „ **TUAN TIONG HIEW KING, P.B.S.** (Dilantik).
- „ **PUAN VALLI MUTHUSAMY, P.P.N., P.J.K.** (Dilantik).
- „ **DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHAYA, D.P.M.S., K.M.N., S.M.S.,**  
**P.J.K., P.P.N.** (Selangor Darul Ehsan).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Abdul Rahim bin Haji Abu Bakar, J.S.D., S.A.P.,  
K.M.N., P.B.S., P.J.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suho bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

Rabu, 5hb Julai, 1989

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim.

**PEMASYHURAN TUAN  
YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang baru dilantik semula itu dapat memberikan sumbangannya yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah

berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perlembagaan Tambahan (1988) 1989;
2. Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1989;
3. Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) (Pindaan) 1989;
4. Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) 1989;
5. Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1989;
6. Akta Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1989;
7. Akta Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1989;
8. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989;
9. Akta Keterangan (Pindaan) 1989; dan
10. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan dan Perluasan) 1989.

**PERUTUSAN DARIPADA  
DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

“4 Julai, 1989

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Pendaftaran Juruukur Bahan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989);
3. Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan;
7. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia, Kawalan Pertukaran Wang, Insurans dan Takaful (Pindaan); dan
8. Rang Undang-undang Pertaruhan (Pindaan).

Yang ikhlas,  
t.t.  
YANG DI-PERTUA  
DEWAN RAKYAT”.

#### URUSAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang

tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

1. Rang Undang-undang Pendaftaran Juruukur Bahan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989);
3. Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan;
7. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia, Kawalan Pertukaran Wang, Insurans dan Takaful (Pindaan); dan
8. Rang Undang-undang Pertaruhan (Pindaan).

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

#### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### PERUNTUKAN LAIN-LAIN PERBELANJAAN BERULANG TAHUN (OCAR)

1. Tuan Lau Keng Siong minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kerajaan akan menambah peruntukan O.C.A.R. kepada semua sekolah di Malaysia yang mana peruntukan tersebut tidak pernah bertambah sejak 20 tahun lalu. Ini adalah suatu perkara yang tidak baik kepada pihak pentadbiran sekolah-sekolah, kerana kebanyakan harga

alat-alat sekolah telah pun naik berlipatganda dan kekurangan wang sangat mengganggu urusan-urusan sekolah dan jentera pentadbiran juga tidak dapat dijalankan dengan cekap dan licin.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1982, peruntukan untuk Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) dan Lain-lain Perbelanjaan Khas (LPK) telah pun dikaji dan dipersetujui pada dasarnya untuk ditambah. Walau bagaimanapun ianya tidak dapat dilaksanakan akibat ekonomi negara yang meleset. Sungguhpun begitu, pihak Kementerian sentiasa memastikan supaya perjalanan sekolah-sekolah tidak terganggu. Kerajaan akan melaksanakan kadar baharu yang telah diluluskan itu sebaik sahaja keadaan ekonomi negara mengizinkan.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan membuat penjelasan selain daripada peruntukan LPBT. Adakah lain peruntukan telah diberi kepada sekolah-sekolah kerana kami mendapat aduan bahawa setengah-setengah sekolah tidak mendapatkan peruntukan seperti peruntukan mata-pelajaran.

**Dr Leo Michael Toyad:** Peruntukan-peruntukan ini adalah untuk menyelenggarakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti perbekalan elektrik dan lain-lain untuk menguruskan perjalanan sekolah.

**Puan Law Jack Yoon:** Soalan tambahan. Yang Berhormat, OCAR atau LPBT ini peruntukan untuk air, elektrik dan telefon. LPBK atau Lain Perbelanjaan Khas untuk sains, perpustakaan, hisab dan lukisan. Adakah peruntukan itu termasuk sukan?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan untuk sukan dan kegiatan sukan adalah peruntukan dari sumber-sumber lain termasuk majlis sukan sekolah-sekolah negeri dan majlis sukan sekolah-sekolah Malaysia.

#### MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI KUALA LUMPUR

2. **Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) setakat manakah persiapan-persiapan yang dibuat oleh Kerajaan berhubung dengan Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Negara Komanwel, Malaysia sebagai tuan rumah pada Oktober, 1989 ini; dan
- (b) berapa buah Kerajaan akan menghadirinya dan berapa buah Kerajaan tidak menghadirinya serta berapa orang dalam persidangan tersebut.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua—

- (a) Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel ataupun CHO-GM akan berlangsung pada 18hb hingga 24hb Oktober, 1989. Persiapan bagi Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel ini berjalan dengan licin serta memuaskan. Persiapan-persiapan ini dilakukan oleh Jawatankuasa Perancangan Kebangsaan yang mengandungi 12 Jawatankuasa Kecil di bawahnya yang diketuai oleh Menteri Luar Negeri dan merangkumi semua aspek persidangan termasuk juga di Langkawi di mana Ketua-ketua Kerajaan Komanwel akan berkunjung dan bermesyuarat di sana pada 20hb - 22hb Oktober, 1989.



Kerja-kerja Jawatankuasa di atas sedang giat dijalankan dan telah menunjukkan kemajuan yang mengagumkan. Sekarang ini semua pihak sedang giat mengadakan raptai ataupun, dengan izin, rehearsals.

Selain daripada itu, sebuah Urusetia CHOGM telah pun ditubuhkan pada awal tahun 1988 lagi di Kementerian Luar Negeri, Wisma Putra untuk menyelaraskan semua kerja-kerja persiapan persidangan ini.

- (b) Seramai empat puluh tujuh Ketua-ketua Kerajaan yang menjadi anggota Komanwel telah pun dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan CHOGM ini. Ini tidak termasuk negara-negara Nauru dan Tuvalu yang mengikut tradisi tidak menyertai CHOGM.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, sebagai tuan rumah akan mempengerusikan mesyuarat ini.

Surat-surat jemputan telah pun dihantar oleh Perdana Menteri beberapa bulan yang lalu dan daripada maklumbalas aawai, adalah positif kesemua Ketua-ketua Kerajaan Komanwel akan menghadiri mesyuarat ini. Mengikut pengalaman yang lepas pada Mesyuarat CHOGM di Vancouver dan Nassau, hanya 2 atau 3 orang Ketua Kerajaan sahaja yang tidak dapat hadir. Ketua-ketua Kerajaan Komanwel akan cuba menghadiri mesyuarat ini kerana ini adalah mesyuarat mereka melainkan ada perkara-perkara yang betul-betul tidak dapat dielakkan.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa Ratu Elizabeth akan menghadiri persidangan ini dan apakah program Baginda semasa melawat Malaysia.

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, pada lazimnya Ratu Elizabeth selaku Ketua Komanwel akan membuat kunjungan ke negara yang menjadi tuan rumah pada Persidangan CHOGM dan justeru itu Ratu Elizabeth akan membuat lawatan rasmi ke Malaysia sebelum CHOGM diadakan. Dan program-program akan dibuat di Kuala Lumpur serta juga lawatan ke negeri Perak untuk melawat satu tempat yang mana terdapat bekas tempat kuburan bekas-bekas askar British dahulu. Semasa di Kuala Lumpur juga Ratu Elizabeth akan dapat bertemu dengan Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Komanwel dan juga menganjurkan satu majlis makan malam di atas nama Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang akan dituanrumahkan oleh Ratu Elizabeth di atas kapal "Britainica" yang akan berlabuh di Pelabuhan Kelang, yang mana kapal itu akan membawa Ratu Elizabeth ke Malaysia.

**Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:** Berapa banyakkah agaknya perbelanjaan yang dijangkakan oleh pihak Kementerian menganjurkan Persidangan CHOGM ini? Dan keduanya, apakah pihak Kementerian memikirkan bahawa persidangan kali ini lebih besar dan lebih hebat daripada persidangan yang lepas-lepas, umpamanya yang di Vancouver yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi.

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$36 juta telah pun diperuntukkan oleh Kerajaan bagi perbelanjaan persiapan untuk kita menjadi tuan rumah kepada Persidangan CHOGM pada kali ini. Tentunya sebagai tuan rumah kita mahu menjadikan Persidangan CHOGM pada kali ini yang paling hebat berbanding dengan lain-lain persidangan sebelum itu. Maka pihak-pihak Kerajaan dan Kementerian-kementerian yang tertentu sedang giat mencuba mewujudkan satu keadaan yang mana segala persediaan dan

persiapan akan dibuat sepaling baik yang boleh supaya Persidangan CHOGM pada kali ini akan menjadi satu persidangan yang, Insya Allah, paling baik pernah diadakan.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dengan perbelanjaan yang sekian banyak untuk kita menjadi tuan rumah kepada Persidangan CHOGM ini, apakah faedah yang akan diperolehi oleh negara ini secara langsung dan secara tidak langsung dengan menjadi tuan rumah ini.

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi faedah-faedah yang dapat kita terima daripada tuan rumah kepada CHOGM ini adalah seperti berikut: antaranya kita ingin memperkenalkan Malaysia ke dunia, dari segi pelancongan tentunya kita akan mendapat manfaat daripada menjadi tuan rumah kepada persidangan tersebut oleh kerana tidak kurang daripada 1,000 lebih pemberita, jurugambar dan sebagainya akan bersama-sama mengunjungi persidangan tersebut yang datang daripada seluruh dunia. Dijangka juga dengan kehadiran semua Ketua-ketua Kerajaan Komanwel, tentunya akan diikuti oleh satu rombongan yang agak besar juga yang mana mereka akan bersama-sama dapat melihat keadaan yang ada di Malaysia dan justeru itu bila balik ke negeri mereka akan dapat mem“promote”kan negara Malaysia sebagai negara yang banyak tarikan pelancong dan sebagai negara yang boleh menarik pelaburan masuk negara kita ini.

Selain daripada itu kita ingin mem“promote”kan Kuala Lumpur sebuah pusat persidangan antarabangsa. Dengan kita dapat menganjurkan satu persidangan yang bertaraf antarabangsa ini dengan jayanya maka Kuala Lumpur secara langsung akan dapat dikenalpasti oleh negara-negara asing sebagai satu pusat

untuk persidangan-persidangan antarabangsa. Dan tentunya juga akan secara langsung dan tidak secara langsung membawa lagi banyak persidangan-persidangan selain menarik pelancong-pelancong dan sebagainya.

Saya percaya di atas kunjungan ramai Ketua-ketua Kerajaan Komanwel, selain daripada menghadiri persidangan yang diadakan di Kuala Lumpur, mereka juga di bawa untuk melancong atau melawat ke lain-lain tempat dan dengan sekaligus dapat melihat keadaan sebenarnya berlaku di Malaysia. Dan kita percaya dengan adanya “first-hand knowledge”, dengan izin, tentang Malaysia, tentunya kita akan dapat mem“promote”kan lagi Malaysia di kalangan antarabangsa.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, kepada Timbalan Menteri berkenaan, adakah Ahli-ahli Senate juga akan diberi peluang untuk bersama-sama menjadi pemerhati atau lain dalam sidang CHOGM ini?

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, kita semua dari segi warganegara Malaysia boleh memainkan peranan kita untuk sama-sama menyambut tetamu-tetamu kehormat kita semasa persidangan CHOGM yang akan datang dan kita boleh menggalakkan orang-orang kita meningkatkan lagi taraf kebersihan, taraf keindahan sekeliling dan cara hidup harian kita di kalangan tempat-tempat yang bakal dilawati oleh Ketua-ketua Kerajaan dan wakil-wakil mereka. Selain daripada penyertaan Ahli-ahli Dewan Negara, pihak Jawatankuasa akan menimbangkan cara manakah tiap-tiap Ahli-ahli Dewan Negara dan lain-lain boleh memainkan peranan dari segi untuk bersama-sama menganjurkan agar persidangan itu akan berjaya dari semua aspek.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada lagi soalan tambahan? Ini tajuk yang

penting sekarang. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah..

### INDUSTRI BERASASKAN GETAH ASLI

3. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan, berapa banyakkah industri yang berdasarkan getah asli telah didirikan di negara ini dan apakah jenis barangan yang dikeluarkan:

- (a) oleh pelabur asing;
- (b) oleh pelabur tempatan; dan
- (c) di negara manakah barangan ini dieksport dan jumlah eksport dari tahun 1986, 1987, 1988 dan hingga sekarang.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1980 sehingga bulan Mei 1989, sebanyak 589 buah projek berasaskan getah asli yang melibatkan pelaburan bernilai \$3.1 billion telah diluluskan. Sebanyak 53% daripada ekuiti keseluruhannya adalah milik tempatan termasuk 19% bumiputera dan 47% selebihnya adalah ekuiti asing. Di antara projek-projek yang diluluskan itu, 200 buah kilang telah pun wujud mengeluarkan berbagai-bagai barangan. Keluaran-keluaran ini boleh disenaraikan kepada lima kumpulan iaitu, tayar dan tiub, kasut getah, keluaran-keluaran berasaskan susu getah, keluaran-keluaran getah untuk kegunaan industri dan keluaran-keluaran am berasaskan getah.

Penglibatan pelaburan tempatan dan asing adalah lebih kurang sama bagi hampir semua jenis barangan yang dikeluarkan. Perbezaan di antara hak milik rakyat asing dan tempatan industri ini adalah lebih jelas daripada segi saiz kilang, teknologi yang digunakan dan tumpuan pasaran. Bagi keluaran tayar, satu daripada tiga buah

kilang beroperasi adalah milik majoriti asing sementara hampir kesemua daripada syarikat yang mengeluarkan tiub tayar dimiliki oleh rakyat tempatan. Bagi keluaran-keluaran berasaskan susu getah seperti sarung tangan getah, pada kebiasaannya rakyat asing membina kilang-kilang yang lebih besar sementara kebanyakan kilang-kilang yang didirikan oleh rakyat tempatan adalah kecil dan sederhana. Kesemua kilang mengeluarkan catheters adalah hak milik rakyat asing. Bagi keluaran kasut getah pula, hanya dua daripada sembilan buah syarikat yang beroperasi adalah hak milik majoriti rakyat asing sementara keluaran-keluaran getah yang lain untuk kegunaan industri dan am adalah berorientasikan pasaran tempatan dan dimiliki oleh rakyat tempatan.

Jumlah eksport keluaran getah bagi tahun-tahun 1986, 1987 dan 1988 adalah lebih kurang sebanyak \$536 juta, dan \$1.040 juta masing-masing. Pasaran eksport utama ialah Singapura, Amerika Syarikat, Eropah, Arab Saudi, Australia dan Negara-negara Asia Pasifik.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mendapat makluman, daripada pengeluaran-pengeluaran industri yang berasaskan kepada getah asli kita ini bahawa pengeluaran sarung tangan adalah salah satu yang menghadapi masalah dari segi pemasarannya.

Adakah ini disebabkan kerana terlalu banyak kilang-kilang yang diberikan kebenaran untuk pengeluaran hingga menyebabkan pengeluaran melebihi permintaan atau, adakah masalah ini timbul dari segi "sub-standard" pengeluaran-pengeluaran daripada kilang-kilang kita; atau adakah masalah-masalah lain yang menyebabkan, daripada makluman yang saya dapati, kilang-kilang ini sebenarnya menghadapi kerugian pada ketika ini?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, memang betul dalam industri ada kilang-kilang yang bermutu tinggi dan ada kilang-kilang bermutu rendah. Di sini Kementerian saya dari masa ke semasa mendapat laporan tentang semua kilang-kilang itu dan kalau Kementerian saya menjumpa ada barang-barang yang sub-standard, Kementerian saya memang mesti mengambil tindakan terhadap mereka. Berkaitan dengan permintaan, Kementerian saya dan Kerajaan kita percaya bahawa market forces, dengan izin, adalah penting dalam satu pasaran yang bebas sebagai pasaran di Malaysia.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, selepas krisis di negeri Cina, macam manakah sambutan bagi pasaran rubber gloves daripada negara kita?

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi jangka panjang Kementerian saya belum tahu apakah implikasi-implikasinya selepas kejadian baru-baru ini di negeri Republik Rakyat Cina. Tetapi pada masa sekarang tidaklah terjejas perdagangan rubber gloves.

**Dr Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan mengapa harga pasaran tayar, tiub dan kasut di Malaysia adalah nampaknya tinggi walaupun negara kita adalah pengeluar getah yang utama dan barang-barang tersebut adalah diperbuat daripada kilang-kilang tempatan?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh bandingkan dengan keluaran tayar-tayar dan tiub-tiub daripada luar negeri oleh kerana di negara kita kos pengeluaran adalah tinggi. Oleh kerana itu harganya pun tinggi.

#### ITM DAN KOLEJ TAR MENJADI UNIVERSITI— CADANGAN

**4. Tuan C. Krishnan** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada ia bercadang untuk mengamalkan cadangan-cadangan yang dikemuka oleh penasihat Kementeriannya Haji Awang Salleh supaya seperti Kolej TAR, MARA hendaklah menggalakkan para penuntut yang berbilang kaum kerana ini akan menguatkan perpaduan di kalangan rakyat.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu ini telah pun dijelaskan dalam media massa pada 28 April 1989 di mana Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menaikkan taraf ITM dan Kolej Tunku Abdul Rahman menjadi universiti dan membuka peluang kepada pelajar-pelajar semua kaum memasuki ITM. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ITM ditubuhkan untuk melatih kaum bumiputera di dalam bidang profesional dan semi-profesional.

#### GALAKAN PELABURAN— PENIPUAN

**5. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai ahli perniagaan Malaysia menipu Kerajaan untuk mendapatkan berbagai galakan yang ditawarkan oleh Kerajaan kepada Pelabur Asing dengan cuba mendaftar syarikat mereka di seberang laut dan langkah-langkah yang telah diambil bagi membanterasnya.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat galakan-galakan pelaburan yang ditawarkan oleh Kerajaan tidak

mempunyai apa-apa perbezaan sama ada bagi pelabur asing mahupun pelabur tempatan. Oleh yang demikian, syarikat Malaysia tidak perlu mendaftar syarikat mereka di seberang laut kerana ianya tidak mendatangkan sebarang faedah.

### SKIM BANTUAN ORANG MISKIN

6. Puan Hajjah Habidah binti Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kriteria pemilihan penduduk termiskin yang akan diberi skim bantuan orang miskin yang telah diisytiharkan oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini; dan
- (b) berapakah jumlah mereka itu setelah didaftarkan di negeri-negeri di seluruh negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kriteria pemilihan penduduk termiskin untuk diberi bantuan adalah berdasarkan pendapatan bulanan. Keluarga-keluarga yang mempunyai pendapatan \$175 sebulan atau kurang bagi Semenanjung, \$267 bagi Sabah dan \$215 bagi Sarawak adalah layak mendapat bantuan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin.
- (b) Kerajaan sedang mengenal pasti dan mendaftar keluarga-keluarga termiskin di setiap daerah untuk mengetahui bilangan sebenarnya.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri. Adakah ianya merangkumi juga kawasan-kawasan pendalaman di dalam bandar contoh di kawasan-kawasan setinggan yang punya masalah yang sama?

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, ya, ia merangkumi dalam kawasan di dalam bandar asalkan kriterianya meliputi dari segi kadar pendapatan.

### PENGANIAYAAN KANAK-KANAK

7. Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan setakat manakah benar kenyataan yang dibuat oleh Professor Madya Dr Mohd. Sham, Presiden Kumpulan Pencegah Penganiayaan dan Pengabaian kanak-kanak, bahawa anak-anak Melayulah yang paling ramai mengalami penganiayaan dan tekanan jiwa (depressed) dewasa ini. Jika benar apakah langkah-langkah dan rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Yang Berhormat untuk membanteras penganiayaan tersebut.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Mustaffa bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, jika diteliti dari perangkaan kejadian-kejadian penganiayaan adalah benar bahawa anak Melayulah yang paling ramai menjadi mangsa penganiayaan. Pada tahun 1986 sahaja, dari sejumlah seramai 190 orang kanak-kanak yang teraniaya didapati anak Melayu paling ramai yang teraniaya iaitu 90 orang dan diikuti oleh anak keturunan Cina 50 orang dan anak keturunan India 42 orang.

Jika ditinjau dari komposisi penduduk di bawah umur 18 tahun, maka anak Melayu yang teraniaya bagi tahun yang sama adalah merupakan hanya 0.002% berbanding dengan anak keturunan India 0.007% dan anak keturunan Cina 0.004%.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kebajikan Masyarakat mengambil

beberapa tindakan untuk membanteras penganiayaan dengan cara:

- (i) menyelamatkan kanak-kanak yang teraniaya dan memindahkan mereka ke Rumah Kanak-kanak;
- (ii) menyiasat punca masalah yang dihadapi oleh keluarga dan memberi nasihat dan kaunseling;
- (iii) jika tidak berjaya, maka dirujuk kepada pakar perawatan jiwa (psychiatrist) untuk terapi atau didakwa ke Mahkamah; dan
- (iv) meningkatkan kesedaran bahawa ahli masyarakat juga harus membantu Kerajaan dengan cara melaporkan kejadian menganiaya supaya anak yang malang tidak terus dianiaya.

Kerajaan kini sedang mengkaji semula Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 dengan tujuan memperketatkan lagi perbekalan undang-undang itu dan memberi tanggungjawab kepada masyarakat supaya melaporkan kejadian menganiaya kanak-kanak.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan, tidakkah Kementerian Yang Berhormat mewujudkan sebuah bangunan khas dengan asramanya, dengan izin, seperti half-way house, untuk menempatkan kanak-kanak yang dikena zalim itu dan diberi persekolahan juga kaunseling dan sebagainya sehingga mereka dewasa?

**Dato' Mustaffa bin Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu sebenarnya ada ditanyakan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat di soalan No. 10. Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab kemudian.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya

kepada Menteri yang berkenaan iaitu apakah faktor-faktor yang terpenting yang telah disiasat yang menyebabkan ibu bapa atau penjaga melakukan penganiayaan dan mengapa ianya banyak sangat dikalangan orang-orang Melayu?

**Dato' Mustaffa bin Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak perkara-perkara yang menjadi faktor yang menyebabkan keadaan yang sedemikian. Kemiskinan, pendidikan dan juga pengalaman individu juga menyebabkan ibu-ibu bapa melakukan perbuatan sedemikian.

#### PENDIDIKAN TADIKA— KAWALAN

**8. Dr Tan Chong Keng** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rancangan Kementerianya untuk mengawal pendidikan tadika atau pra-sekolah. Apakah langkah-langkah yang akan diambil terhadap—

- (i) latihan guru-guru tadika,
- (ii) kurikulum tadika, dan
- (iii) periesenan tadika swasta.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawalan terhadap pendidikan tadika ataupun pra-sekolah pada masa sekarang adalah dilakukan seperti berikut:

- (a) Kawalan proses pendaftaran.
- (b) Pengawalseliaan oleh pendaftar serta pegawai-pegawainya.
- (c) Pengeluaran permit mengajar kepada guru-guru tadika.

Kementerian Pendidikan tidak terlibat dalam latihan guru-guru tadika. Walau bagaimanapun pihak swasta dan beberapa agensi Kerajaan seperti FELDA dan KEMAS ada menjalani skim latihan tersebut.

Kementerian Pendidikan telah menyediakan Garis Panduan Kurikulum Pra-Sekolah Malaysia sebagai panduan untuk semua tadika di negara ini.

Perlesenan tadika-tadika swasta bermaksud pengeluaran sijil-sijil pendaftaran sekolah-sekolah kepada penganjur-penganjur tadika dan ini adalah di bawah kawalan Bahagian Pendaftar Sekolah dan Guru, Kementerian Pendidikan.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehkah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk membawa satu Akta atau Peraturan mengenai Pendidikan pra-sekolah atau tadika dimasukkan dalam jadual waktu biasa sekolah supaya anak-anak kita belajar dengan sempurna?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu boleh kita timbangkan.

**Puan Valli Muthusamy:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Pendidikan. Adakah perlu pihak estet-estet memohon lesennya untuk mengadakan tadika?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, minta ulangkan soalan itu.

**Puan Valli Muthusamy:** Adakah perlu pihak estet-estet memohon lesennya untuk mengadakan atau menjalankan tadika?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan tadika ini perlu juga didaftar dan dilesen.

#### PENYALAHGUNAAN WANG CARUMAN NUPW

**9. Tuan K. Sivalingam** minta Menteri Buruh menyatakan apakah tindakan oleh Kementerian atas tohmahan

pekerja ladang tentang penyalahgunaan wang caruman oleh Ahli Jawatankuasa Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang-ladang (NUPW).

**Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh tidak menerima sebarang tohmahan daripada pekerja-pekerja ladang tentang penyalahgunaan wang caruman oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW).

Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja telah pun membuat penyiasatan dan hasil penyiasatan menunjukkan bahawa tabung Kesatuan digunakan untuk perbelanjaan-perbelanjaan seperti pembayaran gratuity dan pension pegawai-pegawainya. Perkara ini sedang disiasat selanjutnya dan sementara itu pihak NUPW pula telah mengambil tindakan untuk memberhentikan segala pembayaran pension dan gratuity.

**Tuan P. Balaram:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada bertambahnya insiden-insiden penyalahgunaan wang pekerja-pekerja ataupun ahli-ahli kesatuan sekerja, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan undang-undang ataupun meminda Akta Buruh untuk mengawal atau menyekat penyalahgunaan caruman pekerja-pekerja atau ahli-ahli?

**Tuan Kalakau Untol:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian belum bercadang berbuat demikian. Undang-undang yang ada sekarang adalah mencukupi untuk mengawasi perkara ini.

#### PENGANIAYAAN KANAK- KANAK—PERANGKAAN

**10. Puan Law Jack Yoon:** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

(a) berapa ramaikah kes-kes penganiayaan kanak-kanak

yang telah dilaporkan mengikut kategori-kategori berikut:

- (i) penganiayaan oleh ibu-bapa kandung;
  - (ii) penganiayaan oleh ibu-bapa tiri, saudara-mara; dan
  - (iii) penganiayaan oleh penjaga pada tahun-tahun 1987 dan 1988; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mendirikan sebuah "pusat" untuk kanak-kanak yang telah dianiayai.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Tuan Mustaffa bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Mengikut perangkaan Kementerian Kebajikan Masyarakat, daripada jumlah kanak-kanak yang dianiaya pada tahun 1987 dan 1988 terdapat:

<i>Penganiayaan oleh</i>	1987	1988	Jumlah
	(orang)	(orang)	(orang)
Ibubapa kandung	85	117	202
Ibu tiri dan saudaramara	35	46	81
Penjaga	21	20	41
<b>JUMLAH ..</b>	<b>141</b>	<b>183</b>	<b>324</b>

- (b) Kerajaan tidak berhajat untuk mendirikan sebuah pusat khas untuk kanak-kanak yang dianiaya kerana sekarang telah pun terdapat empat buah rumah kanak-kanak yang memberi jagaan dan perlindungan kepada kanak-kanak yatim piatu dan yang mempunyai masalah keluarga termasuk kanak-kanak yang dianiaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim.

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan no. 11.

### KEDAI PERNAMA

**11. Tuan Hassan bin Nam** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan perkembangan mengenai cadangan Kerajaan untuk membenarkan bekas-bekas perajurit menggunakan segala kemudahan membeli di kedai PERNAMA dan nyatakan sebab-sebabnya cadangan ini tidak dapat dilaksanakan sekarang.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan yang sedia ada, kemudahan membeli-belah di kedai-kedai PERNAMA hanya diperuntukkan kepada para anggota Tentera yang sedang berkhidmat sahaja, kecuali kedai-kedai PERNAMA yang dibuka untuk orang-orang awam. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang membuat kajian terperinci bagi membolehkan para pesera Tentera turut menikmati kemudahan tersebut. Sehingga ini, keputusan kajian masih lagi belum diperolehi kerana Kerajaan memerlukan masa bagi mengkaji perkara ini kerana ia menyebabkan perundangan dan kewangan negara.

### TORNADO—PEMBELIAN PESAWAT PEJUANG

**12. Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kerajaan akan tetap membeli kapal terbang pejuang "Tornado" dari Great Britain. Apakah manfaat dari persefahaman untuk membeli kelengkapan senjata dari Great Britain yang bernilai \$4.5 billion



kepada ekonomi negara. Apakah rasionalnya pembelian secara begini dari sebuah negara sahaja.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, pemilihan untuk membeli sesuatu jenis pesawat pejuang adalah bergantung kepada peranan dan jenis misi (mission) yang telah dikenalpasti oleh pengguna iaitu Tentera Udara Di-Raja Malaysia, sejajar dengan strategi-strategi pertahanan negara dan strategi Angkatan Tentera. Pemilihan pesawat TORNADO adalah berbandukan keperluan strategi itu. Walau bagaimanapun, setakat ini Kementerian Pertahanan belum lagi mengadakan sebarang rundingan yang terperinci dengan pihak Kerajaan British tentang peralatan pertahanan yang akan dibeli itu.

Kerajaan memang mendapat manfaat dengan Perjanjian per-sefahaman ini kerana perjanjian ini menandakan persetujuan kita untuk membeli alat kelengkapan pertahanan yang akan dibuat secara timbal balas. Ini bermakna negara akan dapat mempertingkatkan penjualan komoditi utama negara seperti minyak sawit, getah, bijih timah dan sebagainya.

#### MISSI PELABURAN MIDA KE TAIWAN

**13. Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah prestasi yang dicapai oleh Missi Pelaburan MIDA ke Taiwan baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Missi Galakan Pelaburan ke Taiwan baru-baru ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Ramai usahawan-usahawan Taiwan

telah menyatakan minatnya hendak melabur di Malaysia. Dari beberapa pertemuan dan perbincangan yang telah diadakan dengan beberapa buah syarikat Taiwan baru-baru ini, mereka telah menunjukkan minat untuk melabur dalam bidang-bidang berikut:

Industri petro-kimia (Bahan plastik)	\$1,300 juta
Industri elektronik	120 juta
Industri makanan	10 juta
Lain-lain industri	8 juta
<b>JUMLAH</b>	<b>\$1,438 juta</b>

#### KARGO DI PELABUHAN KELANG--PENGENDALIAN

**14. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kargo di Pelabuhan Klang makin bertambah atau berkurangan jika dibandingkan dengan tahun 1988. Apakah jenis kargo yang diimport dan dieksport dan berapa hari kargo-kargo itu berada di pelabuhan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, pengendalian kargo di Pelabuhan Kelang adalah dijangka akan bertambah bagi tahun 1989 jika dibandingkan dengan tahun 1988 iaitu, pertambahan lebih kurang 10% daripada tahun 1988. Adalah dianggarkan sebanyak 17.5 juta tan akan dikendalikan tahun ini. Bagi 5 bulan pertama sahaja iaitu dari Januari hingga Mei 1989, kargo yang telah dikendalikan bertambah sebanyak 8.6% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1988.

Jenis kargo utama yang diimport dan dieksport melalui Pelabuhan Kelang adalah seperti berikut:

Kargo Import Utama ialah---

- (i) besi dan keluli;
- (ii) jentera (berat dan ringan) dan alat-alat ganti;

- (iii) kertas-kertas cetak;
- (iv) baja dan kimia;
- (v) biji-bijian;
- (vi) gula mentah; dan
- (vii) bahan-bahan petroleum.

Manakala kargo-kargo eksport utama ialah—

- (i) getah;
- (ii) kayu kayan dan papan lapis;
- (iii) sisa kelapa sawit, dengan izin, palm kernel waste;
- (iv) minyak-minyak kelapa sawit atau, dengan izin, palm kernel oil and palm oil;
- (v) getah cecair; dan
- (vi) barang-barang buatan Malaysia atau, dengan izin, manufactured goods.

Mengenai tempoh kargo import berada di pelabuhan, ini bergantung kepada pihak-pihak consignee dan agen-agen penghantaran mengambil tindakan mengeluarkan kargo-kargo import mereka. Pada pro-rata, kargo import berada lebih kurang tiga hari dalam kawasan Lembaga sebelum diambil keluar. Walau bagaimanapun, Lembaga memberikan tiga hari simpanan percuma untuk kargo-kargo import dan sekiranya kargo-kargo import tersebut tidak dikeluarkan selepas tiga hari, caj-caj berkaitan akan dikenakan oleh Lembaga.

Kargo eksport pada kebiasaannya berada selama lima hari di kawasan Lembaga sebelum dimuatkan ke dalam kapal. Pihak Lembaga tidak mengenakan bayaran simpanan selama tujuh hari untuk kargo-kargo eksport.

Tempoh simpanan percuma ini diberikan untuk tujuan prosesan dokumen-dokumen bagi kargo import manakala untuk kargo eksport pula, tujuan consolidation, dengan izin, kargo-kargo yang diterima sebelum dimuatkan ke dalam kapal.

## TANAH TERBIAR

**15. Dr Ng Khok Kiung** minta Menteri Pertanian menyatakan sehingga 30hb Jun, 1989, berapakah keluasan tanah terbiar yang dapat dimajukan atau dipulihkan oleh:

- (a) agensi Kerajaan (FELDA, FELCRA, dll); dan
- (b) oleh swasta.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua kategori tanah terbiar iaitu tanah sawah terbiar dan tanah terbiar bukan sawah. Kementerian Pertanian hanya merancang dan menyelaras program-program pemulihan tanah sawah terbiar, manakala Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bertanggungjawab memajukan tanah terbiar bukan sawah. Sehingga 30hb Jun, 1989 keluasan tanah terbiar yang telah dimajukan atau dipulihkan adalah seperti berikut:

- (a) Agensi Kerajaan—
  - (i) Tanah Sawah—Agensi Kerajaan seperti Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Jabatan Pertanian, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan FELCRA telah memulihkan sebanyak 60,119 hektar.
  - (ii) Tanah terbiar bukan sawah—FELCRA telah memulihkan sebanyak 77,193 hektar.
- (b) Swasta, belia dan siswazah telah memulihkan sebanyak 22,000 hektar tanah sawah.

## GURU—PELAKSANAAN GAJI DUA SKIM

**16. Tuan G. Rajoo** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) secara kasar kebaikan pelaksanaan gaji dua skim kepada guru-guru negara ini;

- (b) secara menyeluruh aspek-aspek penting, cara pelaksanaan dan card "conversion" bagi guru-guru yang sedang berkhidmat sekarang semasa pelaksanaan gaji dua skim nanti; dan
- (c) apakah sebab-sebabnya gaji dua skim belum dilaksanakan lagi dan bilakah ianya akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Secara kasar cadangan dua skim gaji adalah bertujuan untuk mengemaskini dan memperbaiki lagi skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan selaras dengan perkembangan dalam bidang pendidikan di negara ini. Jika dua skim dilaksanakan ianya dijangka akan dapat memperbaiki lagi kerjayanya guru-guru terutama guru-guru dari Kumpulan Gaji C.
- (b) Butir-butir terperinci mengenai cara pelaksanaan, pemindahan guru-guru yang sedang berkhidmat ke skim perkhidmatan baru masih belum diputuskan oleh Kerajaan. Oleh itu ia tidak dapat dikemukakan secara menyeluruh di sini.
- (c) Dua skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan masih di dalam tindakan pihak Kementerian Pendidikan. Ianya melibatkan kajian-kajian dan rundingan-rundingan supaya tidak timbul banyak masalah apabila skim perkhidmatan ini dilaksanakan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memutuskan skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan ini dilaksanakan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1989.

## MAJLIS PERUNDINGAN PENDIDIKAN

**17. Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau akan menubuhkan Majlis Perundingan Pendidikan yang semacam dengan Majlis Perundingan Dasar Ekonomi Baru demi kepentingan pendidikan. Sekiranya ya, sila berikan butir-butir berkaitan dengan masa, matlamat dan tujuan serta siapakah orang atau pertubuhan yang akan dijemput untuk masuk ke majlis ini. Sekiranya tidak, sila berikan alasan untuk tidak berbuat demikian.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang hendak menubuhkan Majlis Perundingan Pendidikan. Ini adalah kerana Kementerian Pendidikan sedang mengkaji cadangan berhubung dengan penubuhan Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan.

## WANG TAK DITUNTUT—JUMLAH DAN PENGGUNAAN

**18. Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah terkumpul Wang Yang Tidak Dituntut (Unclaimed Monies) daripada tahun 1985 hingga tahun 1988. Mengikut penelitian *Gazette* ada tuannya wang yang dapat dikesan dan sebilangan nama-nama memang dikenali ramai, tetapi wang mereka tidak dikirimkan kepada mereka. Mengapa ini berlaku dan di manakah wang terkumpul ini digunakan dan untuk apa tujuan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, wang tak dituntut yang telah dipungut oleh Pendaftar Wang Tak Dituntut di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 bagi tahun 1985 hingga tahun 1988 adalah sebanyak \$71,056,226.31.

Mengikut Akta tersebut, semua wang-wang tak dituntut dari syarikat/firma/pertubuhan dan badan berkanun hendaklah dikemukakan dalam dua salinan tiap-tiap satu borang UMA 1 kepada pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut dan Jabatan Percetakan Negara untuk diwartakan dalam *Warta Kerajaan* bagi tujuan memberitahu semua pemiliknya supaya tuntutan terhadap wang ini boleh dibuat. Oleh itu, semua tuntutan pada masa itu atau pada mana-mana ketika dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh penyerahan borang UMA 1 kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut hendaklah dibuat daripada syarikat/firma/pertubuhan dan badan berkanun yang berkaitan.

Wang tak dituntut ini hanya diserahkan kepada pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut selepas luput tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh penyerahan borang UMA 1. Oleh itu, ada kemungkinan sewaktu senarai pemilik wang tak dituntut diwartakan, tuntutan telah pun dibuat kerana *Warta Kerajaan* yang mengandungi butir-butir pemilik wang tak dituntut tersebut adalah dikeluarkan lewat dari tarikh penyerahan senarai tersebut. Sekiranya pemilik wang tak dituntut dalam *Warta Kerajaan* masih belum membuat tuntutan, pihak pejabat wang tak dituntut tidak akan mengembalikannya kepada mereka kerana tanggungjawab bagi membuktikan kelayakan wang tak dituntut itu adalah terletak kepada si empunya.

Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut akan menyimpan wang ini dalam Akaun Amanah Yang Disatukan selama enam (6) tahun sebelum memindahkannya kepada Akaun Hasil Yang Disatukan. Dengan demikian, wang ini tidaklah digunakan oleh Kerajaan bagi membayar perbelanjaan mengurus, tanggungan atau pembangunan.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan wang tak dituntut, adakah satu

di antara sebab-sebabnya adalah kerana sikap pihak yang berkenaan seperti bank atau institusi kewangan yang tidak mengambil inisiatif untuk menghubungi pemiliknya ataupun pelanggan-pelanggan mereka. Misalnya baru-baru ini dalam satu *Gezet* yang diwartakan oleh Kerajaan di bawah senarai Standard Chartered Bank, kami terbaca ada dua orang kenamaan iaitu Dato' Haji Ahmad Razali, bekas Menteri Besar, Selangor dan juga Tun Datu Mustapha yang diwartakan dalam *Gezet Kerajaan*. Adakah kerana sikap pihak bank berkenaan tidak menghubungi orang-orang kenamaan yang tersebut sehingga tindakan pengwartakan dibuat untuk mencari kedua-dua orang kenamaan tersebut?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ketahui, mungkin *Warta Kerajaan* ini telah dikeluarkan dan mungkin yang berkenaan telah mengambil wangnya dan kita pun tidak tahu. Kemudian yang keduanya, kita tidak tahu mungkin yang punya duit itu tidak berminat lagi hendak mengambil itu balik. Kalau dia berminat, tentulah dia akan ambil.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam pertaruhan di dalam jabatan-jabatan Kerajaan juga perkara ini berlaku. Bolehkah pihak Kerajaan melonggarkan sedikit syaratnya apabila hendak menuntut wang ini daripada wang yang tidak dituntut ini tanpa meminta resit kerana resit yang dikeluarkan itu sudah lama sangat mungkin orang tak simpan lagi, maka bolehkah Kerajaan melonggarkan syarat ini? Dengan diketahui namanya sahaja, duitnya ada, sila serahkan balik.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peraturan-peraturan mencukupi bagi yang berkenaan itu untuk menuntut wangnya. Jika

sekiranya pihak yang berkenaan itu boleh membuktikan dan bukti ini munasabah mengikut peraturan, wang ini akan dikembalikan kepada yang berkenaan itu.

### PENGHARAMAN MEMBAKAR MERCUN—KESAN PELAKSANAAN

**19. Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk melarang pengimportan mercun memandangkan pembakaran mercun merupakan permainan yang mempunyai risiko dan merugikan:

- (a) nyatakan jumlah wang yang mengalir keluar hasil dari kebenaran pengimportan mercun selama lima tahun kebelakangan; dan
- (b) nyatakan dari segi manakah kebenaran pengimportan mercun itu diluluskan.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, pengharaman membakar mercun telah berkuatkuasa mulai tahun 1948 berikutan pengisytiharan darurat. Walau bagaimanapun, kelonggaran pernah diberi di hari-hari perayaan untuk beberapa hari sahaja.

Pada tahun 1982 pembakaran dan pengimportan mercun telah diharamkan termasuk pada hari-hari perayaan. Dengan itu mercun telah dimasukkan di bawah Jadual Pertama Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) dan pengimportannya adalah dilarang secara mutlak (absolute prohibition). Walau bagaimanapun, larangan ini telah ditarik balik pada tahun 1986 dan pada tahun yang sama pembakaran dan pengimportan mercun telah dibenarkan di Sarawak sahaja. Kelonggaran ini telah mula diberikan di Semenanjung dan Sabah pada tahun 1987 dan lesen import dikeluarkan hanya apabila kelonggaran ke atas pengharaman membakar

mercun diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri.

- (a) Nilai import lima tahun berasaskan lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan perindustrian adalah seperti berikut:

Tahun	Nilai Import mercun:
1984, 1985, dan 1986.	Tidak ada pengimportan kerana ianya diharamkan.
1987 ..	\$3,767,500.
1988 ..	\$14,599,230.

- (b) Mercun ini diimport dari negara-negara China, Thailand dan Hong Kong.

### PESAKIT BUAH PINGGANG— RAWATAN

**20. Puan Ainon binti Ariffin** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan peruntukan khas bagi membiayai para pesakit buah pinggang di kalangan anggota-anggota Tentera yang menjalani rawatan-rawatan melalui mesin Dialysis di Hospital Kinrara Kuala Lumpur memandangkan adanya masalah yang dihadapi oleh Hospital tersebut berkaitan perkara berkenaan.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk merawat para pesakit buah pinggang dari kalangan anggota tentera dan tanggungan mereka di Hospital Angkatan Tentera Kinrara adalah mencukupi untuk membiayai rawatan dan tidak memerlukan peruntukan khas untuk membiayai rawatan tersebut.

### KESATUAN PEKERJA MALAYSIA (MLO)

**21. Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Buruh menyatakan berdasarkan

kriteria apakah yang akan digunakan untuk mengiktirafkan taraf Kesatuan Pekerja Malaysia yang ditubuhkan baru-baru ini. Apakah langkah akan diambil untuk mencegah Kesatuan Pekerja diperalatkan oleh parti politik.

**Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol):** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang dikemukakan ini adalah kurang jelas. Jika perkara yang dimaksudkan ini, dengan izin, bermaksud Malaysian Labour Organization (MLO) ianya bukan satu Kesatuan Sekerja tetapi adalah dicadangkan sebagai satu badan "consultative". Permohonan untuk mendaftarkannya masih lagi dalam pertimbangan Pendaftar Pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan, 1966.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penglibatan Kesatuan Sekerja dalam bidang politik, jika ada bukti yang kukuh bahawa seseorang pemimpin Kesatuan Sekerja itu menggunakan Kesatuan Sekerja untuk tujuan politik, iaitu di luar tujuan asal penubuhan kesatuan itu dan lunas-lunas peraturannya sendiri, Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap kesatuan itu dan pemimpin kesatuan tersebut.

#### PEGAWAI KESELAMATAN DI SEKOLAH PEREMPUAN

**22. Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian Pendidikan bercadang mengadakan pegawai keselamatan untuk Sekolah-sekolah Perempuan untuk mengawal penceroboh masuk atau menyamar sebagai keluarga murid perempuan tidak kira Sekolah Rendah atau Menengah, kerana ada perkara-perkara yang tidak diinginkan telah berlaku iaitu mencabul, tidak kira murid kecil atau besar, kerana kurang pengawasan di sekolah.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan buat masa ini belum bercadang mengadakan Pegawai Keselamatan bagi menjaga keselamatan pelajar-pelajar terutamanya pelajar-pelajar perempuan di sekolah-sekolah Rendah dan Menengah kerana:

- (i) sistem kawalan keselamatan telah pun diwujudkan oleh pihak pentadbir sekolah di tiap-tiap sekolah;
- (ii) sistem tugas jadual harian bagi guru-guru pada masa persekolahan telah diadakan di mana guru yang bertugas dipertanggungjawabkan ke atas keselamatan dan kebajikan pelajar-pelajar;
- (iii) bagi sekolah-sekolah berasrama penuh, Warden-warden telah dilantik untuk mengawal keselamatan pelajar-pelajar; dan
- (iv) di luar masa persekolahan pula, Jaga-jaga telah dilantik bagi menjaga keselamatan sekolah.

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa sekarang di sekolah-sekolah Rendah dan Menengah terutamanya sekolah perempuan, kalau kanak-kanak itu hendak pergi ke tandas mesti berkawan. Kalau tidak ada kawan, gurunya tidak benarkan. Perkara ini berlaku, dua atau tiga orang mesti pergi ikut kawan, kerana keselamatan. Perkara ini telah berlaku di sebuah sekolah di Pulau Pinang. Jadi itu sebabnya saya buat soalan untuk menjaga keselamatan supaya orang luar tidak bebas masuk ke kawasan sekolah. Ada yang berpura-pura berpakaian yang "smart", dia kata hendak jumpa si-anu, hendak bawa anak saudara dia, kemudian lirikan anak murid ini, lepas itu ada yang

menceroboh ke tandas-tandas kanak-kanak perempuan. Ini berlaku, Yang Berhormat. Kalau dapat dipertimbangkan, sungguhpun tidak ada peruntukan untuk menjaga keselamatan sedemikian, kita memperketatkan arahan kepada sekolah-sekolah kerana kanak-kanak ketakutan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada yang telah kita katakan sebab-sebab kita tidak mengadakan pegawai keselamatan secara amnya dalam Kementerian untuk kesemua sekolah, ialah kerana sistem-sistem masa kini telah wujud untuk mengawal keselamatan di sekolah-sekolah masing-masing. Begitu juga garis panduan-garis panduan telah disediakan untuk keselamatan di mana akan digunakan oleh pihak sekolah-sekolah dan guru-guru. Begitu juga kemudahan infrastruktur seperti pagar dan lain-lain di mana perlu telah diberi peruntukan untuk keselamatan sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 23 hingga 49 adalah diberi di bawah ini).*

### SUKAN SEA—KESELAMATAN

**23. Tuan V. K. Sellapan** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah keselamatan yang diambil untuk menghadapi Sukan SEA pada bulan Ogos ini.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):** Pasukan Polis DiRaja Malaysia dalam menghadapi Sukan SEA XV ini sedang mengambil tindakan-tindakan positif bagi memastikan kejohanan ini berjalan lancar, bertujuan tidak membenarkan

sebarang insiden-insiden buruk dari berlaku. Segala aspek-aspek keselamatan bagi diri peserta-peserta/pegawai-pegawai sukan, tempat-tempat penginapan dan tempat-tempat pertandingan sedang diuruskan. Aturan-aturan keselamatan juga meliputi pemerhati-pemerhati sukan dan orang-orang kenamaan serta penonton-penonton.

Pihak polis akan mengadakan anggota-anggota tambahan bagi menjalankan tugas-tugas yang tersebut di atas. Setakat ini tiada masalah keselamatan timbul dalam menghadapi sukan ini. Dari penilaian pihak polis, sukan ini dijangkakan tidak akan mendatangkan ancaman-ancaman yang kompleks seperti yang terdapat di Sukan-sukan Olimpik dan sebagainya.

### KAPALTERBANG KECIL MENDARAT

**24. Dr Nordin bin Selat** minta Menteri Pengangkutan menjelaskan ada tidak cadangan untuk menghadkan kapalterbang kecil yang mempunyai satu enjin untuk mendarat hanya pada siang hari sahaja. Ini akan dapat mengelakkan kapalterbang itu mendatangkan bahaya pada kawasan-kawasan perumahan seperti yang berlaku baru-baru ini.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Seperti negara-negara lain, setakat ini Malaysia tidak ada undang-undang khas untuk menyekat operasi pesawat, termasuk pesawat satu enjin daripada membuat penerbangan waktu malam sekiranya pesawat-pesawat berkenaan dilengkapi dengan alat-alat untuk operasi di waktu malam. Mengadakan undang-undang khas sedemikian akan mempunyai implikasi-implikasi tertentu atas industri penerbangan awam di negara ini. Perlu saya memaklumkan disini bahawa sebarang pembangunan di kawasan-kawasan berdekatan lapangan terbang adalah dikawal dan

hanya dibenarkan mengikut syarat-syarat dan keperluan-keperluan tertentu.

### TRAK TUNDA

**25. Tuan Syed Abdul Hamid bin Sagaff** meminta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah yang diambil untuk mengawal kegiatan trak tunda yang bermaharajalela di lebuh raya.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Memandangkan bertambahnya bilangan aduan mengenai pengendalian trak-trak tunda, Kementerian Pengangkutan berpendapat bahawa perlu mengadakan kawalan ke atasnya dari segi upah dan kawasan operasinya. Oleh kerana Kementerian ini hanya mempunyai kuasa untuk memastikan trak-trak tersebut berada dalam keadaan mekanikal yang baik dan keadaan selamat di jalan (road worthy), maka kawalan terhadap upah dan kawasan operasi hendaklah dibincangkan dengan agensi-agensi berkaitan yang lain sebelum keputusan muktamad dibuat oleh Kerajaan.

### TABUNG PEMULIHAN USAHAWAAN

**26. Dr Nawawi bin Mat Awin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar faktor-faktor yang sebenarnya menyebabkan pelaksanaan skim Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) tidak berjalan cepat seperti yang dirancang dan apakah tindakan-tindakan yang sudah dan akan diambil untuk mengatasinya.

**Datuk Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Y.B. Tuan Hassan bin Harun pada 12-7-89. Kerana soalan yang dikemukakan adalah berkaitan iaitu mengenai Tabung Pemulihan Usahawan.

Tabung Pemulihan Usahawan (TPU), satu tabung berbentuk pusingan sebanyak \$500 juta telah ditubuhkan pada awal tahun 1988 bertujuan untuk membantu usahawan Bumiputera yang menghadapi masalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi negara tahun 1985-86 yang lepas. Sehingga 30 Jun 1989, terdapat sebanyak 951 kes-kes yang telah diterima dan dari jumlah ini 629 kes telah diputuskan. Daripada jumlah 629 kes yang diputuskan itu, keputusannya adalah seperti berikut:

	<i>Jumlah Kes</i>	<i>%</i>
(a) Bantuan yang diluluskan di bawah Skim TPU	113	17.9
(b) Diselesaikan oleh institusi kewangan tanpa bantuan TPU	114	22.9
(c) Keputusan yang ditangguh	174	27.7
(d) Ditolak .. .. .	198	31.5
<b>JUMLAH .. .. .</b>	<b>629</b>	<b>100.0</b>

Jumlah bantuan kewangan yang dipersetujui adalah sejumlah \$22.8 juta.

Skim ini adalah satu skim yang unik yang tidak terdapat di negara-negara lain. Oleh kerana keunikannya, ianya mengambil masa yang panjang untuk melaksanakannya. Masalah-masalah yang dihadapi di dalam pelaksanaan Skim TPU ini adalah seperti berikut:

- (a) Proses pelaksanaannya melibatkan berbagai pihak dan kajian terperinci perlu dilakukan oleh setiap pihak dan memakan masa yang agak panjang;
- (b) kegagalan dan kelewatan pemohon-pemohon sendiri untuk berbincang dengan institusi kewangan;
- (c) pemohon yang tidak mempunyai masalah kewangan juga turut memohon bagi mendapatkan



sumber kewangan. Dengan demikian masa telah terbuang bagi memproses kes-kes tersebut;

- (d) kegagalan pemohon untuk menyimpan rekod-rekod perniagaan mereka dengan betul;
- (e) tiada kerja kontrak yang dapat ditawarkan kepada kontraktor untuk dilaksanakan; dan
- (f) kegagalan institusi kewangan untuk mempercepatkan proses permohonan di bawah skim ini.

Bagi mengatasi masalah-masalah ini, beberapa perubahan akan dibuat kepada garis panduan yang sedia ada dan melalui perbincangan institusi kewangan berkenaan bagi mempercepatkan pelaksanaan Skim ini.

#### **LAWATAN KERJA PERDANA MENTERI KE LUAR NEGERI**

**27. Puan Norani binti Haji Beluah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah kerjasama dan kata sepakat yang telah didapati semasa Perdana Menteri mengadakan lawatan ke luar negeri baru-baru ini dari segi:

- (a) menarik pelabur-pelabur asing melabur ke negara ini; dan
- (b) kerjasama dalam usaha membentaras penyalahgunaan dadah di peringkat Antarabangsa.

7-7-89

**10. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah faedah ekonomi dan politik hasil lawatan rombongan pelaburan rasmi Perdana Menteri ke Amerika Syarikat dan Britain baru-baru ini.

10-7-89

**23. Tuan Haji Abd. Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke Amerika Syarikat dan Britain baru-baru ini.

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Izinkan saya menjawab soalan ini serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam pada 7hb Julai, 1989 dan Yang Berhormat Tuan Haji Abd. Majid bin Haji Abdullah pada 10hb Julai, 1989 kerana soalannya adalah sama.

Semasa lawatan kerja Y.A.B. Perdana Menteri ke luar negeri baru-baru ini beliau telah mengadakan perbincangan dengan beberapa ahli usahawan terkemuka mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Y.A.B. Perdana Menteri telah mengundang mereka untuk mengadakan dialog lebih kerap lagi dengan usahawan-usahawan Malaysia bagi bekerjasama dan meningkat lagi penanaman modal mereka di negara ini. Sukacita dimaklumkan bahawa usahawan-usahawan asing ini telah memberi jaminan akan terus melabur dan meningkatkan lagi penyertaan mereka di Malaysia. Dengan adanya sambutan yang menggalakkan ini Y.A.B. Perdana Menteri percaya dan yakin bahawa arus pengaliran masuk pelaburan luar negeri ke Malaysia akan meningkat di masa akan datang.

Dalam kerjasama membentaras penyalahgunaan najis dadah di peringkat antarabangsa, Britain telah bersetuju menandatangani Perjanjian Perampasan Harta yang diperolehi daripada penjualan dan pengedaran najis dadah. Persetujuan ini akan membantu Malaysia dalam usahanya membasmi pengedaran serta penjualan najis dadah oleh sindiket-sindiket.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga telah

menandatangani satu Memorandum Persefahaman dengan Amerika Syarikat mengenai perampasan harta yang diperolehi daripada penjualan dan pengedaran najis dadah. Saya berharap bahawa kita akan dapat menandatangani perjanjian yang sama dengan negara-negara lain kelak untuk meluaskan kerjasama itu.

Saya ingin menambah bahawa di Britain, Y.A.B. Perdana Menteri juga telah merasmikan cawangan Bank Negara. Ini akan mengukuhkan lagi hubungan ekonomi Malaysia dengan Britain memandangkan bahawa penyertaan Britain dalam sektor korporate di Malaysia adalah besar.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berbincangan dengan Pengerusi-Pengerusi Syarikat, GEC, British Aerospace dan Lotus Motors yang bersetuju mengambil pelajar-pelajar Malaysia yang masih menganggur untuk berlatih sambil bekerja di kilang-kilang mereka di Britain.

Dari segi politik ia telah memberi peluang kepada Y.A.B. Perdana Menteri memupuk persefahaman peribadi dengan Presiden Bush dan Puan Margaret Thatcher, dan untuk bertukar—pendapat dan fikiran mengenai isu-isu duahala dan juga antarabangsa yang berkepentingan bersama seperti persoalan-persoalan Kampuchea dan Palestin.

#### GAJI MINIMA PEKERJA

**28. Tuan Abdul Manap bin Hashim** minta Menteri Buruh menyatakan mengapakah Yang Berhormat tidak menetapkan kadar gaji minima di tahap yang munasabah di sektor swasta bagi buruh-buruh iaitu dengan kadar \$10.00 sehari. Ini memandangkan terdapat di kilang-kilang kadar gaji yang amat rendah. Kadar bayaran ini amat tidak sesuai dengan kedudukan paras harga barang-barang sekarang. Terutama di bandar besar.

**Tuan Kalakau Untol:** Kerajaan ada menetapkan gaji minima bagi beberapa golongan pekerja di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947, iaitu bagi pembantu-pembantu kedai, pekerja-pekerja di industri perhidangan dan perhotelan, pekerja-pekerja panggung wayang gambar dan pemungggah-pemungggah dan pengendali-pengendali muatan Pulau Pinang. Pada dasarnya penetapan gaji minima akan dijalankan bagi golongan pekerja-pekerja yang tidak berupaya sendiri mengadakan rundingan secara berkesan dengan majikan-majikan mereka.

Kerajaan tidak bercadang menetapkan gaji minimum bagi buruh-buruh di sektor swasta secara menyeluruh memandangkan terdapat berbagai jenis kerja buruh yang memerlukan daya kebolehan dan kemahiran pekerja yang berbeza. Dalam keadaan perkembangan perusahaan-perusahaan dan perniagaan secara kecil, kita harus juga mengambil ingat kedudukan dan kemampuan majikan seperti ini.

#### PEMASANGAN SIREN

**29. Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan benarkah Kerajaan akan memasang siren di bandar-bandar besar jika benar, apakah tujuannya dan penglibatan rakyat dalam perkara ini.

**Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Kerajaan sedang membuat kajian mengenai pemasangan siren ini. Walau bagaimanapun untuk makluman Y.B. Kerajaan ada memasang siren di beberapa tempat di Kuala Lumpur sejak tahun 1965 lagi sebagai melengkapkan Sistem Amaran Serangan Udara.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Sistem Amaran Serangan Udara ini adalah satu langkah

Pertahanan Awam dalam masa perang. Melalui sistem ini penduduk-penduduk akan diberi amaran serangan udara untuk mereka mengambil perlindungan, dan melaksanakan peraturan-peraturan cahaya lampu.

Pada masa aman, penglibatan rakyat tidak diperlukan. Semasa aman rakyat harus diberi kesedaran tentang langkah-langkah Pertahanan Awam demi kepentingan keselamatan diri sendiri.

### **PULAU BATU PUTIH DI PERAIRAN JOHOR**

**30. Tuan Haji Abd. Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sikap dan langkah-langkah perlu serta pendirian Kerajaan terhadap ancaman tentera laut Singapura kepada nelayan di Daerah Kecil Pengarang Johor yang menangkap ikan di kawasan Pulau Batu Putih, sedangkan kawasan itu telah zaman ke zaman lagi menjadi tempat nelayan tersebut mencari nafkahnya. Bagaimana pula Singapura berhak menuntut Pulau tersebut yang kedudukannya berhampiran dengan Tg. Sepang dalam perairan Johor.

12-7-89

**9. Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauhmanakah langkah-langkah telah diambil lagi menentukan supaya Pulau Batu Putih di perairan Johor tetap berada di bawah Kerajaan Malaysia.

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini sekali gus dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak yang dijadualkan untuk dijawab pada 12hb Julai 1989 mengenai perkara yang juga berkaitan.

Mengikut laporan-laporan yang diterima oleh Kementerian Luar Negeri, pihak Angkatan Tentera Laut Singapura tidak mengancam nelayan Malaysia yang menangkap ikan di perairan Pulau Batu Putih walaupun terdapat kejadian-kejadian di mana nelayan-nelayan Malaysia pernah diusir dari kawasan itu. Walaupun demikian, agensi-agensi penguatkuasa Malaysia seperti Polis Marin dan Tentera Laut sering mengadakan rondaan-rondaan di kawasan tersebut untuk melindungi nelayan Malaysia dari sebarang ancaman yang mungkin berlaku. Kementerian Luar Negeri berpendapat rondaan-rondaan yang dijalankan sekarang adalah memadai untuk menjamin keselamatan nelayan Malaysia di kawasan tersebut.

Pulau Batu Putih adalah kepunyaan Malaysia dan Kerajaan menolak apa-apa tuntutan ke atasnya oleh mana-mana negara lain. Tindakan-tindakan Kerajaan seterusnya adalah berasaskan kepada prinsip itu.

### **PERSIDANGAN ANTARABANGSA TAMIL DI MAURITIUS**

**31. Tuan C. Krishnan** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada Malaysia bercadang untuk menghantar para wakil secara rasmi untuk persidangan antarabangsa Tamil di Mauritius di hujung tahun sebagai suatu tanda untuk mengeratkan perhubungan Kebudayaan dan Sosial di antara Malaysia dan Mauritius.

**Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Kementerian tidaklah bercadang untuk menghantar wakil secara rasmi ke Persidangan Antarabangsa Tamil di Mauritius. Walau bagaimanapun Kementerian tidak menghalang mana-mana pihak untuk menghadiri persidangan antarabangsa itu.

### SKIM MEMILIKI RUMAH PEKERJA

**32. Tuan C. Krishnan** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kementeriannya memberikan perhatian serius untuk menentukan kejayaan projek perumahan para peserta estet dan lombong memandangkan bahawa tanggungjawab diserahkan kepada Kementeriannya oleh Allahyarham Perdana Menteri Tun Abdul Razak dalam tahun 1976. Jika Kementerian memberikan perhatian serius kenapa kebanyakan majikan masih tidak mahu bekerjasama dalam hal ini.

**Tuan Kalakau Untol:** Kementerian Buruh memang memberi perhatian serius terhadap kejayaan Skim Memiliki Rumah Pekerja, walaupun Skim ini merupakan satu rancangan sukarela yang digalakkan oleh Kerajaan untuk mendapat penyertaan para majikan ladang dan lombong membina rumah-rumah kos rendah yang mampu dimiliki oleh pekerja-pekerja mereka. Skim telah dilancarkan oleh Allahyarham Y.A.B. Tun Abdul Razak pada tahun 1973. Semenjak itu, 8 buah ladang dan sebuah lombong telah berjaya melaksanakan Skim ini dengan membina 1,605 unit rumah untuk pekerja-pekerjanya. Kini 3 buah ladang dan 3 buah lombong sedang dalam proses membina sejumlah 2,182 unit rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerjanya. Selain daripada itu, sebanyak 13 buah ladang dan 3 buah lombong telah menunjukkan minat untuk menyertai skim tersebut dan sejumlah 8,062 unit rumah telah dicadangkan untuk dibina. Pelaksanaan skim-skim ini sedang dalam berbagai peringkat pelancaran dan kemajuan.

Sebenarnya skim ini melibatkan beban kewangan yang besar dan mengambil masa yang panjang untuk melaksanakannya kerana melibatkan beberapa agensi Kerajaan Persekutuan

dan Kerajaan Negeri. Untuk menggalak lebih banyak penyertaan majikan ladang dan lombong dalam Skim ini, Kementerian Buruh telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) Berusaha untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa di peringkat Kebangsaan untuk Koordinasi Skim Memiliki Rumah Pekerja.
- (ii) Jawatankuasa ini mengandungi wakil-wakil Kementerian yang berkaitan serta wakil-wakil daripada negeri-negeri. Sebuah Jawatankuasa Kerja juga ditubuhkan untuk mengambil tindakan positif terhadap syorsyor dan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Koordinasi yang tersebut.
- (iii) Mendapatkan kerjasama dari agensi-agensi Kerajaan, khususnya di peringkat negeri, yang terlibat untuk melicinkan pelaksanaan skim ini yang biasanya mengambil masa yang panjang.
- (iv) Pegawai-pegawai Buruh juga memberi nasihat dan dorongan kepada majikan-majikan ke atas perkara-perkara mengenai skim ini. Di peringkat pusat perbincangan sedang diadakan dengan Syarikat-syarikat estet.

### PEGAWAI KERAJAAN GIAT DALAM POLITIK— KEBENARAN

**33. Puan Hajjah Habibah binti Jusoh** minta Perdana Menteri menyatakan beberapakah jumlah Pegawai-pegawai Kerajaan Kumpulan "A" dan "B" yang terlibat dengan politik yang telah diberi kebenaran oleh Perdana Menteri.

**Timbalan Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin**

**bin Raja Sulaiman):** Mengikut perintah Am Bab "D", pegawai-pegawai awam Kumpulan "A" adalah dilarang sama sekali daripada mengambil bahagian yang cergas di dalam kegiatan politik, sementara pegawai dalam kumpulan "B" boleh bergiat dalam politik dengan syarat mereka terlebih dahulu memperolehi kebenaran secara bertulis daripada Kerajaan. Di antara tahun 1980 hingga 1989, hanya seramai 7 orang pegawai Kumpulan "B" di dalam Perkhidmatan Gunasama telah diberi kebenaran bertulis untuk bergiat dalam politik.

Bagi pegawai Kumpulan "B", "C" dan "D" dalam Perkhidmatan Bukan Gunasama, kebenaran bergiat dalam politik boleh diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian.

#### AKTA PELAJARAN 1961—KAJIAN

**34. Dr Tan Choong Keng** minta Menteri Pendidikan menyatakan tahap kemajuan yang dicapai dalam proses meminda Akta Pelajaran 1961. Apakah pemindahan-pemindahan yang akan dilakukan supaya menjadikan akta pelajaran lebih sesuai bagi sistem pendidikan Malaysia. Juga diharap Menteri memberi satu gambaran terhadap bilangan dan keahlian jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang telah ditubuhkan untuk menjalankan tugas pemindahan Akta Pelajaran 1961.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa yang berkenaan masih mengkaji Akta Pelajaran 1961. Antara perkara-perkara yang diberi tumpuan dalam kajian itu ialah falsafah pendidikan negara, pendemokrasian pendidikan, mutu pendidikan dan pengawasan ke atas percambahan institusi-institusi pendidikan swasta.

Sebanyak 13 jawatankuasa kecil atau kumpulan kerja telah ditubuhkan untuk membantu Jawatankuasa Induk menjalankan kerjanya. Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil ini dianggotai oleh para akademik, pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dan Pegawai-pegawai daripada Jabatan Pendidikan Negeri.

#### RUSUHAN/TUNJUK PERASAAN DI CHINA

**35. Tuan K. Sivalingam** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setakat manakah rusuhan dan tunjuk perasaan di Negeri China menjejaskan eksport minyak sawit dan getah ke negara itu.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Dalam jangka pendek nampaknya tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa eksport minyak sawit dan getah negara ke Negeri China terjejas akibat rusuhan dan tunjuk perasaan yang berlaku baru-baru ini di negara tersebut.

Untuk makluman, jumlah eksport minyak sawit negara ke Negeri China pada tahun 1988 ialah 214,642 tonne. Jumlah eksport minyak sawit ke negara itu bagi lima bulan pertama tahun 1989 (Januari-Mei) ialah 147,667 tonne iaitu pertambahan sebanyak 89.7% dari jumlah yang dieksport pada lima bulan pertama tahun lalu sebanyak 77,837 tonne.

Bagi getah pula, Negeri China telah mengurangkan pembeliannya dari Malaysia. Bagi tempoh Januari hingga April 1989, Negeri China mengimport sebanyak 19,521 tonne berbanding dengan 43,982 tonne dalam tempoh yang sama tahun lepas, iaitu pengurangan sebanyak 63.6%.

Sebab-sebab pengurangan pembelian tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Negeri China telah membeli dengan agak banyak getah INRO pada tahun lepas; dan
- (ii) Negeri tersebut sedang menghadapi masalah kekurangan matawang asing.

### MANGSA BERMAIN MERCUN

**36. Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) untuk tahun 1987 dan 1988 berapa kes-kes mangsa yang telah mendapat kecederaan sama ada hilang jari-jari mereka atau mata mereka ataupun mati akibat bermain dengan mercun pada musim-musim perayaan di Malaysia; dan
- (b) selain daripada pengharaman oleh Kerajaan apakah langkah-langkah lain yang dijalankan oleh pihak berkuasa untuk mengelakkan kejadian-kejadian itu berlaku lagi supaya rakyat jelata akan sedar tentang bahaya-bahaya bermain mercun terutamanya mercun yang dibuat sendiri.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kes mangsa mercun pada musim-musim perayaan pada tahun 1987 dan 1988 ialah 4 kes kecederaan dan 3 kes mati.
- (b) Selain daripada pengharaman mercun oleh Kerajaan, langkah-langkah lain untuk mengurangkan kejadian-kejadian itu berlaku lagi ialah dengan menguatkuasakan peruntukan undang-undang yang ada iaitu di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 dan

Kaedah-Kaedah Bahan Letupan (Cap 200). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1989 ini sahaja, tindakan-tindakan yang telah diambil kerana kesalahan bermain mercun dan menjual mercun ialah sebanyak 56 kes tangkapan, 18 kes rampasan dan 12 kes saman. Sebahagian dari kes-kes tersebut masih menunggu keputusan dari mahkamah.

### CCB DI BAWAH PENERIMAAN

**37. Tuan Hassan bin Harun** minta kepada Menteri Kewangan menyatakan kedudukan sebenar dan yang terakhir mengenai Cooperative Central Bank. Benarkah Bank itu tidak tertakluk kepada Akta Bank dan sekiranya benar, apakah implikasinya kepada pinjaman-pinjaman yang telah diberikan kepada firma-firma dan individu-individu berkenaan. Berapa banyakkah jumlah pinjaman seperti ini. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan mereka yang terlibat dengan penyelewengan ini tidak akan "terlepas" dari pengadilan yang saksama.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Bank Kerjasama Pusat Bhd. (CCB) diletakkan di bawah penerimaan (dengan izin receivership) sejak 7 Mac, 1989. Penerima yang dilantik oleh Mahkamah Tinggi sudah pun mengambilalih CCB dan pada masa ini sedang menyiapkan butir-butir kewangan (dengan izin statement of affairs) bagi membolehkan mereka memindahkan aset dan tanggungan deposit CCB kepada sebuah institusi kewangan, selaras dengan skim penyelamat yang sedang diusahakan oleh Bank Negara Malaysia. Matlamat skim tersebut adalah untuk menjaga kepentingan para pendeposit. Berbeza dengan bank-bank perdagangan, CCB tidaklah tertakluk di bawah Akta Bank, 1973 ataupun Ordinan Bank

Pusat, 1958. CCB merupakan sebuah koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1948. Sebagai langkah menjaga kepentingan pendeposit, Bank Negara Malaysia telah mengambil kawalan ke atas perniagaan CCB di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan Kepada Pendeposit) 1986 pada 7 Januari 1988 setelah mendapati CCB telah tidak berupaya membayar balik sepenuhnya tanggungan deposit kepada pendeposit-pendepositnya.

Masalah kewangan yang teruk yang dihadapi oleh CCB adalah disebabkan oleh kelemahan dalam urusan pemberian pinjamannya. Ini mengakibatkan banyak dari pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan telah tidak dibayar balik. Jumlah pinjaman yang belum dijelaskan pada akhir bulan Mei 1989 adalah kira-kira sebanyak \$1,790 juta. Bank Negara Malaysia akan terus membantu Penerima CCB dan juga institusi kewangan penyelamat bagi mendapatkan semula pinjaman yang telah dikeluarkan itu. Usaha-usaha telah dan akan terus diambil bagi membawa orang-orang yang terlibat dengan penyelewengan CCB tersebut ke muka pengadilan. Bagi membantu dalam usaha-usaha penyiasatan, Bank Negara, di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit) 1986, telah pun menahan dokumen perjalanan peminjam-peminjam yang mempunyai pinjaman yang besar dan belum berbayar supaya mereka dapat terus berada di dalam negeri.

### HICOM—PERKEMBANGAN PROJEK

**38. Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Kewangan menyatakan kemajuan projek-projek HICOM dan kesan pemulihan ekonomi negara keatasnya. Apakah kedudukan sebenar Perwaja Terengganu Sdn Bhd, sekarang. Adakah dengan pengunduran Konsortium Jepun dalam

syarikat itu Kerajaan bercadang menambahkan modal sebanyak \$600 hingga \$700 juta lagi seperti diura-urakan. Apakah projek ini mempunyai dayamaju. Bagaimanakah pula dengan Kedah Cement Sdn Bhd. Apakah langkah-langkah bagi mengatasi masalah yang dihadapi.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Perkembangan projek-projek HICOM setakat ini adalah menggalakkan. Ini adalah berikutan kedudukan ekonomi negara yang kian pulih dan dibantu oleh langkah-langkah pemuliharaan yang dijalankan. Berdasarkan penyata kewangan 1988/89 yang berakhir pada 31hb Mac, 1989 (belum diaudit sepenuhnya), Kumpulan HICOM mencatatkan keuntungan bersih sebanyak \$25.873 juta berikutan syarikat milikan utama seperti PROTON mula mencatat keuntungan dalam tempoh tersebut. Prestasi kewangan projek-projek HICOM bagi tahun kewangan 1987/88 dan 1988/89 adalah seperti pada Lampiran 1.

Operasi Perwaja sekarang adalah memuaskan. Pengeluaran Perwaja telah meningkat, kos pengeluaran seunit telah turun kerana kecekapan pengeluaran dan kemudahan-kemudahan pengeluaran juga telah dipertingkatkan. Pengeluaran sekarang adalah 47,000 metrik tan sebulan. Pada tahap pengeluaran ini dan dengan kenaikan harga bilet, syarikat kini dapat memberi sumbangan positif terhadap operasinya. Selepas pihak Jepun menarik diri, tidak ada apa-apa cadangan ke atas modal Perwaja sepertimana yang dihebah-hebahkan itu. Dari segi operasinya, Perwaja adalah berdaya maju.

Kedah Cement sedang beroperasi pada tahap keupayaan pengeluaran maxima iaitu 1.2 juta metrik tan. Keadaan pasaran tempatan dan antarabangsa kini lebih baik termasuk harga jualan untuk clinker. Buat masa sekarang 40% dari jualan Kedah Cement

adalah untuk pasaran tempatan semantara 60% adalah untuk pasaran antarabangsa.

Dengan peningkatan keupayaan, pengeluaran akan bertambah dari 1.2 juta metrik tan ke 1.5 juta metrik tan yang dijangka untuk Oktober, 1989. Peningkatan pengeluaran ini akan memberi kesan yang baik kepada aliran wang tunai Kedah Cement.

Masalah Kedah Cement adalah disebabkan oleh caj-caj kewangan akibat dari dengan izin gearing yang tinggi untuk membiayai projek pada awalnya, dan pertukaran wang asing akibat dari peningkatan nilai matawang asing. Masalah ini sedang diberi perhatian. Kerajaan sedang menimbang penstrukturan semula kewangan untuk mengukuhkan keadaan kewangan syarikat tersebut.

#### INDUSTRI KECIL/SEDERHANA

**39. Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan senarai industri-industri kecil dan sederhana (SMI) yang layak menikmati taraf "Pioneer Status" dan sila nyatakan sehingga 1 Jun, 1989 berapa jumlah kilang industri kecil dan sederhana (SMI) telah diberi taraf "Pioneer Status".

**Dato' Kok Wee Kiat:** Pada masa ini sebanyak 24 jenis industri kecil dan 34 jenis industri sederhana dan besar yang digalakkan, layak untuk mendapat galakan Taraf Perintis.

Sehingga Jun, 1989, sejumlah 352 buah syarikat industri kecil dan 649 buah syarikat industri sederhana telah diberi galakan Taraf Perintis.

#### PENGANIAYAAN KANAK-KANAK

**40. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan adakah benar penganiayaan kanak-kanak di Kuala

Lumpur berada di tahap membimbangkan. Berapakah kes penganiayaan kanak-kanak ini terdapat dalam tahun 1987, 1988. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap ibubapa atau penjaga yang didapati bersalah.

**Dato Mustaffa bin Mohammad:** Sungguhpun kejadian penganiayaan kanak-kanak di Kuala Lumpur adalah satu perkara yang agak membimbangkan tetapi namun begitu, ianya masih boleh dikawal.

Dari jumlah kes penganiayaan dalam negara, sebanyak 149 kes berlaku dalam tahun 1987, manakala 191 kes pula berlaku dalam tahun 1988. Di Kuala Lumpur sahaja sebanyak 46 kes berlaku dalam tahun 1987 manakala 40 kes lagi berlaku dalam tahun 1988.

Jika ibubapa/penjaga didapati melakukan penganiayaan, Kementerian ini boleh menyelamatkan anak itu, iaitu dengan memasukkannya ke Rumah Kanak-kanak ataupun menempatkannya dengan ahli keluarga yang sanggup menjaganya. Di samping itu, Kementerian akan menyiasat punca yang menyebabkan penganiayaan berlaku, sebelum membimbing mereka supaya mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi. Ibubapa yang mengalami masalah emosi boleh dinasihatkan supaya mendapat perawatan jiwa.

Kejadian penganiayaan yang berat akan dilaporkan kepada Polis dengan tujuan mendakwa ibubapa/penjaga yang tidak bertanggungjawab.

#### PAKAIAN RASMI AHLI PARLIMEN

**41. Tuan G. Rajoo** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar pakaian rasmi ahli-ahli Parlimen sekarang bercorak barat dan tidak mencerminkan kebudayaan negara ini;



- (b) jika sedar, nyatakan sama ada Kerajaan akan menimbangkan mengubah corak dan "style" pakaian agar mencerminkan kebudayaan negara ini; dan
- (c) jika ya, bilakah hanya akan dilaksanakan dan jika tidak, kenapa.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Mengenai soalan (a), dimaklumkan bahawa pakaian rasmi bagi Ahli-ahli Parlimen, sama ada di Dewan Negara dan Dewan Rakyat adalah pakaian kebangsaan ataupun "lounge suit". Ini telah berjalan sejak Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Oleh yang demikian, pakaian "lounge suit" adalah dianggap bukan pakaian barat tetapi sudah sesuai dengan kebudayaan rakyat Malaysia.

Bagi soalan (b) dan (c) setakat ini Kerajaan tidak berhasrat untuk menukar pakaian yang sedia ada.

#### GURU—KENAIKAN GAJI

**42. Tuan Chan Cboong Tak** minta Menteri Pendidikan menyatakan butir-butir berkaitan kenaikan gaji guru-guru yang dicadangkan serta nyatakan bilakah kenaikan sedemikian akan dilaksanakan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, butir-butir terperinci mengenai dua skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan belum lagi diberi keputusan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun pelaksanaannya ialah bermula pada 1hb Januari, 1989.

#### PINJAMAN TIDAK BERBAYAR DI BANK

**43. Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah pinjaman tertunggak dalam akaun "non-performing" di

semua bank-bank komersial. Berapa jumlah pinjaman asal (Principal Sum). Dan berapakah jumlah faedah terkumpul (Accumulated Compound Interest) hingga akhir tahun 1988. Apakah Kerajaan bercadang untuk mengarahkan bank-bank supaya mengurangkan atau terus hapuskan jumlah faedah terkumpul tersebut.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Jumlah pinjaman tidak berbayar (dengan izin non-performing loans) bagi bank-bank perdagangan pada akhir tahun 1988 adalah sebanyak \$17,257 juta. Jumlah berasingan bagi pinjaman asal dan faedah terkumpul bagi pinjaman tidak berbayar, tidak dapat diberikan oleh kerana maklumat-maklumat yang dikumpul oleh Bank Negara mengenai hutang institusi-institusi kewangan adalah dalam bentuk hutang secara am sahaja. Bagaimanapun, sukacita dimaklumkan bahawa jumlah faedah tergantung (dengan izin interest-in-suspense) pada akhir tahun 1988 adalah sebanyak \$4,715.7 juta.

Keputusan bagi menghapus atau mengurangkan bayaran faedah adalah terpulang kepada budibicara bank-bank berkenaan sendiri. Walau bagaimanapun, Bank Negara telah mengarahkan institusi-institusi kewangan supaya bersikap lebih bertimbangrasi dalam menjalankan usaha mereka untuk mendapatkan pembayaran balik wang yang telah dipinjamkan. Ini termasuklah dengan mengurangkan kadar faedah yang dikenakan kepada peminjam yang menjelaskan baki pinjaman mereka lebih awal.

#### PERTUMBUHAN EKONOMI

**44. Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan suasana ekonomi negara bertambah baik dan mungkin mencapai tahap pertumbuhan sebanyak 8 peratus. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengekalkan

keadaan ini dan seterusnya menuju ke arah pencapaian yang lebih baik. Apakah pencapaian ini hanya kesan "environmental" ataupun dirancang ataupun kedua fakta sekali.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Kadar pertumbuhan ekonomi pada nilai sebenar untuk tahun 1989 dianggarkan sebanyak 7.3 peratus. Pencapaian yang baik ini adalah hasil daripada langkah-langkah penyesuaian dasar Kerajaan yang ditujukan untuk mempergiatkan aktiviti sektor swasta dalam bidang-bidang pertanian, perkilangan dan pelancongan. Langkah-langkah yang diambil telah dinyatakan dalam ucapan Belanjawan saya di Dewan yang mulia ini dan juga dalam Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan yang dibentangkan bersama dengan ucapan Belanjawan tersebut. Langkah-langkah ini telah mendatangkan kesan positif kepada iklim pelaburan dan meningkatkan keupayaan persaingan keluaran eksport negara serta menarik lebih banyak pelaburan asing. Keadaan ekonomi antarabangsa yang lebih baik sejak tahun 1986 juga telah membantu mempercepatkan pemuliharaan ekonomi. Pada masa ini ekonomi telah pulih sepenuhnya.

Pada tempoh tahun-tahun akan datang Kerajaan akan terus berusaha untuk mendorong pertumbuhan ekonomi pada kadar yang tinggi. Untuk mencapai matlamat ini Kerajaan akan menumpukan usaha-usaha ke arah meningkatkan produktiviti, kecekapan dan daya persaingan. Sektor swasta akan memainkan peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi dengan bantuan sektor awam. Langkah-langkah ini juga telah diterangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Dengan langkah-langkah tersebut, serta juga kerjasama semua pihak, Kerajaan berharap kadar

pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan iaitu dalam lingkungan 7 peratus bagi tempoh 1989-1990 dapat dicapai.

## PESAKIT AIDS

**45. Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pesakit AIDS yang dirawat di hospital-hospital dalam negara ini;
- (b) adakah pesakit AIDS ini diasingkan di satu tempat khas saja dalam di negara ini;
- (c) jika meninggal dunia, siapakah yang menguruskan mayat si mati. Adakah pihak hospital atau keluarganya; dan
- (d) bagaimanakah pihak hospital dapat mengecam penyakit AIDS, dan apakah penyakit AIDS ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):**

- (a) Sehingga 1-7-89 sejumlah 8 kes AIDS telah dikesan dan seterusnya disahkan di seluruh negara. Kesemuanya telah dirawat di hospital-hospital negara ini.
- (b) Semua kes AIDS ini adalah dirawat di hospital seperti yang dilakukan untuk lain-lain penyakit berjangkit. Sehubungan dengan ini, tidak ada asas perubatan untuk mengasingkan mereka. Kakitangan perubatan adalah dilatih untuk mengendalikan kes-kes berkenaan.
- (c) Ahli keluarga pesakit adalah bertanggungjawab menguruskan pengkebumian mayat pesakit AIDS. Walau bagaimanapun, kakitangan Kementerian Kesihatan yang terlatih akan menyelia dan memberi nasihat mengenai prosedur yang patut dipatuhi sebelum dan semasa mayat tersebut dikebumikan.

- (d) Penyakit AIDS adalah sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh sejenis kuman virus, Human Immunodeficiency Virus (HIV). Kuman ini melemahkan dan seterusnya melumpuhkan sistem daya tahan melawan penyakit mangsa penyakit berkenaan. Akibatnya pesakit tersebut akan terdedah kepada serangan pelbagai penyakit berjangkit dan juga beberapa jenis barah yang jarang ditemui yang akhirnya membawa maut.

Di hospital, pesakit AIDS boleh dikenalpasti melalui pemeriksaan perubatan dan juga ujian darah untuk antibodi kepada virus AIDS.

#### PENUBUHAN MLO

**46. Tuan V. K. Sellapan** minta Menteri Buruh menyatakan mengenai penubuhan MLO yang dikaji serta diberi perhatian oleh pihak Kerajaan. Apakah MLO akan dijadikan pengganti MTUC oleh Kerajaan.

**Tuan Kalakau Untol:** Jawapan saya pada hari ini adalah juga bagi menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Tuan Hassan bin Harun pada 6-7-1989 dan soalan oleh Y.B. Tuan K. Sivalingan pada 7-7-1989 yang menyentuh perkara yang sama.

Oleh kerana Pertubuhan Buruh Malaysia (MLO) belum didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966, maka setakat ini soal sama ada Kerajaan akan mengiktirafkannya ataupun menjadikannya alternatif kepada MTUC belum lagi timbul. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan akan mengkaji perkara tersebut setelah ianya didaftarkan kelak.

#### LESEN TEKSI/KERETA SEWA

**47. Tuan V. K. Sellapan** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama

ada pemberian permit teksi akan ditambah memandangkan bahawa permohonan untuk mendapatkan permit tersebut semakin meningkat.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar):** Pengeluaran lesen teksi/kereta sewa akan ditambah dari masa ke masa mengikut keperluan dan permintaan sesuatu kawasan.

#### BALAI POLIS DI KAWASAN PERUMAHAN

**48. Dr Nordin bin Selat** minta Menteri Dalam Negeri memberitahu sama ada lebih banyak lagi balai polis akan dibina di kawasan-kawasan perumahan kerana kadang-kadang bila ada kes jenayah, pihak polis mengambil masa berjam-jam untuk datang menyasat.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sentiasa mengkaji keperluan pembinaan balai-balai polis dari masa ke semasa termasuklah di kawasan-kawasan perumahan. Walau bagaimanapun, cadangan untuk menambah bilangan balai-balai polis adalah tertakluk kepada faktor-faktor keselamatan seperti kadar jenayah, wujudnya anasir-anasir subversif dan kegiatan kongsi gelap serta jumlah penduduk di sesuatu kawasan itu.

#### MATI AKIBAT DIGILIS TREN

**49. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa ramai bilangan orang yang terkorban dan cedera akibat digilis keretapi dari bulan Januari 1989 hingga 31 Jun 1989 dan nyatakan sebab-sebab selalu berlaku demikian sekarang, dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelak orang ramai daripada digilis oleh keretapi pada masa akan datang, jika boleh, dan adakah Kerajaan memberi ganti rugi pada mangsa berkenaan ini.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:**

- (1) Dari bulan Januari 1989 hingga Jun 1989, 20 orang tercedera dan 29 orang mati akibat digilis tren.
- (2) Kebanyakan kes kemalangan yang melibatkan orang awam digilis oleh tren terdiri dari pejalan kaki, penunggang basikal serta motosikal yang berada terlalu dekat atau melintas landasan keretapi ketika tren hampir tiba tanpa menghiraukan keselamatan diri. Rumah-rumah setinggan, yang dibina terlalu dekat landasan keretapi, adalah salah satu punca kemalangan gilis keretapi yang melibat kanak-kanak.
- (3) Dari sejak dahulu Kerajaan telah berusaha untuk menyampaikan mesej kepada pihak awam melalui berbagai media dan sebaran am serta poster-poster, tentang bahaya mencero bohi atau berada berdekatan kawasan landasan. Tindakan mencero bohi juga merupakan satu kesalahan di bawah Ordinan Keretapi 1948. Ingin saya tegaskan bahawa landasan keretapi serta kawasan di sekitarnya adalah hanya untuk kegunaan atau laluan keretapi sahaja. Pihak awam yang berhajat melintasi landasan keretapi boleh berbuat demikian di tempat-tempat tertentu yang disediakan bagi maksud ini, iaitu di lintasanrata, jejantas ataupun jejambat.
- (4) Langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan kejadian gilis tren bertujuan untuk mempertingkat atau memperhebatkan lagi pendidikan orang awam. Adalah penting untuk menanamkan semangat sivik di kalangan orang awam supaya lebih

berwaspada dan menghindarkan diri dari berada berdekatan landasan keretapi.

- (5) Mangsa-mangsa yang digilis tren ini adalah penceroboh dan kehadiran mereka di kawasan sekitar landasan keretapi merupakan satu kesalahan yang boleh mengakibatkan mereka didakwa. Walau bagaimanapun KTM tidak pernah mengambil sebarang tindakan ke atas penceroboh setelah ini. KTM juga tidak akan memberi ganti rugi kepada penceroboh yang digilis.

## USUL

### KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KELIMA 1986-1990

3.36 ptg.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini—

*menyedari* kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kelima;

*bersetuju* dengan usaha-usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan, dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang stabil;

*meluluskan dan menyetujui* Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan

untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 23 Tahun 1989.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi, sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas Dewan Rakyat telah membahaskan Usul yang sama dan telah meluluskannya. Sekarang adalah giliran Dewan ini pula untuk membahaskan usul yang akan menentukan arah pembangunan ekonomi dan sosial negara ini.

Kajian Separuh Penggal ini melaporkan pencapaian pelaksanaan tiga tahun pertama (1986-88) Rancangan Malaysia Kelima dan prospek bagi dua tahun yang terakhir (1989-90). Kajian ini memaparkan kejayaan yang telah dicapai dan rintangan-rintangan yang dihadapi dalam melaksanakan Rancangan tersebut. Kajian ini juga menggariskan strategi pembangunan untuk dua tahun akhir dan penyesuaian dasar yang perlu dilaksanakan untuk menentukan sama ada kita akan berjaya mencapai matlamat asal Rancangan Malaysia Kelima ataupun sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Rancangan Malaysia Kelima digubal, ekonomi antarabangsa adalah dalam keadaan yang kurang menggalakkan. Pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia yang berkembang dengan pesat dalam tahun 1984 merosot ke paras yang lebih rendah

dalam tahun 1985 dan 1986. Permintaan dunia yang berkurangan terutama dari negara perindustrian telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara ini. Walaupun Rancangan Malaysia Kelima telah digubal dengan teliti terutama memandangkan kepada suasana antarabangsa yang tidak meyakinkan, namun kemelesetan ekonomi negara semasa Rancangan ini dilancarkan jauh lebih buruk dari yang dijangkakan. Semua andaian yang menjadi asas penentuan matlamat ekonomi makro jelas sekali telah meleset.

Keadaan ini telah memaksa Kerajaan mengambil langkah-langkah penyesuaian bagi memulih dan memperkukuhkan ekonomi negara dan memastikan pertumbuhan yang stabil dan berterusan. Alhamdulillah atas usaha yang gigih di pihak Kerajaan dan sektor swasta, ekonomi negara kini telah pulih sepenuhnya. Keluaran Dalam Negara Kasar sebenar meningkat dari 1.2% dalam tahun 1986 kepada 5.2% dalam tahun 1987 dan 8.7% dalam tahun 1988.

Di samping pertumbuhan yang menggalakkan ini, masalah sumber dalam ekonomi yang dihadapi secara berterusan sejak tahun 1980 telah dapat diatasi dalam tahun 1986. Dalam tahun 1987, Akaun Semasa Imbangan Pembayaran mencatatkan lebih sebanyak \$6,595 juta atau 8.8% daripada Keluaran Negara Kasar.

Dalam tahun ini juga sektor pembuatan telah melangkaui prestasi sektor pertanian sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi iaitu sebanyak 22.5% berbanding dengan sumbangan sektor pertanian sebanyak 21.9% sahaja. Ini menunjukkan proses transformasi struktur ekonomi negara dan dasar mempelbagaikan punca pendapatan negara telah mencapai tahap yang sangat membanggakan. Kerajaan juga

telah berjaya membendung tekanan inflasi ke paras yang paling rendah. Kemelesetan ekonomi yang dialami dalam tahun 1985 dan prestasi yang lembab dalam tahun 1986 telah juga menjejaskan pengwujudan peluang-peluang pekerjaan dan keupayaan menyerap semua gunatenaga baru yang semakin meningkat. Dalam tahun 1986 kadar pengangguran telah meningkat pada paras yang tinggi iaitu 8.3%.

Masalah pengangguran adalah lebih serius di kalangan golongan muda iaitu dalam lingkungan 15 hingga 24 tahun dan juga lepasan sekolah menengah. Kadar pengangguran hanya turun pada paras 8.1% sahaja dalam tahun 1988. Kerajaan memberi perhatian serius terhadap masalah ini dan telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pelaburan swasta supaya lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan. Undang-undang Buruh juga dipinda bagi memperbaiki mekanisme pasaran buruh dalam mengurangkan pengangguran. Galakan telah disediakan bagi usah-usaha bekerja sendiri sementara beberapa langkah khusus dilaksanakan untuk membantu siswazah yang menganggur.

Sektor swasta yang dikenalpasti untuk memainkan peranan utama dan menjadi daya penggerak kepada pembangunan ekonomi telah mendapat galakan sewajarnya sejak Rancangan Malaysia Kelima dilaksanakan. Iklim pelaburan yang lebih sesuai telah diwujudkan melalui sistem galakan fiskal seperti di dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986, pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 dan pindaan Akta Penyalarsan Pelaburan 1975.

Kadar tarif elektrik, bekalan air dan kemudahan perhubungan juga telah dikurangkan. Kerajaan juga cuba mengurangkan kawalan terhadap sektor swasta dan kerendah

pentadbiran yang menjadi penghalang atau melambatkan pelaksanaan program pelaburan. Bagi menggalakkan pelaburan dari luar negeri pula, Kerajaan telah melonggarkan buat sementara waktu kawalan atas penyertaan ekuiti asing. Kerajaan juga telah mengadakan perjanjian jaminan pelaburan dan perjanjian cukai dua kali dengan negara-negara lain bertujuan untuk menggalakkan pelaburan asing di negara ini. Langkah-langkah tersebut telah meningkatkan daya tarikan untuk mendapatkan pelaburan baru dan juga untuk mempengaruhi corak pelaburan.

Bilangan permohonan untuk cadangan pelaburan telah meningkat daripada 365 pada tahun 1986 kepada 398 pada tahun 1987 dan 952 pada tahun 1988. Nilai pelaburan yang dicadangkan meningkat daripada \$4.26 ribu juta pada tahun 1986 kepada \$12.79 ribu juta pada tahun 1988. Pelaburan swasta yang mengalami kemerosotan sebanyak 16.3% pada tahun 1986 telah berkembang dengan pesatnya pada kadar 6.5% pada tahun 1987 dan 23.5% pada tahun 1988. Pelaburan swasta yang meningkat dengan pesat membuktikan bahawa tuduhan yang mengatakan Dasar Ekonomi Baru menjejaskan pertumbuhan ekonomi tidaklah benar. Apa yang diharapkan oleh sektor swasta sebenarnya adalah keuntungan daripada pelaburan mereka itu. Iklim pelaburan yang semakin baik dan prospek keuntungan dalam jangka panjang yang lebih meyakinkan berdasarkan asas ekonomi yang teguh telah dapat menarik pelaburan tidak sahaja dari luar negeri tetapi juga pelabur-pelabur tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Rancangan Malaysia Kelima untuk memperkukuhkan kewangan sektor awam juga diteruskan walaupun keadaan ekonomi negara diancam oleh kemelesetan yang teruk. Kalau di

awal tahun 80an penggunaan awam dipertingkatkan apabila ekonomi dunia mengalami kemelesetan, langkah mengurangkan beban belanjawan dan mengukuhkan kewangan sektor awam tetap diteruskan. Malah peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan untuk tempoh Rancangan Malaysia Kelima telah dikurangkan dari \$74 ribu juta kepada \$47.7 ribu juta. Langkah ini adalah perlu memandangkan kepada kedudukan kewangan sektor awam yang lemah kesan dari kurangnya hasil Kerajaan dan kedudukan hutang luar negara yang meningkat.

Walau bagaimanapun, dengan pemulihan ekonomi sejak akhir-akhir ini Kerajaan telah bersetuju meningkatkan perbelanjaan pembangunan ke paras \$57.5 ribu juta di bawah kajian separuh penggal. Tambahan dalam perbelanjaan pembangunan ini adalah perlu bagi membiayai projek-projek yang telah ditangguhkan perlaksanaannya semasa pemotongan Belanjawan dalam tahun 1987. Kebanyakan dari peruntukan tambahan ini adalah bagi meningkatkan pertumbuhan pembangunan pertanian dan perindustrian. Di samping itu peruntukan tambahan telah diberi bagi projek-projek yang dapat meningkatkan pembangunan sektor pelancongan. Projek Tambak Johor dan kemudahan feri yang menghubungkan Changi dan Tanjong Belungkur adalah bagi memudahkan jalan masuk dari Singapura.

Kerajaan juga berusaha untuk menarik lebih ramai pelancong dari negara-negara lain selaras dengan program Tahun Melawat Malaysia 1990. Untuk tujuan itu adalah perlu bagi meningkatkan kemudahan-kemudahan lapangan terbang di seluruh negara. Sektor Pendidikan dan Latihan juga menerima peruntukan yang besar di bawah kajian separuh penggal ini. Keperluan mewujudkan tenaga mahir mengikut

pelan induk perindustrian diberi keutamaan dalam program pendidikan dan latihan ini. Lebih banyak kemudahan latihan teknikal dan vokesyenal akan disediakan bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja untuk memenuhi keperluan industri. Pembangunan tenaga manusia adalah juga penting dan sebagai persediaan dalam proses transformasi ekonomi ke arah industri berasaskan teknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi yang dialami dalam tahun-tahun 1985-86 menjejaskan matlamat untuk mengurangkan kadar kemiskinan. Kadar kemiskinan keseluruhannya di Malaysia hanya dapat dikurangkan dari 20.7% dalam tahun 1984 kepada 19.3% dalam tahun 1987. Walau bagaimanapun, ini adalah jauh lebih baik dari keadaan semasa Dasar Ekonomi Baru dilancarkan Memandangkan dasar kemiskinan kini hampir mencapai matlamat rangka rancangan jangka panjang, usaha kini ditumpukan kepada isi rumah yang termiskin atau golongan daif. Untuk tujuan ini Kerajaan telah pun meluluskan satu program khas dengan peruntukan sebanyak \$392 juta. Program ini akan memberi penekanan kepada kegiatan ekonomi, kemudahan pendidikan, kesihatan dan pemakanan, rumah kediaman yang lebih baik serta perubahan sikap di kalangan golongan yang terlibat itu.

Konsep Merah Dua yang diperkenalkan dalam tahun 1987, adalah sebagai sebahagian langkah untuk memperbaiki saluran sumber sektor awam kepada kumpulan dan kawasan miskin iaitu dengan mewujudkan satu penyelarasan kegiatan yang lebih berkesan di peringkat daerah dan juga di peringkat negeri. Satu projek penyelidikan kemiskinan yang dikenali sebagai Projek Ikhtiar juga telah dijalankan untuk menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada golongan miskin.

Projek ini telah berjaya mencapai matlamat yang diharapkan dan kini konsep ini telah diperluaskan lagi.

Pendekatan ini adalah sejajar dengan usaha Kerajaan untuk rakyat Malaysia supaya boleh berdikari. Dalam hubungan ini, beberapa skim subsidi pertanian akan diubah secara beransur-ansur kepada skim kredit. Seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan usul ini di Dewan Rakyat, golongan-golongan yang dibantu hendaklah tidak menjadi penerima yang pasif. Dalam pada itu, insentif-insentif dan perlindungan tarif yang diberi kepada sektor lain juga tidak akan diberi secara berterusan kerana dalam jangka panjang, ini juga akan melemahkan produktiviti dan daya saing industri itu sendiri.

Pengaruh sektor luar seperti ke atas ekonomi negara jelas dapat dilihat daripada prestasi keluaran mengikut sektor. Dengan peningkatan permintaan luar sebanyak 18%, sektor pertanian, perlombongan dan pembuatan telah mencatatkan pertumbuhan yang pesat pada tahun 1986. Dalam tempoh di antara 1986 hingga 1988, sektor-sektor tersebut telah menyumbangkan kira-kira 86% kepada pertumbuhan ekonomi. Sektor-sektor tersebut seterusnya telah mendorong pertumbuhan sektor-sektor perkhidmatan sokongan seperti kemudahan awam, pengangkutan, perdagangan borong dan runcit serta kewangan. Sektor pembinaan yang terus lembab hanya pulih pada pertengahan tahun kedua 1988.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentunya masih ingat tentang pentingnya menggiatkan semula sektor pertanian sebagai salah satu strategi pertumbuhan yang disarankan di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Dasar Pertanian Negara yang diperkenalkan pada tahun 1984

menekankan kepada penggunaan sumber dengan cekap dan mempertingkatkan lagi pertanian commercial serta pengeluaran makanan supaya dapat mengurangkan aliran keluar tukaran wang asing bagi membayar import barang makanan. Berbagai skim galakan telah diperkenalkan untuk mempelbagaikan eksport pertanian di samping penglibatan yang lebih besar sektor korporat secara lebih meluas dalam sektor ini. Skim galakan seperti taraf perintis dan elaun eksport yang diperluaskan kepada sektor pertanian telah dapat meningkatkan pertumbuhan industri ini. Di samping itu, kemudahan yang diberi kepada sektor perindustrian melalui Akta Penggalakan Pelaburan 1986 telah juga diperluaskan untuk meliputi sektor pertanian.

Dalam tempoh kajian ini, sektor pertanian telah memberi sumbangan yang positif kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar di mana untuk tempoh 1986-88 sektor ini berkembang pada kadar 5.4% setahun berbanding dengan matlamat pertumbuhan 2.6% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Sektor ini juga telah menyumbangkan sebanyak 22% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar. Walaupun sektor ini telah dilangkaui oleh sektor pembuatan, peranan sektor pertanian amatlah penting memandangkan ianya menyediakan pekerjaan kepada kira-kira 1.9 juta orang. Semasa negara mengalami kemelesetan ekonomi dalam tahun 1985, sektor pertanian telah berkembang pada paras positif sedangkan sektor lain seperti pembuatan, perlombongan dan pembinaan mengalami pertumbuhan negatif. Kalau tidak kerana sektor pertanian, keadaan kemelesetan adalah lebih buruk.

Dasar dan program sektor ini akan menumpukan usaha supaya sektor pekebun kecil tradisional menjadi lebih bersifat commercial di samping



menggalakkan sektor korporat terus melibatkan diri dalam pengeluaran dan pemerosesan pertanian. Program pembangunan tanah baru yang melibatkan tanah seluas 133,000 hektar sebahagian besarnya dilaksanakan oleh sektor awam melalui FELDA, RISDA dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah. Strategi pembangunan tanah baru ini telah berjaya meningkatkan pendapatan bulanan keluarga peserta-peserta. Dalam tahun 1988 pendapatan purata peserta di rancangan kelapa sawit adalah sebanyak \$871, di rancangan getah pula sebanyak \$721 manakala di rancangan tebu-gula sebanyak \$631 bagi sebulan.

Strategi pembangunan in situ diberi peruntukan yang terbesar dalam sektor pertanian di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Kegiatan penamaan semula melibatkan kawasan seluas 117,600 hektar manakala aktiviti pemulihan dan penyatuan tanah pula seluas 95,523 hektar. Penyatuan tanah melalui pengumpulan kampung-kampung untuk dijadikan pusat pertumbuhan ekonomi di luar bandar yang dilaksanakan oleh FELCRA telah memberi manfaat kepada 41,400 keluarga.

Berhubung dengan projek pembangunan Pertanian Bersepadu, usaha-usaha meningkatkan infrastruktur dan khidmat sokongan telah membolehkan hasil dipertingkatkan. Pengeluaran hasil padi di MADA dan KADA umpamanya, telah meningkat lebih dari 50% dari hasil sebelum projek ini dilaksanakan. Melalui projek ini hasil padi telah dapat dipertingkatkan daripada purata 2 tan metrik sehektar kepada 3.5 tan metrik sehektar. Khidmat sokongan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan pertanian melalui penyelidikan kemudahan pasaran, kredit, penyelidikan dan kemudahan

pengembangan. Penekanan kepada aspek commercial dan penyertaan petani secara langsung dalam aktiviti pemerosesan dan pemasaran keluaran pertanian terus dilaksanakan melalui kerjasama daripada berbagai agensi Kerajaan. Kegiatan mengeksport keluaran ladang seperti pisang, jambu batu, manggis dan sayuran ke Hongkong, Singapura, Jepun, Eropah dan Timur Tengah telah menunjukkan kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pembuatan yang dikenalpasti sebagai sektor yang akan menjadi penggerak kepada pertumbuhan seperti yang disarankan di dalam Rancangan Malaysia Kelima telah berkembang dengan pesatnya dalam tempoh di antara tahun 1986 hingga tahun 1988 pada kadar 12.7% setahun melebihi matlamat 6.4% yang dianggarkan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Sumbangan sektor ini kepada pertumbuhan KDNK, pekerjaan dan pendapatan eksport telah meningkat. Walaupun begitu, asas sektor ini masih sempit dengan sektor-sektor kecil tradisional seperti elektrik serta tekstil yang terus kekal sebagai punca pertumbuhan yang utama dan punca utama pendapatan eksport. Walau bagaimanapun, terdapat tanda-tanda awal hasil daripada usaha-usaha mempelbagaikan sektor ini menunjukkan sumbangan daripada industri-industri berasaskan sumber seperti industri-industri pemerosesan getah, kayu, memproses makanan, minuman, tembakau dan barang-barang logam telah meningkat.

Sumbangan sektor ini dari segi guna tenaga adalah sangat memuaskan dan melebihi matlamat Rancangan Malaysia Kelima. Sektor ini telah mewujudkan lebih kurang 157,000 peluang pekerjaan baru iaitu sebanyak 34% daripada jumlah peluang pekerjaan baru yang telah diwujudkan dalam tempoh antara tahun 1986 hingga tahun 1988.

Sebahagian besar daripada barangan eksport terdiri daripada barang-barang pembuatan seperti barang-barang elektronik, elektrik, keluaran getah serta besi dan keluli. Eksport barangan pembuatan telah meningkat daripada \$15,352 juta pada tahun 1986 kepada \$26,917 juta pada tahun 1988. Peningkatan eksport barangan pembuatan ini merupakan satu perkembangan yang baik terutama dalam usaha Kerajaan untuk memperkukuhkan proses perindustrian negara supaya ekonomi negara ini tidak terlalu bergantung kepada eksport barang-barang mentah sahaja.

Walaupun sektor pembuatan telah berkembang dengan pesat, masih terdapat masalah struktur yang perlu diperbaiki supaya sektor ini dapat terus berkembang secara berterusan. Ketiadaan rantaian di antara industri besar dan berat serta industri kecil dan sederhana mengurangkan peluang untuk mewujudkan industri yang bersepadu dan melemahkan asas dan melambatkan proses perindustrian. Dalam hubungan ini, galakan untuk industri kecil dan sederhana akan disediakan dan proses merapatkan rantaian dengan industri besar dan industri berat akan dipertingkatkan lagi.

Di samping itu, langkah-langkah lain untuk memulihkan dan membaiki daya maju industri berat termasuk penyusunan semula, rasionalisasi, pengurangan kos dan menjemput cadangan penswastaan telah juga dilaksanakan. Rasionalisasi industri ini akan terus dilaksanakan secara agresif bagi mempertingkatkan keupayaan pengurusan, produktiviti dan penggunaan kapasiti bagi mengurangkan kos pengeluaran serta mempertingkatkan daya saingan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk dua tahun terakhir Rancangan Malaysia Kelima, prospek bagi pertumbuhan ekonomi negara adalah cerah. Berdasarkan kepada asas ekonomi

yang teguh dan persekitaran antarabangsa yang masih memberangsangkan, Keluaran Dalam Negara Kasar sebenarnya dijangka berkembang pada kadar 7.3 peratus dalam tahun 1989 dan 6.7 peratus dalam tahun 1990. Pertumbuhan untuk tempoh keseluruhan Rancangan Malaysia Kelima di paras purata 5.8 peratus iaitu lebih tinggi dari matlamat asal 5 peratus. Dengan pertumbuhan ini, kadar pengangguran dalam tahun 1990 dijangka turun ke paras 7.6 peratus iaitu jauh lebih rendah dari anggaran semasa Rancangan ini digubal iaitu sebanyak 10.1 peratus.

Perkembangan pendapatan dan peluang pekerjaan dijangka dapat memperluaskan skop bagi mengurangkan kadar kemiskinan ke paras 17 peratus dalam tahun 1990, menepati matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang. Kemajuan juga dijangka dicapai dalam penyusunan semula pekerjaan dan hakmilik. Walaupun milik bumiputera di dalam sektor korporat tidak akan mencapai matlamat 30 peratus pada tahun 1990, pertumbuhan ekonomi dan pelaburan swasta yang menggalakkan akan memberi peluang kepada penyertaan bumiputera dalam sektor moden.

Ketika negara mengalami kemelesetan, pelbagai kritikan telah dilemparkan kepada Kerajaan mengenai cara Kerajaan mengendalikan ekonomi negara ini. Tetapi apa yang jelas sekarang, kemampuan menyelaras polisi ekonomi makro dan sikap pragmatik yang diamalkan telah dapat memulihkan ekonomi sepenuhnya. Kita patut berbangga atas kejayaan kita ini. Pencapaian ini adalah hasil dari usaha Kerajaan dan sektor swasta yang telah berjaya membuat penyesuaian untuk menstabilkan ekonomi untuk tempoh jangka pendek. Usaha-usaha akan datang dapat kita tumpukan kepada cara-cara untuk mengatasi masalah struktur bagi

memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan untuk tempoh jangka panjang.

Teras pembangunan dan strategi pertumbuhan seperti yang disarankan di dalam Rancangan Malaysia Kelima akan tetap dikekalkan. Selain daripada meningkatkan kecekapan pengurusan sektor awam, langkah-langkah untuk meningkatkan daya saing sektor swasta juga diambil bagi memastikan permintaan dan arah aliran pelaburan mengikut kuasa pasaran. Dasar fizikal dan kewangan adalah ditujukan bagi mewujudkan suasana pelaburan yang lebih menggalakkan. Dasar pertukaran wang asing yang ditentukan oleh kuasa pasaran telah juga membantu memberi daya saing kepada barangan pembuatan kita. Pengurusan ekonomi yang lebih efisien ini menyediakan asas ekonomi yang kukuh untuk pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

Dasar pembangunan masa depan adalah ke arah pencapaian pertumbuhan pengeluaran ke paras potensi dengan menumpukan usaha ke arah meningkatkan lagi produktiviti, kecekapan dan daya saing. Sektor swasta akan terus diberi peranan menjadi daya penggerak kepada pembangunan ekonomi. Kerajaan akan meneruskan usaha menyesuaikan dasar-dasar di peringkat makro dan mikro supaya dapat terus membantu pertumbuhan permintaan swasta. Pelaburan awam akan ditumpukan kepada penyediaan infrastruktur fizikal dan sosial serta program untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat amnya.

Selain daripada meneruskan strategi pertumbuhan seperti yang disebutkan di atas, pertumbuhan ekonomi dan sosial untuk masa depan bergantung kepada kejayaan dalam melaksanakan dasar pembangunan tenaga manusia. Proses perindustrian dan transformasi ekonomi yang berasaskan sains dan

teknologi memerlukan lebih ramai tenaga mahir. Dalam hubungan ini, teras utama dalam pembangunan tenaga manusia adalah meningkatkan kualiti bagi memenuhi perubahan keperluan kemahiran dalam ekonomi.

Dasar-dasar masa kini adalah untuk terus memperkemaskan kewangan sektor awam, mempertingkatkan kecekapan pengendalian ekonomi dan produktiviti serta memperkukuhkan daya saing. Walau bagaimanapun sekiranya sektor luar negeri terjejas, langkah-langkah sewajarnya akan dilaksanakan. Seperti di masa-masa lampau, Kerajaan akan terus bersikap pragmatik, fleksibel dan saksama tanpa mengabaikan matlamat-matlamat sosio-ekonomi. Setelah mengalami kemelesetan ekonomi yang paling buruk sejak mencapai kemerdekaan dan kemudiannya berjaya mengatasinya, negara kini memasuki tempoh terakhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima dengan lebih yakin dibandingkan dengan semasa Rancangan ini dilancarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai potensi berdaya untuk bersaing dengan negara-negara NIC yang sedang membangun pada hari ini akan lebih terjamin sekiranya rakyat Malaysia lebih tanggungjawab menumpukan tenaga untuk pembangunan, mengurangkan politik dan menumpukan usaha yang lebih banyak dalam bidang pembangunan.

Kita hendaklah menghapuskan perasaan curiga-mencurigai di antara satu kaum dengan yang lain dan jika sekiranya amalan ini dapat dilaksanakan sudah pasti Malaysia dapat menjadi negara NIC bersaing dengan negara-negara yang jauh lebih maju sedikit daripada kita terutama di rantau ini.

Kita perlu menanamkan semangat kesedaran kepada seluruh rakyat dengan tidak mengira bangsa dan

agama mereka sama ada yang tinggal di luar bandar ataupun di dalam bandar tentang kedudukan ekonomi negara yang sebenar supaya mereka sentiasa dapat membandingkan kedudukan ekonomi kita dengan negara-negara asing. Dengan yang demikian menjadikan semangat mereka lebih bertambah tinggi untuk mempunyai daya saingan dengan orang-orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kita boleh mengekalkan kestabilan politik dan perpaduan kaum seperti yang ada pada hari ini pun kita yakin kita akan mencapai kemajuan yang lebih pesat. Setiap orang rakyat negeri ini terutama sekali pemimpin-pemimpin termasuk ahli-ahli Dewan Negara ini jika mempunyai semangat toleransi, semangat ingin hendak berkerjasama saya yakin kita akan maju. Jika sekiranya ada perkara-perkara yang membangkitkan pertelingkahan segala-galanya hendaklah dibawa ke meja perundingan.

Bagi pihak Barisan Nasional yang mengandungi 13 buah parti politik adalah mengamalkan dasar tersebut, segala-galanya dibincangkan dengan secara persaudaraan dan Kerajaan Barisan Nasional telah menunjukkan keikhlasannya dalam hal ini dengan menubuhkan MAPEN, dengan menyerahkan kuasa yang ada di tangan Kerajaan kepada satu badan yang bebas, yang mengandungi semua kaum yang sama ramai di antara satu dengan yang lain. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memberi pengakuan akan menerima segala recommendation yang dibuat oleh mereka itu jika ianya dapat dibuat dengan sebulat suara ataupun mengambil sebahagian daripadanya, jika sekiranya tidak dapat mereka itu bersatu sepenuhnya dalam membuat keputusan dan inilah sebagai satu contoh yang baik yang dibuat oleh Kerajaan pada hari ini dan Kerajaan sedia memberi peluang kepada

seluruh rakyat mengambil bahagian untuk berbincang sesama sendiri dan Kerajaan akan menyertainya asalkan negara kita aman, rakyat kita selamat dan kita lebih mencapai kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*)

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memohon untuk menyokong usul pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah bahawa satu usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri terbuka untuk dibahaskan sekarang. Dipersilakan jika ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap. Sila Yang Berhormat Tuan G. Rajoo dahulu.

#### 4.10 ptg.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong usul meluluskan dan mempersetujui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program persetujuan untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 23 Tahun 1989 oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru sebentar tadi.

Seperti sedia maklum, Kajian Separuh Penggal ini dibentangkan dengan tujuan menyemak semula sejauh mana pencapaian kita, sejauh mana kita berjaya mengatasi masalah

untuk menghadapi cabaran masa depan. Kajian ini juga memberi peluang kepada kita untuk membuat penganjuran dan merancang program dan dasar yang positif untuk mewujudkan sebuah negara yang adil, progresif dan kukuh. Oleh yang demikian, Kajian seperti ini bukanlah satu perkara yang baru tetapi suatu usaha Kerajaan yang berterusan untuk mencapai perpaduan negara, mengekalkan keamanan dan keselamatan negara serta meneruskan pertumbuhan ekonomi yang stabil.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia sedar semasa Rancangan Malaysia Kelima dilancarkan dahulu, Malaysia telah dilanda kemelesetan ekonomi yang teruk dan Malaysia berada dalam keadaan yang amat membimbangkan. Pada masa itu jumlah pendapatan negara telah merosot sebanyak 7.9%—pertumbuhan ekonomi yang negatif, sementara Kerajaan pula menghadapi masalah kewangan, Pertumbuhan negatif ini menjejaskan pengwujudan peluang-peluang pekerjaan hingga menyebabkan pengangguran terus meningkat. Pendek kata, prospek negara pada masa itu amatlah gelap. Akan tetapi dalam masa 3 tahun ini iaitu semasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima baru sebentar tadi, keadaan ekonomi negara berada dalam tahap yang amat membanggakan. Pertumbuhan ekonomi negara 3 tahun kebelakangan ini adalah amat pesat dan ini adalah kerana keupayaan Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk merancang dan melaksanakan program-program dan dasar-dasar ekonomi yang positif.

Saya amat bangga melihat pertumbuhan ekonomi negara yang berlipat-ganda dalam 3 tahun kebelakangan ini, manakala kita masih melihat negara-negara di rantau ini tidak mencapai kejayaan yang

begitu pesat dan masih, dengan izin, struggle to achieve positive economic growth. Angka-angka dan butir-butir yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri jelas menunjukkan negara kita telah jauh berjaya mencapai target dan aspirasi negara dalam tempoh masa Kajian ini. Jika keadaan ini diteruskan, saya yakin dan percaya target-target Rancangan Malaysia Kelima akan terus dicapai tanpa sebarang masalah.

Tuan Yang di-Pertua, purata pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa 5 tahun Rancangan Malaysia Kelima mengikut indicator kejayaan selama 3 tahun ini adalah sebanyak 5.8% dan ini adalah 0.8% lebih baik daripada jangkaan tempoh Rancangan Lima Tahun. Kejayaan yang dicapai dalam masa 3 tahun ini adalah kerana barangan keluaran negara ini seperti getah, bijih timah dan petroleum mendapat harga yang tinggi dalam pasaran dunia. Performance dan prospect yang positif ini bukan sahaja mencerminkan kurniaan sumber-sumber alam semula jadi tetapi juga kerana perancangan dan pelaksanaan polisi dan strategi Kerajaan yang prudent dan juga kerana langkah-langkah Kerajaan mengurangkan perbelanjaan pengurusan dan pembangunan untuk menjaga kedudukan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan langkah Kerajaan mengurangkan perbelanjaan daripada \$74 billion kepada \$47.68 billion. Seperti kita sedia maklum, kekurangan perbelanjaan ini dibuat untuk membolehkan sektor swasta memainkan peranannya bersaing dengan Kerajaan yang telah menswastakan beberapa agensinya. Oleh yang demikian, saya berharap sektor swasta akan memainkan peranan yang positif dalam usaha pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam aspek ini, saya juga ingin menarik perhatian Kerajaan bahawa

agensi-agensi yang diswastakan oleh Kerajaan sekarang tidak memainkan peranan yang diharapkan. Masih terdapat beberapa kekurangan dalam sektor organisasi dan pentadbirannya dan kerap kali kita mendengar rungutan bahawa penswastasaan agensi-agensi Kerajaan tidak mendatangkan faedah kepada sesiapa. Sejauh mana yang boleh, Kerajaan hendaklah tidak mencampurtangan dalam urusan pentadbiran dan pengurusan syarikat-syarikat yang diswastakan itu agar ianya memberi imej dan identiti persendirian kepada syarikat-syarikat tertentu itu. Dengan demikian, pihak yang diswastakan itu lebih bebas merancang polisi dan strateginya untuk pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga yakin dan percaya Kerajaan akan mengambil inisiatif dan tindakan yang lebih positif untuk meningkatkan produktiviti dalam 2 tahun yang akan datang ini. Pada masa ini Kerajaan sedang berusaha menggubalkan Dasar Ekonomi Baru setelah 1990 dengan menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara yang akan menjadi teras kepada ekonomi negara kita. Dasar Ekonomi Baru yang dirangka oleh MAPEN akan pasti accommodate ekonomi yang berkembang dan akan mengkaji semula polisi-polisi dan matlamat supaya ianya diubahsuai, jika perlu, untuk mencapai kejayaan pada dekad yang akan datang.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah banyak mencapai kemajuan terutama matlamat membasmi kemiskinan di kalangan rakyat dan mengurangkan jurang perbezaan di antara kaum, khususnya dari segi hakmilik harta dan pekerjaan. Taraf kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah dapat dikurangkan daripada 49% dalam tahun 1970 kepada paras yang jauh lebih rendah iaitu kira-kira 30% dalam tahun 1987. Saya amat bangga melihat

kemajuan yang telah dicapai ini menunjukkan bahawa program-program pembangunan negara telah dapat memberi kesan ke atas pendapatan di kalangan golongan miskin seperti pekebun-pekebun kecil getah, penanam padi, nelayan dan pekerja-pekerja estet. Akan tetapi saya juga berharap Kerajaan akan mengambil langkah-langkah dan polisi-polisi yang pragmatik untuk mengurangkan kemiskinan yang pada masa ini adalah tinggi iaitu 70%. Kelompok-kelompok kemiskinan ini kebanyakannya terdapat di kampung-kampung pendalaman dan ladang-ladang getah walaupun konsep kemiskinan di negara ini keadaannya tidaklah seburuk seperti terdapat di beberapa buah negara membangun yang lain.

Kerajaan hendaklah memastikan pengurangan kemiskinan ini akan memberi manfaat kepada semua kaum di negara ini. Kita juga mendapati kaum India yang miskin di ladang kita, kaum Melayu yang miskin di kampung nelayan dan kawasan pendalaman dan kaum Cina yang miskin di kampung-kampung baru. Kerajaan hendaklah mengambil langkah dan menggubal polisi untuk menghapuskan kemiskinan sekali gus di kawasan-kawasan ini. Dalam rancangan membasmi kemiskinan kita seharusnya tidak meningkat peratusan-peratusan dan data-data kaum, tetapi meningkatkan manusia yang miskin dan kurang bernasib baik. Ini sama ada ianya Melayu, Cina India, Iban, Kadazan dan Orang Asli. Dalam aspek ini saya juga mengalu-alukan kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita baru-baru ini yang berusaha membantu orang-orang yang termiskin di negara ini tanpa mengira kaum untuk mendirikan rumah saya selesa. Tindakan ini adalah suatu usaha yang murni dan disanjung tinggi oleh setiap lapisan rakyat di negara ini. Bantuan ini akan memberi peluang kepada golongan-golongan yang termiskin ini mendapat, dengan izin "a roof over his

head" yang melindungi keluarganya dari hujan dan panas. Saya percaya tidak ada negara di dunia ini yang sanggup menjaga rakyatnya dengan begitu sayang sekali. Saya berharap rancangan-rancangan seperti ini akan terus dilaksanakan pada masa hadapan dengan baik dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang kadar pengangguran yang tinggi di negara ini. Kadar pengangguran bagi tahun 1990 hanya dapat dikurangkan kepada 7.6% berbanding dengan 8.1% dalam tahun 1988. Kita sedar kadar pengangguran di kalangan siswazah yang mempunyai kelayakan tidak profesional adalah tinggi. Kerajaan hendaklah mengkaji semula kurikulum dan bidang-bidang kursus yang ditawarkan di Pusat-pusat Pengajian Tinggi supaya bidang-bidang yang dipelajari itu adalah "relevant" dan dapat disesuaikan dengan hasrat Kerajaan menjadikan negara ini sebuah negara NIC, dengan izin (Newly-Industrialised Country), dan memberi peluang pekerjaan kepada setiap siswazah di negara ini. Saya sedar perkara ini bukanlah semudah seperti yang disebutkan tadi, tetapi Kerajaan haruslah berusaha agar siswazah-siswazah kita tidak menganggur setelah mendapat pendidikan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek pengangguran ini saya amat tertarik dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa jumlah penganggur sekarang ialah 534,700 orang, di samping itu tenaga buruh pula bertambah tahun demi tahun. Untuk memburukkan keadaan lagi rakyat Malaysia terlalu memilih kerja dan berhijrah ke bandar, semasa beribu-ribu peluang pekerjaan kosong, beribu-ribu pekerja pula menganggur, di masa yang sama pendatang asing berebut-rebut datang ke Malaysia untuk mendapat kerja. Fenomena ini adalah satu fenomena yang amat mendukacitakan, kerana

ada belia-belia di negara ini yang tidak mahu bekerja di dalam sektor-sektor yang tertentu di mana pekerja-pekerja asing sanggup bekerja. Di manakah salahnya dan apakah sebabnya?

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya perkara ini berlaku kerana pemuda-pemuda di kampung-kampung dan ladang-ladang getah lebih gemar berhijrah ke bandar mencari pekerjaan disebabkan oleh kekurangan kemudahan asas dan infrastruktur di kawasan-kawasan kampung di ladang-ladang tersebut. Oleh yang demikian, kita menghadapi kekurangan pekerjaan di luar bandar, akan tetapi tidak lama lagi kita akan menghadapi satu situasi di mana penduduk-penduduk bandar pula akan menghadapi masalah pengangguran akibat terlalu banyak penduduk-penduduk yang mencari kerja di bandar sehingga tidak mahu bekerja di ladang dan di kampung. Apabila fenomena ini berlaku pemuda-pemuda bandar akan dengan sendirinya balik ke kampung dan ladang masing-masing untuk mencari pekerjaan. Semasa itu Kerajaan harus bersedia menerima mereka dengan menyediakan berbagai kemudahan infrastruktur di kampung-kampung dan di ladang-ladang tersebut seperti kemudahan perumahan yang selesa, insentif pekerjaan yang baik, kemudahan asas yang memuaskan seperti air, api, kemudahan-kemudahan perhubungan telefon dan jalanraya supaya mereka terus kekal dalam sektor perladangan ini. Kita juga harus sedar permintaan kepada bahan-bahan pertanian pengeluaran negara ini akan bertambah dalam dekad yang akan datang.

Oleh yang demikian, Kerajaan haruslah merancang polisi yang efektif untuk menarik lebih banyak lagi pemuda-pemuda negara kita bekerja di sektor ladang dan bukan bergantung kepada pekerja-pekerja asing. Jika perlu mewujudkan kilang dan industri besar hendaklah dicentralisekan agar

taburannya luas terdapat di kampung-kampung dan kawasan luar bandar untuk memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk luar bandar. Kita juga harus memastikan ekonomi kita berkembang kepada paras yang lebih pesat sekurang-kurangnya 7% setahun untuk memberi pekerjaan kepada tenaga buruh yang bertambah tahun demi tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek sosial pula saya mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk mengadakan sekolah satu sesi sahaja di negara ini. Ini adalah keadaan yang ideal. Saya sedar usaha ini akan menelan belanja yang begitu besar. Dalam Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah besar wang untuk mendirikan bilik-bilik darjah tambahan di peringkat sekolah menengah dan rendah. Dalam aspek ini saya ingin menarik perhatian Kerajaan bahawa priority dan keutamaan hendaklah diberi kepada pembinaan bilik darjah di mana sekolah yang mempunyai dua sesi iaitu sebelah pagi dan petang supaya murid-murid petang dapat belajar sesi pagi. Saya pasti pembelajaran dan pelajaran sewaktu pagi akan memberi kesan yang lebih positif kepada prestasi murid-murid di negara ini. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan mula memberi keutamaan dalam dua tahun akan datang ini kepada pembinaan bilik-bilik darjah di sekolah-sekolah yang darjahnya mempunyai dua sesi. Sebagai permulaan Kerajaan hendaklah melaksanakan rancangan ini di peringkat sekolah rendah terutama sekali sekolah-sekolah di luar bandar. Dalam konteks ini saya juga ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini kepada keadaan yang uzur di sekolah-sekolah Tamil di negara ini.

Kerajaan telah mempunyai matlamat untuk membekalkan ilmu yang sama kepada semua rakyat di negara ini tanpa mengira kaum dan agama, tetapi

keadaan tempat belajar dan infrastruktur yang berbeza-beza mengakibatkan murid-murid menerima ilmu yang berbeza-beza. Untuk membetulkan keadaan ini, Kerajaan hendaklah mengambil berat untuk memperbaiki keadaan dan membina lebih banyak lagi bilik-bilik darjah bagi sekolah-sekolah di luar bandar dan ladang-ladang sama ada ianya Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan SRJK Tamil di negara ini adalah amat mengecewakan dari segi fizikal dan infrastrukturnya. Ada sekolah yang terpaksa mengadakan kelas-kelas di bawah pokok, di tokong dan di pentas-pentas pertunjukan dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kerajaan supaya memperuntukkan sejumlah besar peruntukan untuk mendirikan bilik-bilik darjah bagi sekolah-sekolah Tamil di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini adalah berkaitan dengan perumahan terutama sekali rumah kos rendah bagi penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah yang tinggal di ladang dan lombong. Pembinaan rumah kos rendah mahupun oleh pihak swasta ataupun oleh Kerajaan tidak mencapai target yang tertentunya, hanya 19,220 unit daripada target 179,200 unit sahaja dapat dibina pada tahun 1988. Kejayaan dicapai dalam sektor perumahan adalah hanya 9.6% sahaja. Kita sedar keadaan begini berlaku kerana kemelesetan ekonomi yang menyebabkan kelembapan sektor perumahan. Dari segi Kerajaan pula, program perumahan yang dilancarkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri tidak begitu mendapat response orang ramai kerana lokasi projek perumahan ini tidaklah begitu menarik dan tambahan pula kosnya pun tinggi. Walau



bagaimanapun, performance Kerajaan Negeri dalam pembinaan rumah kos rendah adalah lebih baik daripada pihak swasta. Saya yakin dan percaya Kerajaan akan terus membina rumah kos rendah dengan harga lebih murah di lokasi yang sesuai agar lebih banyak penduduk berpendapatan rendah memiliki rumah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Parlimen dan saya sendiri telah membangkitkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini berkaitan dengan tabung pusingan program perumahan ladang dan lombong yang dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak dalam tahun 70an. Walaupun begitu lama tabung diwujudkan, saya kecewa tabung ini tidak digunakan dengan sepenuhnya oleh pihak-pihak yang tertentu dan kejayaan tabung ini amatlah mendukacitakan. Di antara 1,580 buah ladang di negara ini hanya 8 buah ladang sahaja yang mengenalkan rancangan perumahan bagi pekerja-pekerjanya dengan menggunakan tabung ini. Kejayaan tabung ini hanya 0.5% sahaja, di manakah kesilapannya? Kita ada wang tetapi tidak ada pihak yang sanggup melaksanakan projek ini demi kepentingan pekerjaan sendiri. Oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah mengambil langkah yang positif untuk menggalakkan pihak ladang melaksanakan skim Perumahan kepada pekerja-pekerja ladang di negara ini agar menarik lebih banyak rakyat gemar mencari rezeki bekerja di ladang dan lombong-lombong di negara ini.

Pada masa ini pasaran bagi barangan pengeluaran pertanian seperti getah dan kelapa sawit serta hasil perlombongan seperti bijih timah adalah amat baik dan harganya tinggi dan memuaskan. Jika kita tidak ambil sesuatu tindakan segera, saya khawatir nanti tidak ada rakyat Malaysia yang sudi bekerja di ladang dan lombong. Kita terpaksa pula "welcome" sama

ada secara halal atau haram pekerja-pekerja asing dari luar negeri. Fenomena ini tidaklah begitu sihat kepada negara kerana kita telah pun mengalami beberapa masalah berikutan kehadiran pekerja-pekerja asing di ladang ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan tabung pusingan program perumahan di ladang ini telah dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini. Saya mengalu-alukan Menteri kita yang baru memegang teraju Kementerian ini dan sayayakin Menteri kita, Yang Berhormat Saudara Lee Kim Sai yang mempunyai vision yang luas akan melaksanakan program perumahan di ladang-ladang kita dan lombong dengan pesat dan giat lagi menggunakan pengalaman yang luas sebagai Menteri. Saya berharap dalam tempoh 2 tahun lagi sebelum tamatnya Rancangan Malaysia Kelima dan semasa menunggu era baru Dasar Ekonomi Baru lebih banyak lagi ladang akan melaksanakan program perumahan di ladang agar mencapai hasrat Kerajaan untuk menjadikan rakyat Malaysia masyarakat pemilik rumah, dengan izin, "house owning society".

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini adalah berkaitan dengan pemilikan saham dalam sektor koporat oleh pelbagai sektor di negara ini yang terdapat dalam Kajian Separuh Penggal ini. Kejayaan kaum India dalam memiliki saham dalam sektor koporat adalah amat mengecewakan dibanding dengan beberapa kumpulan etnik yang lain. Pada masa ini kaum India hanya memiliki \$1,153 million, iaitu 1.2% sahaja dalam saham sektor koporat di banding dengan 32.6% kaum Cina, 19.4% kaum bumiputera dan 24.6%

pelabur asing. Keadaan ini jelas menunjukkan rakyat India di negara ini tidak mempunyai bahagian saham yang memuaskan untuk berkongsi hasil pemilikan sektor koporat.

Seperti sedia maklum kaum India adalah di antara rakyat yang termiskin di negara ini dan tidak mampu memiliki saham-saham koporat dengan menamakan modal yang besar. Oleh Yang demikian, Kerajaan hendaklah membantu berusaha meningkatkan lagi prestasi memiliki saham koporat bagi rakyat keturunan India di negara ini dengan membuka peluang sebagai konsesi kepada mereka. Kerajaan hendaklah mengkaji kemungkinan memindahkan agensi-agensi memiliki pekerjaan yang mendatangkan hasil yang lumayan terutama dalam sektor pertanian kepada koporat-koporat besar pemilikan kaum India seperti Miaka Holding agar hasil pendapatannya dapat dikongsi oleh sebilangan luas rakyat keturunan India di negara ini. Dalam aspek ini saya juga menyokong cadangan Kerajaan untuk memindahmilik beberapa syarikat SEDC (Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri) kepada PNB (Perbadanan Nasional Berhad) agar lebih banyak lagi pelabur-pelabur Amanah Saham Nasional dapat menikmati faedah ini yardstick dan cara yang sama hendaklah digunakan untuk membantu rakyat keturunan India di negara ini.

Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) untuk menyemak semula Dasar Ekonomi Baru negara kita dan untuk mencadangkan matlamat dan aspirasi dasar ekonomi selepas tahun 1990. Dalam aspek ini saya ingin merayu Kerajaan supaya memberi keistimewaan kepada rakyat keturunan India di negara ini apabila dasar ekonomi digubalkan nanti.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memohon kepada (MAPEN) su-

paya jangan melonggokkan kaum India dalam tafsiran bukan bumiputera apabila data-data diperolehi dan dibekalkan nanti. Istilah "bukan bumiputera" jelas menunjukkan kaum Cina, India dan lain-lain dilonggokkan sekali, akan tetapi pencapaian dan kejayaan kaum India dan Cina adalah amat beza dari segi kemajuan ekonomi dan sosial di negara ini.

Perkara ini tidak mencerminkan langsung keadaan kaum India yang benar dan jurang perbezaan dalam kedudukan status di antara kedua-dua kaum ini adalah amat jauh. Oleh yang demikian, rakyat keturunan India hendaklah digolongkan dalam ruangan berasingan sebagai golongan yang miskin dan berpendapatan rendah. Rakyat keturunan India hendaklah diberi keutamaan dan "handicaped" dalam bahasa "golf" seperti yang disebutkan oleh Ahli Parlimen Kok Lanas di Dewan Rakyat baru-baru ini. Rakyat keturunan India adalah juga sama seperti kaum Melayu di kampung-kampung nelayan dan pekebun-pekebun kecil di kawasan-kawasan terpencil di negara ini. Keutamaan dan keistimewaan hendaklah diberi kepada golongan yang kurang bernasib baik ini seperti juga kepada kaum bumiputera yang kurang bernasib baik.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh sedikit tentang pengambilan pelajar-pelajar ke institusi-institusi pengajian tinggi dalam bidang professional seperti perubatan dan undang-undang. Saya difahamkan jumlah pengambilan pelajar-pelajar rakyat keturunan India kedua-dua bidang professional ini amatlah kurang dan tidak seimbang dengan pengambilan pelajar keseluruhannya. Saya mohon jasa baik Kerajaan agar rakyat keturunan India terus diberi peluang mengikuti kursus-kursus dalam bidang-bidang tertentu ini. 10 tahun kebelakangan ini jumlah doktor dan peguam-peguam rakyat keturunan India yang keluar dari

Universiti-universiti tempatan adalah amat sedikit dibandingkan dengan pelajar-pelajar kaum lain. Oleh yang demikian saya memohon jasa baik Kerajaan untuk terus meningkatkan pengambilan pelajar-pelajar rakyat keturunan India dalam bidang perubatan dan undang-undang di Universiti-universiti tempatan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menggulung ucapan saya berharap semua pihak akan berusaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat untuk mencapai matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Kelima dan membangun tenaga manusia untuk memastikan kemajuan yang lebih besar kepada masyarakat dan negara. Dengan kata-kata ini saya menyokong penuh Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Chong Eng Leong.

#### 4.43 ptg.

**Dr Chong Eng Leong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kita di bawah pimpinannya Kerajaan bukan sahaja selamat dalam tahun 1985 dan 1986 musim tempoh keadaan yang tidak tentu tetapi telah dapat juga berjaya keluar dari tempoh kemelesetan yang berpanjangan malahan dapat juga mengharapakan pertumbuhan purata tahunan dengan kadar 5.8% bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima iaitu 0.8% lebih tinggi daripada pertumbuhan purata tahunan Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh Perdana Menteri

kita, Kerajaan terpaksa mengurangkan perbelanjaan pembangunan yang telah dirancang untuk Rancangan Malaysia Kelima dari \$74 billion ke \$47 billion untuk memastikan keadaan perbelanjaan yang mampu diuruskan. Kita tahu bahawa sebelum tempoh kemelesetan itu Kerajaan Persekutuan dan juga Negeri memang telah meminjam banyak wang untuk tujuan pembangunan bagi mempertahankan pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Nasib baik keadaan itu telah dapat dikawal demi mengelakkan pinjaman ini yang begitu berat daripada lebih lagi teruk.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah baik kita berbelanja mengikut kemampuan kita. Kita tidak mahu memohon maaf di atas tindakan yang berjimat cermat ini. Justeru itu musim pemulihan ekonomi yang begitu baik Kerajaan telah dengan penuh tanggungjawab menambah perbelanjaan pembangunan yang disemak bagi Rancangan Malaysia Kelima dari \$47 billion ke \$57 billion. Kita perhatikan bahawa sebanyak \$28 billion telah dibelanjakan dalam tempoh tiga tahun 1986, 1987 dan 1988. Masih terdapat \$29 billion untuk tempoh selama 2 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini izinkan saya menerangkan keadaan pendidikan dan keadaan kesihatan di Sabah. Jabatan Pendidikan Sabah telah diperuntukkan sebanyak \$260 juta sebagai perbelanjaan pembangunan bagi Rancangan Malaysia Kelima. Peruntukan ini memanglah dimaksudkan bagi semua sekolah-sekolah meliputi sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Kini sekolah-sekolah jenis kebangsaan di Sabah mewakili 20% daripada semua sekolah di Sabah. Namun demikian hanya 1% daripada peruntukan itu diperuntukkan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Peruntukan sebanyak 1% ini telah pun habis digunakan dalam tempoh tahun 1986 dan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Kerajaan Persekutuan akan bertimbang rasa jika sekali lagi saya menarik perhatiannya bahawa terdapat 300,000 orang dari jumlah penduduk Sabah seramai 1.6 juta orang adalah terdiri dari orang pendatang haram. Orang dagang ini sudah begitu lama di Sabah. Kanak-kanak mereka pun cukup tua dan sungguh bertuah kerana dapat bersekolah. Kesemua kanak-kanak orang pendatang haram ini belajar di sekolah-sekolah rendah Kerajaan Pada lazimnya sekolah-sekolah rendah Kerajaan itu dihadiri oleh anak-anak warganegara Malaysia. Tetapi hari ini adalah banyak sekolah-sekolah rendah Kerajaan telah mendaftarkan hampir 40% murid-murid daripada jumlah murid sekolah itu, 40% murid ini, adalah terdiri dari kanak-kanak orang pendatang haram. Keadaan ini mengakibatkan kelas petang terpaksa diadakan. Ia juga merumitkan lagi masalah kekurangan sekolah dan kekurangan kemudahan-kemudahan sekolah. Sejumlah besar kanak-kanak bumiputera yang tidak mendapat tempat di sekolah-sekolah rendah Kerajaan terdapat juga ibu bapa yang tidak mahu anak-anak mereka menghadiri sekolah-sekolah yang mempunyai ramai kanak-kanak orang pendatang haram.

Tuan Yang di-Pertua, ke manalah mereka pergi? Mereka pergi ke sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Begitu ramai anak-anak bumiputera masuk ke sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini sehingga kelas tidak mencukupi walaupun kelas petang diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberi perhatian khas kepada keadaan di Negeri Sabah seperti kewujudan pendatang haram apabila mempertimbangkan peruntukan Adanya pendatang haram yang begitu ramai ini ia bukan sahaja telah

menambah masalah kekurangan kemudahan sekolah kita tetapi telah secara tidak langsung menyebabkan meruntuhkan kemampuan di sekolah-sekolah jenis kebangsaan juga.

Oleh itu, peruntukan sebanyak \$260 juta bagi Sabah dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima merupakan keperluan minima bagi anak-anak warganegara Malaysia sahaja. Kita tidak halang untuk mendidik anak-anak orang pendatang haram jika kita diberi peruntukan yang cukup. Dengan pertambahan jumlah peruntukan bagi pendidikan, saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan agar menambah peruntukan bagi pendudukan di Sabah serta menambah tabung bagi sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan atas sebab-sebab dinyatakan awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh keadaan kesihatan di Sabah, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa walaupun peruntukan pembangunan yang disemak bagi Rancangan Malaysia Kelima telah bertambah hampir \$10 billion, mengapa peruntukan keseluruhan bagi perkhidmatan kesihatan serta pembangunan kependudukan dan keluarga telah dikurangkan dari \$697 juta ke \$556 juta? Sedangkan peruntukan bagi kebanyakan Jabatan telah bertambah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$775 juta daripada jumlah peruntukan sebanyak \$776 telah dibelanjakan. Mungkin jabatan-jabatan berkenaan yang merancang peruntukan pembangunan kesihatan boleh memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini tentang pengurangan peruntukan itu. Adakah kita sebenarnya begitu sihat?

Tuan Yang di-Pertua, bagi Sabah, \$18 juta telah diperuntukkan bagi

pembangunan perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang berkaitan dengan kesihatan. Bagi tahun 1986, 1987, 1988, \$18 juta. Bagi tahun 1989, \$20.9 juta telah diperuntukan. Sabah harus berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan tentang pertambahan peruntukan yang diberi bagi tahun 1989 jikalau dibandingkan dengan tiga tahun yang lalu. Walaupun peruntukan bagi tahun 1989 itu besar nampaknya, sebenarnya dalam tahun 1986, 1987, dan 1988 hanya 60% liputan perkhidmatan kesihatan telah dapat dicapai di Sabah dan Sarawak. Barangkali itulah sebab Sabah di dalam tahun 1989 diberi peruntukan pembangunan yang dianggap tinggi sedikit. Walau bagaimanapun, Sabah dengan kawasan pedalaman yang begitu luas serta kemudahan perhubungan yang begitu rumit untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang sepatutnya, sejumlah besar peruntukan adalah diperlu supaya kami dapat meninggikan taraf kesihatan di kalangan penduduk yang berbagai suku, penduduk yang bertaburan di merata kawasan. Dengan peruntukan ini kami akan menambahkan kemampuan penduduk untuk mendapat perkhidmatan perubatan khasnya penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, 70% daripada penduduk Sabah berada di luar bandar dan negeri Sabah pernah dilaporkan bahawa ia mempunyai kadar kemiskinan yang paling tinggi. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima sepanjang mana perkhidmatan perubatan berkenaan, tumpuan adalah di bidang pencegahan, mencegah apa-apa penyakit sahaja meliputi penyakit berjangkit. Negeri-negeri yang terkenal pasti sebagai negeri yang perlu diberikan perhatian khas di dalam bidang pencegahan ini termasuklah Sabah. Keperluan asas di dalam keadaan ini ialah mengadakan bekalan air yang cukup dan bersih dan tandas yang cukup dan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah 60% daripada penduduk luar bandar tidak mempunyai bekalan air yang cukup dan selamat. Setengah daripada mereka tidak mempunyai tandas sekali. Tidak hairanlah kerap berlaku wabak penyakit-penyakit berjangkit seperti cholera, typhoid, Hepatitis A di tempat tertentu di Sabah, khasnya di dalam masa tiga tahun yang lalu apabila perbelanjaan pembangunan dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang mana yang berkaitan dengan Sabah, tumpuan melalui langkah pencegahan dalam Rancangan Malaysia Kelima gagal. Seperti contohnya kita melihatkan penyakit berjangkit. Dalam tempoh tiga tahun yang lalu wabak cholera, typhoid dan Hepatitis A ialah serius berlaku di merata-rata tempat di Sabah. Langkah-langkah pencegahan satu lagi penyakit berjangkit iaitu malaria pun juga telah gagal dengan teruk sekali. Dalam tahun 1987 terdapat di Sabah 25,500 kes malaria diikuti dengan 62 kematian berbanding dengan Negeri Sarawak di mana cuma ada 1,100 kes dengan satu kematian dan di seluruh Semenanjung Malaysia hanya 10,000 kes dengan 2 kematian. Dalam tahun 1988 kes malaria di Sabah meningkat kepada 37,300 kes mengakibatkan hampir 100 kematian. Keadaan ini sama sekali tidak patut berlaku dalam zaman sekarang di mana teknologi perubatan telah begitu maju. Seolah-olah ini belum cukup, wabak denggi pun telah menjadi-jadi dalam masa dua tahun yang lalu, khasnya di sepanjang Pantai Timur Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita boleh menjadikan Malaysia sebagai tempat yang baik dan selamat bagi keturunan kita sekiranya dalam zaman penerangan ini kita masih tidak dapat mengawal wabak penyakit berjangkit seperti malaria. Menteri Pelancongan dan Kebudayaan kita boleh menyeliakan tandas di sana sini sampai semua memuaskan hati. Tetapi

jika pelancong-pelancong diberi tahu bahawa lebih banyak malaria terdapat di negara kita, barangkali pelancong-pelancong pun tidak mahu datang. Kalau begitu bagus lagi Menteri Pelancongan kita ditukar ke Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya bukan Kementerian Kesihatan tidak mampu. Sebabnya yang betul ialah tiada peruntukan pembangunan untuk pencegahan. Jika-lau kita boleh lihat JADUAL 13-7, muka 299 dalam buku ini, peruntukan bagi perkhidmatan kesihatan luar bandar adalah dikurangkan dan bagi perkhidmatan kesihatan pencegahan rupanya tiada sudah perkhidmatan ini. Bagi perkara ini bukan sahaja untuk Sabah tetapi untuk semua negeri-negeri kita. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan kenapakah keadaan ini boleh berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, apa yang memburukkan lagi keadaan di Sabah sebenarnya ialah kehadiran orang-orang pendatang haram, semacam juga terhadap masalah pembangunan pendidikan. Besar kemungkinan sejumlah lebih daripada 300,000 orang-orang pendatang haram ini bermastautin di kawasan yang penuh dengan peluang-peluang ekonomi iaitu di kawasan bandar.

Sesiapa sahaja dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang berpeluang berjalan-jalan di sekitar pasar Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Lahad Datu atau Semporna, kita boleh lihat beribu-ribu orang-orang pendatang haram di sana sini. Mereka hidup seperti penduduk luar bandar di kawasan bandar iaitu dengan tiada bekalan air, tiada sistem pengaliran, tiada tandas. Keadaan ini kerap kali menimbulkan penyakit berjangkit. Namun demikian, mereka senang mendapatkan kemudahan-kemudahan perubatan kerana hospital besar dekat sahaja. Ya, kami memberikan perkhidmatan secara percuma.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang pendatang haram tentulah meminta rawatan di Hospital Kerajaan secara percuma. Kanak-kanak mereka kebanyakan dilahirkan di rumah sakit kita.

Dalam tahun 1985 22% daripada kanak-kanak yang lahir di Kota Kinabalu adalah kanak-kanak orang bukan warganegara Malaysia. Dalam tahun 1988 lebih kurang 50,000 orang kanak-kanak yang lahir di seluruh Sabah, 25% daripada mereka adalah kanak-kanak orang bukan warganegara Malaysia. Bayi-bayi itu pun diberi secara percuma suntikan Hepatitis "B", satu suntikan yang mahal.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada peruntukan bagi perkhidmatan perubatan di Sabah sama ada bagi pembangunan atau pun bagi pengurusan, dibelanjakan untuk orang-orang bukan warganegara kita. Izinkan saya menekankan di Dewan yang mulia ini bahawa kita memang merawat sesiapa pesakit mahupun orang bukan warganegara kita atas dasar perikemanusiaan dan sebab-sebab etika. Tetapi bagaimanakah kita boleh berbuat demikian tanpa menghalangi hak-hak asasi warganegara kita? Jawapannya ialah bekalkan kami dengan tenaga manusia dan kewangan yang cukup.

Saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan agar kewujudan 300,000 orang-orang pendatang haram ini dipertimbangkan dengan serius apabila mempertimbangkan peruntukan berkenaan. Saya faham, Jabatan Perkhidmatan Perubatan Sabah dan juga Kementerian Kesihatan juga faham, bahawa pada masa ini perkhidmatan kesihatan di Sabah memerlukan peruntukan tambahan yang sungguh mencukupi dan besar untuk melaksanakan tugas-tugasnya dengan berkesan tanpa menjejaskan hak asasi warganegara kita di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan besar harapan, saya sekali lagi merayu bahawa rayuan berpatutan saya ini akan dapat sampai ke telinga dan seterusnya sampai ke hati Kementerian-kementerian yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

5.07 ptg.

**Tuan Ting Hiew King:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut bangun dan mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Rancangan Malaysia Kelima ini telah dilancarkan pada tahun 1986. Ketika itu kemelesetan ekonomi yang kita alami sangat buruk. Kemelesetan ekonomi dan kelembapan prestasi sektor swasta telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara kita. Oleh yang demikian, Kerajaan telahpun terpaksa mengambil langkah-langkah penyesuaian yang lebih ketat bagi memulihkan ekonomi dan memastikan pertumbuhan yang stabil dan berterusan.

Bagi langkah-langkah penyesuaian yang diperkenalkan itu kita dapati perhatian adalah ditumpukan kepada penggalakan penyertaan swasta dalam aktiviti ekonomi kerana sektor swasta adalah dikenalpasti sebagai penggerak atau lokomotif bagi pertumbuhan ekonomi. Oleh itu sektor swasta harus diberi galakan dan kebebasan yang lebih untuk mempergiatkan aktiviti ekonomi mereka, terutama dalam sektor-sektor pertanian, pertumbuhan, pembinaan dan industri pelancongan. Kerana usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dari pihak sektor swasta, ekonomi negara pada masa ini telah pulih sepenuhnya.

Menurut Kajian Separuh Penggal ini pencapaian pertumbuhan ekonomi pada tahun 1988 adalah amat memberangsangkan di mana KDNK berkembang pada kadar 8.7% dari 1.2% pada tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelima adalah satu rancangan lima tahun terakhir bagi pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Maka Kajian Semula Rancangan Malaysia Kelima merupakan laporan penilaian terhadap pencapaian matlamat tersebut serta satu peninjauan terhadap prospek bagi tempoh dua tahun yang akan datang. Dengan itu dasar-dasar dan program yang akan dilaksanakan juga ditinjau dan ditentukan bagi mencapai matlamat-matlamat yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan melalui Rancangan-rancangan Malaysia ini untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu yakni membasmi kemiskinan di kalangan rakyat berbilang kaum dan menyusun semula masyarakat. Mengikut laporan penilaian terhadap pencapaian matlamat pembasmian kemiskinan dalam Kajian ini, Kerajaan telah berjaya mencapai prestasi yang banyak. Kadar kemiskinan keseluruhannya di Malaysia telah berkurang daripada 27% pada tahun 1984 kepada 19.3% pada tahun 1987. Di Semenanjung Malaysia kadar kemiskinan keseluruhannya telah berkurang daripada 18.4% pada tahun 1984 kepada 17.3% pada tahun 1987. Manakala kadar kemiskinan di Sarawak pula berkurang sebanyak 7.2% daripada 31.9% kepada 24.7% dalam tempoh yang sama.

Menurut Laporan dalam Kajian ini kadar kemiskinan dijangka akan diturunkan pada kira-kira 17% di Semenanjung. Matlamat ini akan pasti dicapai jika kadar pertumbuhan ekonomi boleh dikekalkan pada tahap 7% dan Kerajaan terus menjalankan usaha program pembasmian

kemiskinan dengan meningkat mutu kehidupan rakyat.

Untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi seterusnya, sektor swasta harus diberi peluang yang lebih luas untuk memainkan peranannya dalam kegiatan ekonomi. Dengan terwujudnya pertumbuhan ekonomi yang berterusan, matlamat pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akan lebih mudah dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek penyusunan semula masyarakat pada keseluruhannya terdapat juga kemajuan. Menurut kajian ini corak guna tenaga mengikut kumpulan etnik pun menunjukkan kemajuan walaupun tidak banyak. Tetapi di bidang penyusunan semula hakmilik dalam sektor syarikat berikutan terlaksananya dasar penggalakkan pelaburan dan langkah-langkah lainnya berkaitan dengan pelaburan, corak hakmilik dalam syarikat pun mengalami perubahan.

Jadual 3-12 dalam Kajian ini menunjukkan bahawa pegangan saham bumiputera dalam syarikat-syarikat berhad telah meningkat dari 19.1% pada tahun 1985 kepada 19.4% pada tahun 1988 dengan penambahan modal sebanyak \$4,174 juta sedangkan pegangan saham rakyat Malaysia lainnya berkurangan dari 35.9% pada tahun 1985 kepada 34.7% pada tahun 1988, dan modal saham asing pun berkurang dari 26% pada tahun 1985 kepada 24.6%.

Memandang pencapaian matlamat penyusunan semula masyarakat seperti di atas, saya berpendapat bahawa suasana politik yang stabil dan iklim pelaburan yang baik ada menjamin pertumbuhan ekonomi kita. Dengan pertumbuhan ekonomi dan perkembangan kegiatan sektor perdagangan dan perindustrian, matlamat-matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat akan mudah tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang pembangunan sumber tenaga manusia. Mewujudkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan produktif adalah amat penting untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang dinamik. Pembangunan sumber tenaga manusia maka harus bertumpu kepada peninggian produktiviti dan kemahiran tenaga buruh melalui pendidikan dan latihan untuk memenuhi perkembangan keperluan tenaga manusia negara.

Mengikut anggaran penduduk di dalam Kajian ini, penduduk Malaysia mencapai jumlah 17.1 juta pada tahun 1988 berbanding 15.9 juta pada tahun 1985, dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 2.6%. Ini bermakna penduduk Malaysia bertambah hampir  $\frac{1}{2}$  juta secara purata setahun dalam tempoh 1986-1988.

Maka selaras dengan teras utama pembangunan tenaga manusia program-program pendidikan dan latihan harus diperkembangkan sesuai dengan permintaan tenaga manusia berikutan dari pertumbuhan ekonomi. Selain itu Kerajaan harus memperuntukkan perbelanjaan yang lebih untuk pendidikan tinggi tempatan supaya dapat menampung pelajar-pelajar yang semakin banyak.

Perlu ditekankan di sini kriteria pengambilan hendak berasaskan kepada pencapaian akademik pelajar. Pelajar-pelajar yang memperolehi prestasi yang baik harus diberi peluang sebanyak yang boleh untuk melanjutkan pendidikan tinggi di institusi-institusi pengajian tinggi. Kalau kemampuan institusi-institusi masih berkurangan, swasta harus digalakkan untuk memainkan peranan lebih aktif dalam membantu memenuhi permintaan pendidikan di peringkat tinggi yang semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun terdapat ribuan pemuda-pemudi yang



berumur 13 atau 15 tahun meninggalkan sekolah kerana kegagalan dalam peperiksaan. Bilangan tenaga manusia ini lebih besar daripada jumlah tenaga manusia di peringkat tinggi dan pertengahan. Mereka ini boleh diberi peluang untuk dilatih menjadi tenaga manusia mahir dan separuh mahir. Maka saya meminta supaya institusi-institusi latihan awam serta sekolah-sekolah vokasional boleh menyediakan lebih kemudahan latihan dan menambahkan bilangan pengambilan pelajar di peringkat atas dan pertengahan.

Di samping itu, syarikat-syarikat swasta harus juga mengadakan latihan sambil bekerja dan latihan dalam syarikat untuk mengekalkan produktiviti yang tinggi dan daya bersaing.

Tuan Yang di-Pertua, Kajian ini menunjukkan kadar pengangguran masih tetap tinggi berikutan pertumbuhan pesat penawaran buruh. Pada hemat saya kadar pengangguran boleh dikurangkan jika setengah-setengah langkah diambil seperti berikut:

- (i) Sistem pendidikan dan program latihan harus diubahsuai mengikut keperluan tenaga manusia pada masa hadapan.
- (ii) Kerajaan harus berusaha sedaya upaya supaya sektor swasta terutama dalam negeri dapat membantu mendorong pertumbuhan ekonomi yang lebih cepat dan dengan demikian menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk tenaga kerja kita yang semakin bertambah.
- (iii) Tenaga kerja terutama siswazah-siswazah harus dinasihatkan supaya jangan terlalu memilih.

Di antara ketiga-tiga langkah ini pada hemat saya, paling penting ialah

sektor swasta terutama pelabur-pelabur dalam dan luar negeri diberi galakan yang sesuai supaya mereka memainkan peranan yang lebih berkesan dalam pertumbuhan ekonomi, dan amalan-amalan pentadbiran dan struktur institusi yang menghalang pertumbuhan sektor ini harus dikurangkan. Maka kalau ekonomi boleh berkembang pada paras yang lebih pesat, lebih banyak peluang pekerjaan akan terwujud dan tersedia kepada tenaga buruh kita yang semakin bertambah. Dengan itu saya yakin kadar pengangguran dan kemiskinan boleh dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah kerana jumlah keluaran diramalkan akan berkembang sebanyak 7% setahun dalam dua tahun akan datang. Demi untuk mencapai matlamat ini adalah harapan saya bahawa Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah penyesuaian untuk mewujudkan suasana yang lebih menarik bagi pelabur asing dan tempatan. Dan untuk mendorong pertumbuhan ekonomi yang lebih cepat, Kerajaan juga diharapkan akan turut melaksanakan program-program pembangunannya yang akan terus memberi keuntungan jangka panjang kepada semua kaum serta yang akan memupuk dan memperkukuhkan perpaduan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah ucapan saya. Sekali lagi saya mengucapkan sokongan supaya Laporan Kajian Semula ini diterima oleh Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong.

*5.20 ptg.*

**Tuan Lau Keng Siong:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih oleh kerana memberi peluang kepada saya

untuk membahas bersama-sama Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca dalam buku ini, ucapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang semuanya baik, tetapi ada ketinggalan juga.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan. Pada masa sekarang kebanyakan hospital berkehendakkan doktor-doktor pakar dan juga doktor-doktor biasa, ini saya telah ulang banyak kali. Di Dewan yang mulia ini Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara ini beberapa kali tetapi perkara ini belum dapat diatasi. Kita memang bersetuju dengan dasar Kerajaan Barisan Nasional. Apabila Kerajaan membuat sesuatu keputusan, ianya akan diserahkan kepada pihak pentadbir. Di sini saya terus terang menyatakan itu adalah silap dan kadang-kadang perkara ini dilaksanakan lambat.

Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana Menteri Kesihatan kita yang baru, Yang Berhormat Encik Ng Cheng Keat telah menyatakan dalam suratkhbar bahawa beliau akan cuba menaikkan gaji untuk doktor-doktor pakar. Kerajaan patut mengkaji semula mengapa kebanyakan doktor-doktor pakar dan doktor-doktor biasa tidak suka bekerja dengan pihak Kerajaan. Ini tentu ada sebab-sebab, boleh jadi gaji mereka tidak mencukupi.

Oleh kerana kesihatan sangat-sangat mustahak kepada orangramai terutama sekali kepada rakyat jelata yang miskin yang tidak mampu membayar wang di klinik-klinik private. Jadi ini satu Kementerian sangat mustahak sekali. Kalau semua kanak-kanak kita sihat negara kita akan kuat dan kalau kanak-kanak kita tidak sihat, tidak cukup kuat, bagaimana negara kita boleh menjadi kuat dan maju.

Kita sebagai Ahli Dewan Negara boleh juga dikatakan sebagai Wakil Rakyat selalu mendengar orangramai menyatakan bahawa di hospital-hospital, terutama sekali hospital-hospital daerah, selalu mendapati doktor-doktor tidak mencukupi. Sudah sampailah masanya pihak Kementerian Kesihatan mengambil tindakan dan langkah yang tegas untuk mengatasi perkara ini untuk rakyat kerana rakyat.

Kedua, berkenaan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Apabila ada pilihanraya kita membuat janji kepada rakyat menyatakan bahawa jika mereka pilih Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan akan mengatasi masalah mereka seperti bekalan air tidak cukup. Jikalau kita pergi ke kampung-kampung yang tidak dapat air paip, mereka menggunakan air longkang atau air sungai. Ketinggalan kampung-kampung ini bolehlah disalahkan kepada Wakil Rakyat di sana kerana tidak bekerja kuat. Ada tempat-tempat pula sungguh pun ada paip air tetapi air tidak keluar dan sampai ke hari ini masalah ini tidak dapat diatasi dan kadang-kadang JKR terpaksa menghantar air dengan perbelanjaan yang besar. Ini satu kesilapan yang besar. Mengapa Kerajaan mesti membuang wang secara ini? Gunakan wang ini untuk mencari punca masalah dan kesilapan yang menyebabkan air tidak cukup. Itulah masalahnya.

Kita memang kesian kepada orang-orang kampung. Pemimpin parti Barisan Nasional selalu memimpin kepada rakyat menyatakan hendak menjaga rakyat jelata. Memang betul kita ada jaga tetapi kadang-kadang kesilapan-ini kita tidak nampak. Boleh jadi juga Wakil Rakyat tidak sampai ke tempat itu maka masalah ini berlaku. Saya harap Kementerian Kerajaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil berat dalam perkara ini.

Satu lagi berkenaan Kementerian Kerajaan Perumahan dan Tempatan ini, sampai hari ini tidak mengambil berat dalam masalah bomba. Di kebanyakan tempat terdapat kereta-kereta bomba ini sudah buruk dan alat-alat kelengkapan sudah lama dan tidak boleh dipakai—boleh condemned, tetapi dipakai juga. Di bandar-bandar besar apabila berlaku kebakaran besar kerja-kerja untuk memadam api tidak memuakan, rakyat tidak puas hati kerana alat-alat kelengkapan telah lama dan kereta bomba tidak diganti dengan kereta yang baru. Itu menjadi sebab yang besar sekali. Saya harap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil berat atas perkara ini.

Rumah-rumah murah. Tujuan Kerajaan Barisan Nasional mengadakan rumah kos murah adalah untuk orang-orang miskin, orang yang tiada tanah, tiada rumah baru boleh minta rumah murah. Tetapi kalau kita kaji semula, apabila dibuka permohonan untuk membeli rumah murah, ada orang yang pandai, yang sudah memiliki dua tiga buah rumah, mengatakan mereka tiada rumah dan permohonan mereka diluluskan. Inilah yang boleh menjatuhkan imej Kerajaan kita. Memang tujuan Kerajaan kita bagus, tetapi kadangkala pihak pentadbir membuat silap, tidak menyiasat betul-betul dengan sedalam-dalamnya dan telah memberi rumah kepada mereka dan ini sudah menjadi satu isu. Bila pilihanraya sampai isu ini akan dikeluarkan. Ini pun satu masalah yang sepatutnya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil berat dalam perkara ini.

Berkenaan dengan pendidikan, tadi saya sudah sebut dalam soalan tambahan. Sekolah-sekolah di negara kita telah 20 tahun wang OCAR tidak pernah ditambah. Masa sekarang Guru-guru Besar menghadapi kesusahan. Apabila hendak

mengadakan peperiksaan mereka terpaksa menjimatkan kertas jadi terpaksa menghadkan soalan-soalan. Ini perkara benar. Kalau pihak Kementerian Pendidikan tidak percaya, boleh siasat. Juga pada hari ini terdapat sekolah-sekolah yang tidak cukup alat kelengkapan seperti kertas dan lain-lain lagi kerana dihadkan. Kita berhendakkan murid-murid jadi pandai tetapi kalau peperiksaan atau ujian dikurangkan oleh kerana wang tidak cukup, murid-murid tentu kurang pandai. Jadi, tadi telah dapat jawapan daripada Timbalan Menteri Pendidikan yang menyatakan memang pihak Kementerian Pendidikan telah kaji tetapi wang tiada. Dalam masa Dasar Ekonomi Baru ini patutlah diberi keutamaan kepada perkara ini.

Satu lagi perkara berkenaan dengan Kementerian Pendidikan. Nampaknya pada masa sekarang di negara kita, universiti-universiti tidak mencukupi. Jadi, kebanyakan orang-orang pandai tidak ada tempat untuk mengisi mereka dan mereka terpaksa pergi ke luar negeri untuk belajar. Ini pun satu sebab. Apabila mereka pergi ke luar negeri untuk belajar, memang sudah jadi satu masalah kerana di sana mereka dipimpin oleh orang asing dan sudah jadi satu custom, dengan izinnya, bila sudah lulus, mereka tidak mahu balik ke negara kita. Ini pun satu perkara yang masalah kepada negara kita rugi. Ada orang-orang pandai yang tidak mahu balik ke negeri kita dan kerja untuk Kerajaan kita. Ini pun satu sebab. Jadi, perkara-perkara ini kita mesti kaji semula.

Ada satu lagi berkenaan dengan pengangguran. Pengangguran pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa pada masa ini negara kita menghadapi pengangguran tetapi tambahan orang luar pula masuk. Orang luar banyak dan sekarang dalam negeri kita ada banyak orang luar kerja di ladang-ladang. Tetapi orang tempatan tidak mahu

ubah nasib mereka. Ini menyebabkan pengangguran kita makin lama makin bertambah. Kalau pengangguran ini tidak dapat dikawal, saya fikir ini satu perkara bahaya sekali pada Kerajaan kita. Bila orang pemuda tiada kerja, perut mereka lapar, hendak minta wang daripada ibubapa pun malu. Jadi mereka tidak malu merompak begitu, begini, dan orang luar masuk ke negeri kita pun merompak, bunuh orang, mati begitu, begini. Saya fikir, Kerajaan kita pun sedar atas perkara ini. Saya harap Kementerian Buruh patut ambil berat di atas perkara ini.

Satu perkara lagi ialah dadah. Memang Kerajaan kita ambil berat atas masalah dadah tetapi hari ini perkara ini tidak dapat dihapuskan. Apa sebab? Memang ada punca. Dari mana punca dadah ini boleh masuk ke negara kita? Kita salahkan orang hisap dadah. Memang hisap dadah pun salah juga. Kalau tidak ada benda itu, mereka tidak ada peluang hisap dadah. Kita mesti cari punca itu datang dari mana? Jadi, dari itu saya tengok corruption, dengan izinnya, timbul juga. Bila satu negara ada rasuah, macam-macam perkara boleh berlaku. Jadi, rasuah, dadah, semua ini ada berkaitan. Saya harap Kerajaan cari punca dari mana dadah ini boleh masuk ke negara kita, menyusahkan kanak-kanak kita, kalau tidak, sampai bila pun saya fikir, Kerajaan kita kerja kuat pun, perkara ini tidak boleh hapus langsung.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pelancongan. Memang pada masa sekarang Kerajaan menggalakkan orang luar datang ke negara kita untuk berniaga. Senang sahaja. Kadang-kadang kita tanya pemimpin kita, dia kata dalam satu minggu kalau minta lesen boleh lulus. Tetapi orang tempatan kadang-kadang hendak berniaga, ada satu perniagaan yang kecil, mohon lesen sampai bertahun-tahun, berbulan-bulan tidak lulus. Ini satu perkara yang saya fikir Kerajaan

mesti ambil berat. Kerajaan kita memang bertujuan baik untuk rakyat kerana rakyat tetapi kadang-kadang dimainkan oleh sebahagian orang yang mentadbir yang memainkan perkara ini. Jadi, imej Kerajaan kita sudah jatuh. Saya cakap dengan hati terus terang, tidak tutup. Perkara ini memang betul. Jadi, masa sekarang pun ada di Sekolah Jenis Kebangsaan, ada sekolah yang bocor, sudah buruk dan meminta bantuan dari Kerajaan. Kadang-kadang Kerajaan sudah janji, tetapi apabila sudah janji, kadang-kadang ekonomi tidak bagus, tidak dapat. Jadi, kebanyakan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan terpaksa meminta derma daripada orangramai. Ini pun satu perkara yang tidak baik. Ini memang satu perkara yang boleh dikatakan mendatangkan perasaan tidak suka kepada Kerajaan kita. Ini Kerajaan kita tidak sedar.

Di sini saya suka terangkan memang Kerajaan Barisan Nasional selalu merancang, selalu ada mesyuarat Kabinet. Apa yang telah diluluskan oleh Parlimen atau State Assembly, memang semua untuk rakyat kerana rakyat. Tetapi apabila rancangan-rancangan kita, keputusan-keputusan kita sudah putus, sudah dibuat, serah kepada pihak pentadbiran, Kerajaan patut juga kaji, adakah rancangan ini berjalan 100% atau tidak? Kalau sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab penuh, kalau perkara ini sudah putus, serah kepada pihak pentadbir, kalau pihak pentadbir tidak kerja sepenuhnya, apa yang kita buat pun tidak guna. Ini memang betul. Manusia memang ada kesilapan, memang ada nafsu. Macam-macam boleh jadi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya tidak hendak memanjangkan ucapan saya lagi dan saya tamatkan ucapan saya dan sekali lagi saya sokong penuh Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

5.38 ptg.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana diberi peluang sebagai salah satu Ahli pertama untuk membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, kami bangga dengan ucapan Perdana Menteri yang menyatakan sungguhpun kadar kemiskinan telah berkurangan, usaha-usaha masih perlu diambil bagi memperbaiki taraf hidup golongan termiskin tanpa mengira kaum dan kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan asas seperti makanan, pakaian dan perlindungan harus dinikmati oleh setiap rakyat Malaysia. Jika, garis kemiskinan iaitu, \$350 digunakan, hampir separuh daripada pendapatan keluarga itu harus, diperbelanjakan untuk membayar sewa sebuah rumah setinggan sahaja, atau, sebuah bilik di bandar. Kerajaan perlu melancarkan satu program khas yang berkesan untuk mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah dengan kerjasama daripada sektor swasta. Harga rumah kos rendah patut diturunkan lagi kerana rakyat yang miskin tidak mampu menanggung bayaran ansuran, selagi harga barangan penting seperti susu, ikan dan daging kian tahun kian meningkat. Kadar bunga yang dikenakan pada rumah kos rendah juga harus diturunkan.

Masalah yang pertama yang akan dihadapi bila seseorang hendak membeli rumah ialah wang pendahuluan. Jika sebuah keluarga dalam golongan berpendapatan sederhana ingin membeli sebuah rumah berharga \$100,000 ia harus sediakan wang pendahuluan sekurang-kurangnya sebanyak \$30,000. Keluarga itu merasa susah membayar

wang pendahuluan itu. Apatah lagi untuk golongan berpendapatan rendah yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kepunyaan sebuah rumah yang sesuai akan selamlamanya satu impian sahaja. Kerajaan perlulah membatalkan bayaran wang pendahuluan dan mengurangkan kos rumah murah. Dengan langkah itu saya percaya tentu setiap rakyat boleh memiliki sebuah rumah yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah berusaha memperbaiki pelaburan asing dengan membetulkan suasana pelaburan yang lebih baik. Pelaburan asing telah memberi banyak dorongan dan galakan yang menarik. Bagaimanakah dengan pelabur-pelabur tempatan? Adakah Kerajaan sediakan cukup insentif untuk mereka? Sebenarnya banyak formaliti dalam pentadbiran, dengan izin, *redtape* perlu dibatalkan untuk memudahkan seseorang bakal peniaga mendirikan sebuah perniagaan kecil. Contohnya untuk memulakan sebuah kedai makan seorang peniaga itu perlu menguruskan beberapa lesen di beberapa Jabatan yang terletak di tempat-tempat berlainan.

Saya syorkan Kerajaan mengadakan, dengan izin, One Stop Jabatan untuk urusan-urusan permulaan perniagaan. Bilangan lesen yang diperlukan pun boleh dikurangkan kepada satu atau dua sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dicadangkan baru-baru ini oleh Menteri Pendidikan kita bahawa rakyat kita perlu mencontohi sikap berdikari mengwujudkan pekerjaan untuk sendiri seperti yang dilakukan oleh rakyat Hong Kong di mana setiap hari beratus perniagaan baru muncul.

Untuk menggalakkan rakyat melibatkan diri dalam bidang perniagaan, Kerajaan harus memasukkan segala peraturan dan undang-undang

perdagangan yang menghalang kita melanggar ke arah menjadi taukeh sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin menyentuh aspek yang lain tentang bagaimana negara kita boleh mendapat dan kemudian menggunakan daya-usaha rakyat untuk mendatangkan faedah untuk negara kita. Pendidikan membuka jalan untuk kita memperolehi sumber yang berharga itu.

Pelajaran sememangnya satu soal yang berat bagi setiap ibubapa. Semua ibubapa sewajarnya mengingini anak-anak mereka mendapat tempat dalam sistem pendidikan. Peluang-peluang pendidikan dalam intitusi-institusi pendidikan setiap peringkat dan latihan, guna tenaga harus terbuka kepada semua penuntut atas dasar kelayakan akademik. Demikianlah juga dengan pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar yang miskin. Jika seseorang pelajar pandai belajar dan oleh kerana kemiskinan dia tidak dapat meneruskan pelajaran, pelajar itu harus diberi bantuan kewangan seperti biasiswa dan lain-lain bentuk bantuan. Dengan cara inilah pelajar-pelajar kita akan menjadi warganegara yang taat setia dan mencintai negara kita. Dia pasti hendak berkhidmat demi kemajuan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita tidak perlukan sebarang kempen perpaduan sekiranya setiap pelajar yang layak diberi peluang-peluang untuk mencapai cita-cita mereka.

Masyarakat Malaysia sebuah masyarakat majmuk. Ia memerlukan perpaduan untuk memaju dalam bidang ekonomi dan bidang sosial. Perpaduan boleh dicapai bila rakyat kita diberi peluang-peluang yang sama dalam pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, aspek yang lain yang saya ingin menyentuh ialah pembangunan luar bandar, khususnya

kampung-kampung baru. Program-program pembangunan Kerajaan di luar bandar masih belum dikesan di kampung-kampung baru. Penduduk-penduduknya tidak menikmati hasil-hasil pertumbuhan ekonomi negara. Keadaan ini terbukti dalam beberapa kekurangan yang dihadapi oleh kampung-kampung baru. Antara masalah-masalahnya ialah:

- (a) kekurangan kemudahan-kemudahan awam seperti bekalan air dan bekalan elektrik;
- (b) kekurangan tanah;
- (c) kekurangan peluang-peluang pekerjaan yang baik;
- (d) kekurangan pelbagai ekonomi kampung-kampung baru; dan
- (e) ketiadaan peningkatan taraf pendidikan dan kemahiran gunatenaga.

Sehingga hari ini masih ada ramai penduduk kampung-kampung baru yang terpaksa hidup menggunakan air perigi dan air hujan untuk minuman dan cucian harian. Pada waktu malam mereka menyalakan lampu-lampu minyak atau lampu elektrik yang dijanakan oleh motor. Keadaan perumahan di situ yang dengan parit-paritnya sentiasa bertakung dan jalan-jalannya yang sempit berdebu dan penuh dengan lubang-lubang lebih teruk daripada masa darurat. Kebersihan di kampung-kampung baru jauh daripada memuaskan. Sampah-sarap sentiasa kelihatan di merata-rata tempat. Dengan mengadakan gotong-royong Kerajaan membantu penduduk-penduduk itu membersihkan serta menghapuskan semua sampah-sarap di semua kampung-kampung baru. Selepas itu penduduk-penduduknya sendiri bertanggungjawab menjaga kebersihan kampung masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kampung-kampung baru tidak dibenarkan meluaskan kawasannya.

Akibatnya keadaan kampung-kampung baru menyerupai kawasan setinggan di bandar. Penduduk-penduduknya tidak beri tanah percuma ataupun dijual tanah dengan harga yang murah. Dengan segala rancangan tanah yang dilancarkan oleh Kerajaan untuk membangunkan luar bandar, tidak ada satu agensi yang bertanggungjawab ke atas pembangunan kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Perdana Menteri kita mengumumkan bahawa sebanyak \$800,000 juta telah diperuntukkan untuk projek-projek pembangunan luar bandar. Saya menyeru Kerajaan memberi perhatian kepada suri-suri rumahtangga yang ada di kampung-kampung. Kaum wanita adalah tulang belakang negara kita. Oleh kerana itu kita jangan mengabaikan kewajipan kita terhadap kumpulan ini. Kita harus mengungkil sumber ini. Sebagai seorang suri rumahtangga, tanggungjawab mereka adalah menjaga anak-anak dan mengurus lain-lain hal rumahtangga. Mereka tidak dapat keluar bekerja seperti pekerja-pekerja biasa. Tetapi di antara masa-masa kerja rumah, mereka ada masa lapang yang boleh digunakan untuk mendatangkan faedah.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian peruntukan itu boleh digunakan untuk mendirikan sebuah pusat serbaguna supaya suri-suri rumahtangga itu boleh berkumpul dan membuat benda-benda kerajinan seperti yang dibuat oleh industri-industri kampung. Pekerjaan separuh masa boleh menolong mereka mendapatkan pendapatan sampingan serta membantu pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita tanah subur luas terbentang. Peluang-peluang pekerjaan dalam bidang pertanian merupakan satu penyelesaian untuk masalah pengangguran yang begitu sukar untuk diatasi. Sebuah rancangan tanah disusun untuk menggalakkan para penganggur

menyertainya supaya banyak tanah yang terbiar diusahakan dengan baik untuk meningkatkan keluaran hasil-hasil pertanian untuk dieksportan dan di samping itu juga mengurangkan masalah pengangguran terutama di kalangan siswazah-siswazah. Adalah diharapkan langkah ini akan mewujudkan satu golongan petani terdidik yang boleh menyumbangkan banyak kepada sektor pertanian dari segi sains dan teknologi. Rancangan itu dikekalkan untuk memberi latihan dan bantuan kepada siswazah-siswazah masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat majmuk Malaysia memerlukan sebuah Kerajaan yang dinamik dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima yang tinggal cuma 1½ tahun sahaja, untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dengan nyata. Kerajaan harus sentiasa peka kepada kehendak-kehendak pelbagai kaum dan kawasan, kaya dan miskin yang hidup di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan perbincangan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk menyampaikan beberapa hujah-hujah saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi Yang Berhormat hendak berucap? Sila Yang Berhormat Tuan Foo Boon Ling.

*5.55 ptg.*

**Tuan Foo Boon Liang:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang sibuk menumpukan perhatian dan usaha bagi meningkatkan lagi pembangunan ekonomi negara.

Dalam pada itu saya suka menyeru kepada Kerajaan Pusat supaya menambahkan lagi peruntukan kepada Lembaga Pelabuhan Kuantan bagi melengkapkan kemudahannya supaya lebih banyak kapal akan menggunakan kemudahannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lepas Yang Amat Berhormat Encik Abdul Ghafar bin Baba, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah meluluskan peruntukan sebanyak \$7 juta untuk membeli sebuah kren kontena yang terpakai. Oleh kerana kren terpakai sukar dibeli di pasaran pada hari ini, maka Lembaga Pelabuhan Kuantan terpaksa membuat pindaan dan mencadangkan untuk membeli sebuah crane container baru yang bernilai antara \$14 juta hingga \$17 juta dalam pasaran pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 5 tahun sejak Pelabuhan Kuantan ditubuhkan di Cherting, iaitu pada 1hb Januari, 1984 pihak Pelabuhan telah mencapai peningkatan pengendalian kargo dari 600,000 tan pada tahun 1984 kepada 1,800,000 tan pada tahun 1988. Kebanyakan kargo yang dikendalikan itu, ada kargo pukal atau kargo yang dapat dikumpulkan dengan jumlah yang besar dan sesuai untuk perkapalan tramp, dan kini kemudahan yang kekurangan ialah perkhidmatan kontena tetapi trek container itu telah siap dibina. Untuk melengkapkan perkhidmatan kontena itu, yang diperlukan sekarang ialah crane container itu. Maka saya menggesa Kementerian Kewangan supaya membuat peruntukan tambahan kepada Lembaga Pelabuhan Kuantan supaya badan itu benar-benar boleh menarik lebih banyak kapal-kapal untuk menggunakan kemudahannya termasuk perkhidmatan kontena. Dengan adanya perkhidmatan kontena itu, sudah pasti Lembaga Pelabuhan Kuantan boleh memainkan peranan yang lebih aktif bagi mencapai prestasi

yang lebih cemerlang yang juga menjadi katalis untuk pembangunan industri di Pantai Timur Malaysia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, maka sekali lagi saya menyeru Kerajaan Pusat supaya meluluskan peruntukan tambahan yang diperlukan itu supaya Lembaga Pelabuhan Kuantan dapat membeli crane container bagi melengkapkan kemudahannya.

Dengan itu, saya menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

*6.00 ptg.*

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima ini.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap pemimpin ataupun para ahli politik hendaklah memahami kuasa rakyat, dengan izin, there is no power higher than the power of the people, the Parliament is the organ that represents this power. Kita rasa bangga dengan sistem demokrasi yang diamalkan di negara kita. Demokrasi yang berasaskan kepada kuasa rakyat disanjung tinggi oleh Kerajaan Barisan Nasional kita, dengan izin, "we give the people the ballots and not the bullets", seperti yang berlaku di negara luar. Oleh kerana Parlimen mewakili kuasa rakyat itu, Kerajaan membentangkan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima di dalam Dewan yang mulia ini. Dengan ini Kerajaan menunaikan keperluan demokrasi iaitu "public accountability", dengan izin, semua Wakil Rakyat diberi peluang untuk



membuat bedah-siasat (post-mortem) mengenai Rancangan Malaysia Kelima ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izinnya, "I would like to echo the call by Perdana Menteri" kita ketika melancarkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara pada 19hb Januari, 1989. Di negara Malaysia yang merdeka orang Melayu tidak mahu didominasi oleh kaum lain, demikian juga orang Cina dan India. Dengan perkataan lain, setiap kaum mesti mempunyai peluang dan kemungkinan untuk memperolehi kejayaan yang sama dalam semua bidang dan lapangan. Kenyataan ini diambil perhatian oleh semua pihak yang berkenaan. Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang stabil.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan negara adalah matlamat Dasar Ekonomi Baru dan perpaduan negara tidak akan menjadi kukuh dengan mudah dipecahkan jika majoriti rakyatnya tidak dapat hidup dengan sempurna. Jadi, kaum-kaum besar, dengan izinnya, major races seperti rakyat Bumiputera, Cina dan India hendaklah bekerja dan hidup dalam harmoni. Saya berpendapat dengan pemimpin UMNO Kelantan Yang Berhormat Datok Abdullah Ahmad bahawa Bumiputera mestilah diberi hak sewajarnya, rakyat Cina pun haruslah mendapat pembelaan yang wajar, masyarakat India juga harus mendapat pembelaan yang sesuai dengan sumbangan dan keperluannya. Kita bersimpati dengan kesusahan yang dihadapi oleh para Melayu yang miskin dan penyakit kemiskinan ini hendaklah diubati dengan cukupnya dan dalam masa yang sama "the legitimate interest of other races and social contract 1957 and social contract 1971" haruslah

dilanjutkan sehingga national objective dan perpaduan negara tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak MIC dan masyarakat India mengucapkan syabas kepada Wakil Rakyat Kok Lanas kerana beliau dengan terus-terangnya mengakui dalam Parlimen ini bahawa orang India yang nasibnya daif seperti orang Melayu. Inilah suatu realiti yang saya berulang kali menegaskan dalam Dewan ini pada masa yang lalu. Dilema masyarakat India adalah seperti Malay Dilema. Untuk mendapatkan gambaran yang sebenar mengenai kedudukan kaum ini dalam pelbagai bidang hendaklah digolongkan dengan secara berasingan dan buku dimasukkan dalam golongan bukan bumiputera. Segala angka-angka, data dan maklumat pencapaian kaum ini hendaklah ditunjukkan dalam kategori "kaum India" dan bukan "kaum bukan Melayu". Ini akan mengelakkan tuduhan bahawa data-data dan maklumat diputarbelitkan. Saya berharap rakan saya Yang Berhormat Datuk Abdullah Ahmad akan dapat memperkuatkan pendapat ini dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara sebagai ahli. Kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah dapat dikurangkan daripada 49% dalam tahun 1990 kepada paras yang jauh lebih rendah iaitu kira-kira 17% dalam tahun 1987. Kemajuan yang telah dicapai ini menunjukkan bahawa program-program pembangunan Kerajaan, terutama sekali di luar bandar telah dapat memberi kesannya ke atas pengeluaran dan pendapatan di kalangan golongan miskin seperti pekebun-pekebun kecil getah dan pekerja-pekerja estet.

Sungguhpun kadar kemiskinan telah berkurangan, usaha-usaha perlu diambil bagi memperbaiki taraf hidup golongan termiskin, eloklah Kerajaan mengambil berat kenyataan Saudara Yang Berhormat Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan yang berbunyi

seperti ini: "In our effort to eradicate the poverty of the rural Malays, we should also include the poor rural Indians, especially the estate people". Tidak lama dahulu, seramai 452 kampung-kampung baru diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Menurut kajian yang dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dalam tahun 1985, 96% kampung baru mempunyai api, 88% ada air paip, 92% mempunyai Dewan orang ramai dan telefon. Nampaknya para penduduk kampung baru berjumlah dua juta ini mula menarik "the national attention" untuk menyelesaikan masalah mereka. Ini suatu tanda baik, dan boleh dikatakan masyarakat di kampung baru "fortunate" apabila dibandingkan dengan keadaan hidup di separuh kampung tradisional dan sektor ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kampung-kampung tradisional dan kampung baru hendaklah ditambahkan mengikut keperluan masing-masing. Dalam masa yang sama ini, Kerajaan hendaklah memberikan perhatian yang cukup kepada hal ehwal ladang-ladang dengan meletakkan sektor ladang-ladang di bawah suatu Kementerian yang sesuai. Campurtangan Kerajaan adalah diperlukan dan disegerakan dan alasan bahawa estet ini "private property" tidak boleh diterima lagi. Kita hendaklah bergerak cepat untuk menentukan para penduduk estet tidak tersisih daripada arus pembangunan negara. Kerajaan tidak boleh melalaikan tugas ini kerana Kerajaan Barisan kita dipilih oleh para pengundi yang pelbagai kaum. Mengenai kedudukan kaum India di bidang pendidikan, Kerajaan hendaklah bersikap simpati dan timbang rasa dalam pengambilan penuntut-penuntut India ke universiti-universiti memandangkan bahawa latar belakang penuntut-penuntut ini adalah lebih kurang sama dengan latar belakang para penuntut Melayu iaitu

golongan miskin. Selain daripada itu data-data dan maklumat dalam bidang perubatan dan undang-undang di universiti hendaklah tepat dan betul untuk mengelakkan sesuatu salah faham di antara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Kementerian Buruh supaya mengambil langkah-langkah yang positif untuk menentukan gambaran komposisi kaum dalam bidang pekerjaan, khususnya di bank, syarikat-syarikat kewangan, syarikat swasta dan sebagainya.

Kementerian mestilah tegas, bukan bersikap lemah lembut dalam mencorak suasana pelbagai kaum di bidang pekerjaan. Sebagai contohnya, di negara ini ada sebanyak 68 buah insurans. Di dalam 60 buah syarikat ini, tidak ada seorang pekerja India pun. Kadar pengangguran di kalangan masyarakat India adalah suatu sebab kenapa seramai 30% banduan di penjara adalah orang India.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya masalah pengangguran hendaklah diambil sebagai "serious matter", dengan izin. Lebih kurang 35,000 para graduan sedang menganggur—7% bilangan yang tiada pekerjaan dalam lingkungan umur 25 tahun dan sebahagian besar berpendidikan tinggi. Ada pihak meramalkan bahawa seramai 537,000 penduduk. Ini suatu trend yang merbahaya kerana ini akan menambahkan frust muda-mudi kita—generasi muda kita.

Negara kita yang sedang membangun menghadapi pelbagai cabaran oleh kerana faktor-faktor luar dan sebagainya. Seperti yang dikatakan dalam temubual di siaran TV antarabangsa, Mr Jack Raynold berpendapat negara Malaysia kita tidak dapat menggalakkan kempen buruh dilancarkan oleh Bahagian

Akhbar United States of America dan lain-lain rival mengenai komoditi kita "palm oil".

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti mengakui bahawa oleh kerana kempen buruk ini kadar eksport komoditi ini telah pula berkurangan. Kadar kejatuhan eksport adalah daripada 288,000 tan ke 185,600 tan.

Saya menyeru Kementerian Perusahaan Utama supaya lebih bertindak lebih aggressive lagi untuk mematahkan kempen ini kerana ini adalah berkaitan dengan survival para pekerja Malaysia kita. Tetapi jika masyarakat berbilang kaum mempelajari hidup selaras dengan konsep "Bersatu Dalam Berbagai", dan bersedia menyelesaikan masalah keluarga Malaysia kita, nescaya boleh mengelakkan problems kita daripada menjadikan satu "time bomb" dalam abad 21 yang akan datang.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak ada orang lagi hendak bercakap? Dijemput Dato' Azumu.

6.14 ptg.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini bersama-sama membahaskan berkenaan dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin hendak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana dengan sikap pengurusan yang sebegitu baik dan dengan kerjasama semua penduduk di negara ini maka kemelesetan ekonomi dalam awal tahun 80an ini dapat diselesaikan dengan sebegitu baiknya dan pada ketika ini ekonomi kita sudah pulih dan

mengikut Timbalan Perdana Menteri tadi ianya adalah cerah di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita cuma berdukacita kerana ada juga pemimpin-pemimpin negara kita ini yang mengatakan bahawa Kerajaan tidak begitu baik di dalam menyelenggarakan kewangan negara ini. Kita berharap bahawa dengan Kajian yang ada di hadapan mereka pada ketika ini mereka akan berpuas hati dan akan memuji Kerajaan sebaliknya. Kita berdukacita kerana sehingga ini kita masih belum mendengar apakah pendapat mereka terhadap Kajian rancangan ini.

Di dalam masa Kerajaan membentangkan Belanjawannya pada akhir tahun lalu, saya perhatikan ada juga penyokong-penyokong Kerajaan di dalam Dewan yang mulia ini dan juga di dalam Dewan Rakyat yang meragui Kerajaan terhadap rancangan-rancangan yang dijalankan. Ada angka-angka, statistik-statistik yang dikeluarkan oleh Kerajaan yang mereka sangsi bersama tetapi dengan kebaikan Kerajaan, dengan kebaikan pimpinan Perdana Menteri pada hari ini, saya perhatikan bahawa ada juga pengkritik-pengkritik itu pada hari ini, diterima menganggotai Kerajaan. Saya berharap pengkritik-pengkritik seumpama itu setelah berada di dalam Kerajaan akan terus memberi sokongan kepada Kerajaan dan segala statistik-statistik ataupun angka-angka yang dikatakannya palsu itu, maka pada hari ini, saya berharap pemimpin seumpama itu dapat menerimanya sebagai satu hakikat yang sebenar di dalam melaksanakan rancangan-rancangan Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita memikirkan masalah pengangguran ini, benarlah bahawa sebilangan besar daripada rakyat kita jika dipandang daripada segi tempatan sahaja, ramailah di antara mereka itu yang tidak bekerja, tetapi jika dikaji daripada keseluruhan negara maka

ianya tidaklah membimbangkan dan saya yakin dengan pelaburan modal yang begitu banyak datang ke negara ini maka masalah ini akan dapat diselesaikan di dalam sedikit masa lagi.

Saya ingin memuji Kerajaan di dalam menghadapi masalah pengeluaran bijih timah di negara ini di mana melalui ATPC telah ada dikenakan "rationalisation" pengeluaran bijih timah atau "tin control", maka dengan itu dapat membaiki balik keadaan pasaran bijih timah di negara kita ini. Sungguhpun begitu, diperhatikan di dalam kajian ini bahawa 195 lombong yang dapat beroperasi di masa krisis industri itu, dan didapati sebanyak 448 buah lombong sebelum kejatuhan pasaran timah. Ini menunjukkan bahawa separuh daripadanya terpaksa berhenti. Maka saya pohonkan supaya Kerajaan dapat berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya di dalam menghidupkan semula industri perlombongan ini Kerajaan-kerajaan Negeri dapat memberi kerjasama dengan sepenuhnya supaya kelulusan tanah lombong yang dipohonkan oleh pelombong-pelombong ini dapat dikeluarkan dengan senang seperti masa-masa yang lalu.

Adalah mendukacitakan bahawa setelah kemelesetan harga bijih dalam tahun 1987 ini semua Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat dalam industri perlombongan telah memutuskan agar perusahaan perlombongan dikurangkan sehinggalah meluluskan dasar yang baru supaya tidak meluluskan kawasan-kawasan yang baru dan berpotensi saya yakin kawasan tersebut boleh meninggikan kedudukan ekonomi rakyat! Oleh itu, saya berharap agar dengan pemulihan harga yang begitu baik pada hari ini, Kerajaan Pusat dapat bertemu dengan Kerajaan-kerajaan Negeri seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan sebagainya supaya dasar ini dapat

diubah. Saya berdukacita kadangkala Kerajaan Pusat memberitahu Kerajaan-kerajaan Negeri bahawa dengan keadaan pada hari ini mereka juga yakin yang perusahaan ini tidak akan berkembang maju lagi. Ini adalah salah. Jika dibaca daripada Kajian tersebut maka didapati bahawa potensinya masih kuat dan cetusan ekonomi yang cepat boleh diperolehi daripada perusahaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memuji Kerajaan di atas usaha-usaha menarik ramai pelabur datang ke negara kita ini untuk melabur. Usaha-usaha ini boleh dipuji dengan sepenuhnya dan saya berharap supaya ianya dikembangkan di seluruh negara kita. Kita berharap supaya ianya tidak diperluaskan di kawasan Wilayah Persekutuan dan di sekitar Shah Alam dan sebagainya sahaja tetapi ia perlu dikembangkan di negeri-negeri lain di negara kita ini. Dengan demikian kita berharap supaya rakyat-rakyat jelata di negeri-negeri yang lain juga dapat merasai perkembangan baru daripada segi pelaburan dari luar negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita perhatikan juga bahawa di dalam menarik ramai pelancong di dalam rancangan "Melawat Malaysia 1990" ini, kita juga berharap bahawa pelaburan yang seberapa banyak kita gunakan bagi menarik pelancong-pelancong ini dan ianya juga perlu supaya penerangan-penerangan yang luas diberi supaya ramai pelawat-pelawat itu bukannya sahaja melawat di kawasan-kawasan yang termasyhur seperti di Pulau Pinang, di Terengganu dan sebagainya tetapi ia juga perlu supaya mereka diberitahu bahawa kawasan-kawasan, tempat-tempat untuk melawat ini bukannya sahaja tertumpu kepada negeri-negeri yang termasyhur itu tetapi banyak lagi kawasan-kawasan lain bahkan di tiap-tiap negeri di negara kita ini boleh menarik pelancong-pelancong yang demikian. Tetapi kita perhatikan pada

hari ini bahawa penarikan itu cuma dibuat untuk negeri-negeri yang telah masyhur sahaja di dalam negara kita ini walhal banyak lagi negeri-negeri yang perlu, yang boleh kita pergiatkan kempen untuk menarik ramai pelawat-pelawat kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat pada hari ini memberi keyakinan penuh kepada Kerajaan setelah diberitahu bahawa program untuk rancangan-rancangan ini akan diteruskan dengan sepenuhnya setelah kita menghadapi masalah kemelesetan ekonomi beberapa tahun yang lalu. Maka dengan keyakinan ini saya yakin bahawa Kerajaan akan memenuhi segala yang telah diperkatakan dan seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri petang ini tadi semasa menyampaikan ucapannya untuk penerimaan Kajian ini, beliau telah dengan hati yang ikhlas memohon agar semua rakyat di negara ini memberi sokongan yang penuh kepada Kerajaan supaya dapat dilaksanakan segala tujuan-tujuan itu secara pragmatik, praktikal dan flexible.

Kita berdukacita ada juga kawan-kawan kita di dalam Dewan yang mulia ini masih menumpukan kehendak-kehendak mereka bagi satu-satu kaum sahaja. Ada juga kawan-kawan kita yang memikirkan supaya kemiskinan ini dihapuskan dengan serta-merta, kita tahu masalah Kerajaan bagaimana masalah seumpama ini dapat dibuat, kemiskinan tidak dapat dihapuskan dengan serta-merta, dengan sekali gus. Sahabat saya Yang Berhormat Saudara G. Rajoo tadi telah menyarankan supaya kemiskinan di negara ini dihapuskan dengan secara sekali gus. Kita hendak tanya kepada kawan kita itu bagaimanakah perkara semacam ini boleh dibuat? Ini adalah perkara yang tentu tidak dapat dibuat seperti yang dikehendakinya. Saya berharap supaya kita lebih praktikal dalam segala kehendak-kehendak kita dan seperti

yang dikehendaki oleh Timbalan Perdana Menteri tadi, sebagai Ahli Dewan yang mulia ini. Kita hendaklah lebih bertanggungjawab apabila memikirkan segala masalah. Janganlah kita berfikir bahawa seseorang itu orang Melayu, orang Cina dan orang India maka kita bercakap dari segi bangsa kita sendiri sahaja, kerana masalah tersebut sentiasa dijaga dan difikirkan oleh semua pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengambil peluang ini sekali lagi memuji kepimpinan Kerajaan di atas segala usaha-usaha yang begitu praktikal dan telah menunjukkan kecekapan mereka terhadap pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini. Kita berharap bahawa sungguhpun Kerajaan memikirkan di dalam hendak mengurangkan saiz kakitangan mereka maka dasar penswastataan ini akan diteruskan.

Bercakap tentang penswastataan ini, sungguhpun kita bersetuju setakat ini Kerajaan telah berjaya menswastakan Syarikat Telekom dan sebagainya, Syarikat Telekom telah membuktikan kepada kita kecekapan mereka, tetapi di dalam hendak menswastakan jabatan-jabatan lain, Kerajaan haruslah mengkaji dengan sepenuhnya sama ada kepentingan sosial masyarakat dapat diperolehi dengan sepenuhnya. Kadang-kadang kita berdukacita kerana jika hendak menswastakan satu-satu jabatan Kerajaan itu ianya menyusahkan masyarakat, bahkan di masa Jabatan Telekom hendak diswastakan dahulu, kita perhatikan ramai pekerja-pekerja yang berdukacita terhadap keputusan tersebut. Tetapi setelah Syarikat Telekom Malaysia mengambil alih Jabatan itu, kita perhatikan pekerja-pekerja tersebut dapat menerimanya dan memuaskan hati mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan dan saya merayu kepada Kerajaan dan kepimpinannya supaya dapat meneruskan segala usaha-usaha yang baik ini bagi kepentingan masyarakat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap supaya pengkritik-pengkritik Kerajaan pada masa yang lalu dapat menyedar diri mereka bahawa kepimpinan yang ada pada hari ini adalah kepimpinan yang jujur, ikhlas terhadap kita semua. Seperti yang saya katakan tadi, ada pengkritik-pengkritik yang dahulunya mengkritik begitu kuat tetapi pada hari ini beliau berada di dalam Kerajaan. Saya pohonkan kepada Ahli yang berkenaan supaya memberitahu dengan jelasnya kepada Dewan yang mulia ini, bahawa mulai dari hari ini beliau akan terus memberi sokongan kepada Kerajaan dan mempercayai segala angka-angka dan statistik-statistik yang dibentangkan di dalam Buku yang ada di hadapan kita ini. Kita berharap supaya beliau dapat meyakinkan kita, supaya dengan keyakinan yang akan diberikannya kepada kita itu, kita akan yakin terhadap pimpinannya di dalam Kerajaan di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya dengan sukacitanya menyokong Kajian ini dan yakin bahawa ianya dapat diterima oleh rakyat di dalam negara kita ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin menyambung perbahasan ini bolehlah sambung pada hari esok. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri mengemukakan Usul untuk menangguhkan Mesyuarat mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 15 (3).

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Hussein bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### SKIM PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN ASAS PEKERJA ESTET

*6.31 ptg.*

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, jiwa masyarakat Malaysia bukan terletak di Kota Raya Kuala Lumpur, tetapi di luar bandar khususnya di kampung-kampung dan ladang-ladang. Allahyarham Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak sedar realiti ini dan beliau menumpukan perhatian penuh untuk pembangunan luar bandar termasuk estet-estet.

Saya ingin mengingatkan di sini bahawa dalam tahun 1976 beliau telah menyerahkan satu tugas penting kepada Kementerian Buruh untuk mengendalikan Skim Perumahan para pekerja estet dan lombong. Malangnya walaupun sudah 13 tahun berlalu, skim ini tidak mendapat kesan yang dikehendaki. Setakat ini cuma 8 rancangan perumahan pekerja-pekerja ladang dapat dilaksanakan. Para majikan tidak boleh dipaksa—tidak timbul lagi. Kementerian Buruh hendaklah mengambil satu pendirian

yang tegas dalam hal ini. 31 tahun sudah berlalu iaitu selepas negara kita mencapai kemerdekaan dan sekarang kita hidup di hujung abad ke 20, tetapi mutu kehidupan masyarakat pekerja ladang tidak berubah. Mereka mundur dalam serba-serbi, walaupun hakmilik kebanyakan ladang-ladang ditukar daripada penjajah kepada para majikan Malaysia tetapi nasib para pekerja masih tidak mengalami suatu perubahan yang besar. Apa yang dikehendaki oleh para pekerja adalah kemudahan asas seperti rumah, air, api, kemudahan perubatan, kemudahan pendidikan untuk anak-anak mereka dan pendapatan yang adil. Apa yang mereka tuntut adalah keadaan kemudahan asas untuk hidup sebagai masyarakat yang bertamadun.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh hendaklah sensitif kepada perkembangan yang berlaku dalam sektor ladang. Apabila kita merujuk kepada harian-harian dan mingguan berbahasa Tamil, kita boleh mendapat tahu bagaimana teruknya keadaan di estet-estet. Baru-baru ini saya terkejut membaca mengenai keadaan miserable, horrible dan terrible, dengan izin, di ladang St. Andrew di Kuala Selangor dan Ladang 6B di Hulu Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, para pekerja di ladang-ladang adalah masyarakat pengundi. Mereka tidak tahu parti lain kecuali MIC dan Perikatan dan sekarang Barisan Nasional. Mereka telah membuktikan kesetiaan kepada parti Kerajaan kita dalam tujuh pilihanraya yang dihadapi oleh negara setakat ini. Kerajaan khususnya Kementerian Buruh mengambil kira bahawa para pekerja ini menyumbangkan tenaga dan jiwa untuk kestabilan politik dan secara berdiri teguh di belakang Barisan Nasional. Harapan mereka hendaklah dipenuhi.

Saya ingin menjelaskan di sini jika mutu kehidupan mereka tidak diperbaiki, bagaimanakah kita boleh

mendorongkan mereka untuk bekerja kuat bagi meninggikan produktiviti. Saya yakin para pekerja kita akan bekerja kuat untuk membolehkan negara kita untuk bertanding dengan Korea Selatan, Singapura, Taiwan dan Jepun dalam arena antarabangsa seperti yang disebutkan oleh Perdana Menteri kita. Untuk mencapai cita-cita ini, sikap para majikan hendaklah berubah dengan segera. Kementerian Buruh hendaklah menentukan segala kemunduran-kemunduran yang melemahkan semangat pekerja dibaiki dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, jika masyarakat kita di sektor ladang masih tinggal dalam segala kekurangan dan keadaan teruk ini dapat disaksikan oleh para pelawat semasa program Melawat Malaysia, apa akan terjadi kepada imej negara kita di kaca mata dunia. Oleh sebab itu, saya ingin mengesyorkan supaya Kementerian Buruh meminda Akta Buruh supaya rancangan perumahan bagi pekerja-pekerja ladang diwajibkan oleh majikan. Sekian, terima kasih.

6.35 ptg.

**Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol):** Tuan Yang di-Pertua, memang benar pada tahun 1973 satu Jawatankuasa Petugas mengenai kemudahan-kemudahan asas bagi pekerja-pekerja ladang dan lombong telah dilantik oleh bekas Perdana Menteri Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak.

Salah satu langkah yang telah diambil oleh Jawatankuasa Petugas tersebut ialah pelancaran Skim Pemilikan Rumah bagi pekerja-pekerja ladang dan lombong. Pelaksanaan skim ini telah ditugaskan kepada Kementerian Buruh. Skim Pemilikan Rumah Pekerja merupakan satu skim sukarela. Di bawah skim ini majikan-majikan digalakkan supaya membina rumah-rumah kos rendah di dalam ladang atau di lombong dan

untuk dijual kepada pekerja-pekerja mereka. Majikan diminta menyediakan tanah dengan percuma untuk dijadikan tapak perumahan. Setakat ini memang benar 8 buah ladang dan sebuah lombong telah menyertai skim tersebut dan mereka telah membina sebanyak 1,605 unit rumah kos rendah untuk dijual kepada pekerja-pekerja.

Harga jualan bagi setiap unit rumah ialah antara \$22,000 hingga \$25,000. Bantuan pinjaman Bank diatur bagi setiap pembeli dengan pembayaran balik yang mudah bagi tempoh 15 hingga 20 tahun. Sementara itu sebanyak 16 buah ladang dan 6 buah lombong sedang dalam berbagai peringkat pelaksanaan bagi skim ini. Majikan-majikan tersebut dijangka akan membina kira-kira 10,244 unit rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh memang sedar tentang keadaan perumahan yang tidak memuaskan di ladang St Andrew di Kuala Selangor dan Ladang Nam Bee di Hulu Selangor. Di Ladang St Andrew terdapat 57 unit rumah pekerja. 28 unit daripadanya adalah dalam keadaan yang baik tetapi bakinya 29 unit adalah dalam keadaan yang kurang memuaskan.

Kementerian Buruh telah berjaya mendesak majikan tersebut untuk melaksanakan Skim Pemilikan Rumah Pekerja untuk mengganti rumah-rumah ini. Majikan tersebut akan membina sebanyak 61 unit rumah di bawah Skim Pemilikan Rumah Pekerja pada tahun hadapan. Satu memorandum persetujuan di antara Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan majikan yang telah ditandatangani bagi tujuan melaksanakan skim perumahan itu.

Mengenai Ladang Nam Bee pula terdapat 28 unit rumah pekerja yang dibina dalam tahun 1962 yang semuanya dalam keadaan yang tidak memuaskan. Majikan telah diarah

supaya mengemukakan pelan untuk membina rumah-rumah baru bagi menggantikan rumah-rumah buruk yang sedia ada di bawah Akta Piawaian Minima Perumahan Pekerja 1966.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya terdapat banyak ladang-ladang di negara ini yang menyediakan rumah-rumah yang memuaskan dan selesa bagi pekerja-pekerja dan tanggungan-tanggungan mereka yang bermastautin di ladang-ladang. Beberapa ladang besar, rumah-rumah yang disediakan untuk pekerja adalah sangat baik yang berbentuk unit berkembar dengan dua atau tiga buah bilik tidur yang dibekalkan dengan air paip dari JKR dan bekalan elektrik dari punca Lembaga Letrik Negara serta tandas-tandas yang sempurna. Walaupun begitu, Kementerian Buruh sentiasa memberi perhatian serius dengan secara berterusan untuk memperbaiki keadaan perumahan pekerja dan kemudahan-kemudahan asas di ladang-ladang.

Pada masa ini, Kementerian Buruh sedang mengambil dua langkah penting untuk memperbaiki lagi keadaan perumahan pekerja dan kemudahan-kemudahan asas di ladang-ladang. Sebagai langkah pertama, tindakan sedang diambil untuk mengemukakan cadangan meminda Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja 1966 dan Peraturan-peraturan di bawahnya untuk meningkatkan lagi tahap perumahan dan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, bekalan elektrik, kemudahan tempat menjaga kanak-kanak dan lain lagi bagi pekerja-pekerja di ladang.

Sebagai langkah yang kedua, Kementerian Buruh sedang menubuhkan suatu Jawatankuasa Khas di peringkat kebangsaan untuk menyelaraskan dan mempercepatkan lagi pelaksanaan skim pemilikan rumah bagi pekerja-pekerja ladang. Jentera tersebut yang akan dianggotai oleh



wakil-wakil daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, Kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Adalah diharapkan dengan pelaksanaan dua langkah penting tersebut keadaan perumahan pekerja dan kemudahan-kemudahan asas di ladang-ladang akan dapat diperbaiki lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh tidak bercadang mewajibkan tuan empunya ladang menyediakan rumah-rumah untuk pekerja-pekerja sama ada di bawah skim memiliki rumah pekerja atau di bawah Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja, 1966. Ini adalah kerana tuan punya ladang tidak boleh dipaksa menyerahkan tanah-tanah yang dimilikinya untuk tujuan tersebut melainkan secara sukarela. Di samping itu, soal perumahan boleh juga dianggap sebagai sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan yang harus dirundingkan di antara pihak pekerja dan pihak majikan.

#### PERKHIDMATAN PERUBATAN DI MALAYSIA

6.41 ptg.

**Tuan Chan Choon Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengatakan sepatah dua mengenai pembaikan atas perkhidmatan perubatan dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali pada masa ini negara kita boleh dianggap sebagai satu negara yang paling maju, selain daripada barangkali Singapura, di atas perkhidmatan perubatan yang diberikan kepada rakyat. Sungguhpun begitu, adalah banyak tempat kita mesti mencari kemajuan atau tempat-tempat mesti dibaiki.

Tuan Yang di-Pertua, hospital-hospital dan klinik perubatan biasanya adalah padat dengan pesakit-pesakit.

Pesakit-pesakit yang telah diberikan tarikh perjumpaan terpaksa menunggu berjam-jam lama sebelum giliran mereka sampai. Ramai di antara pesakit-pesakit terpaksa melalui perjalanan yang jauh sebelum mereka sampai ke hospital besar yang dibina dalam ibukota berbagai negeri. Kerajaan seharusnya mendirikan lebih banyak hospital dan klinik khasnya di kawasan luar bandar.

Demi untuk menjimatkan wang, hospital atau klinik tidak semestinya merupakan bangunan konkrit dengan saiz besar sepertimana yang ada dalam kebanyakan ibukota berbagai negeri. Sebagai suatu permulaan, hospital khususnya hospital utama di setiap negeri haruslah dilengkapi dengan kelengkapan yang moden. Saya telah difahamkan bahawa selain daripada Hospital Besar Kuala Lumpur, kebanyakan hospital Kerajaan dalam kawasan tertentu adalah tidak dilengkapi dengan alat perlengkapan yang sempurna dan kebanyakan kelengkapan yang sedia ada adalah ketinggalan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, hampir semua kereta ambulan Kerajaan adalah tidak dilengkapi dengan alat rawatan kecemasan. Mereka adalah hanya digunakan cuma sebagai alat pengangkutan sahaja. Saya ingin mencadangkan supaya kedua-dua pemandu dan Pembantu yang mengikuti ambulan mestilah terdiri daripada Pembantu Hospital yang terlatih untuk membolehkan mereka menjalankan rawatan kecemasan sebelum dan semasa pesakit dimasukkan ke dalam kereta ambulan berkaitan. Kalau bukan semua, sekurang-kurangnya sebilangan daripada ambulan harus dilengkapi dengan alat perubatan untuk membolehkan rawatan dijalankan dalam masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, bangunan yang paling mahal dengan kelengkapan perubatan hanyalah berguna sekiranya ia dilengkapi dengan doktor-doktor serta jururawat-jururawat

dan Pembantu Hospital yang mencukupi serta berkelayakan tinggi.

Saya telah diberitahu bahawa di Malaysia Barat nisbah doktor kepada jumlah penduduk adalah satu doktor kepada 2,900 orang; di Sarawak, nisbahnya ialah satu doktor untuk 4,000 orang; dan di Sabah, hanya satu doktor sahaja untuk 4,200 orang. Objektif kita pada tahun 1990 ialah satu doktor untuk 2,300 orang di Malaysia Barat dan satu doktor untuk 3,700 orang di Malaysia Timur iaitu satu angka atau bilangan yang sangat rendah memandangkan kita telah merdeka lebih kurang 33 tahun. Tetapi dalam keadaan yang wujud kini adalah dipercayai yang objektif rendah sedemikian pun tidak dapat dicapai sehingga barangkali tahun 1997. Ini cuma berkaitan dengan jumlah bilangan doktor sahaja.

Kebanyakan doktor-doktor muda menyertai hospital Kerajaan dan dalam masa akan datang akan dilatih oleh universiti-universiti tempatan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa kita tidak mempunyai pensyarah-pensyarah yang mencukupi untuk melatih doktor-doktor demi mencapai tahap yang dapat diiktirafkan oleh Majlis Perubatan Luar Negeri. Saya difahamkan bahawa Majlis Perubatan England telah menolok pengiktirafannya di atas graduan kita daripada Fakulti Perubatan Universiti Malaya.

Tuan Yang di-Pertua, ramai doktor-doktor berpengalaman telah bersara daripada perkhidmatan Kerajaan sebelum umur yang ditetapkan dan kebanyakan doktor baru yang berkelayakan tidak ingin menyertai perkhidmatan Kerajaan kalau bukan kerana undang-undang yang memaksa mereka untuk berbuat demikian (compulsory service).

Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab yang utama adalah kerana mereka yang berkhidmat dengan Kerajaan adalah dimestikan bekerja

lebih daripada waktu yang ditetapkan dan mereka tidak dibayar upah kerana bekerja lebih masa itu atau, boleh dikatakan, dengan izin, they overwork but are underpaid.

Oleh kerana kekurangan doktor-doktor dalam Kerajaan dan oleh kerana ramai pula pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan, doktor-doktor ini terpaksa bekerja lebih masa tanpa dibayar upah bekerja lebih masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sukacita sekali sistem doktor berkelayakan akan dipinda kepada yang lebih baik. Mengikut sistem yang ada sekarang, orang yang berkelayakan baru yang ingin mendaftar penuh telah diwajibkan oleh undang-undang untuk berkhidmat dengan Kerajaan se-kurang-kurangnya tiga tahun.

Walau bagaimanapun sehingga masa ini mereka masih perlu ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Public Service Commission) dan terpaksa menunggu lebih kurang 5 bulan sebelum mereka dipanggil untuk ditemuduga dan selepas itu barangkali mereka terpaksa menunggu lebih kurang satu bulan lagi sebelum mereka mendapat surat melantik mereka.

Maka ini adalah satu sistem yang, dengan izin, ridiculous dan saya berasa sukacita mendengar daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita bahawa sistem ini akan dipinda.

Kepada orang ramai bilakah sistem ini dipinda dan bagaimana?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kelemahan yang wujud atas kekurangan doktor-doktor berpengalaman dalam hospital Kerajaan adalah di atas supervision yang tidak mencukupi kepada doktor-doktor muda. Pada masa sekarang di kebanyakan hospital adalah ramai doktor-doktor muda yang tidak mempunyai pengalaman

yang cukup. Dan oleh sebab kekurangan doktor-doktor yang berpengalaman, mereka menjalankan tugas mereka tidak ada apa guidance, dengan izin, daripada doktor-doktor yang berpengalaman.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat . . .

**Tuan Chan Choong Tak:** Satu minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Izinkan saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat masa yang dibenarkan ialah selama 7½ minit. Sekarang sampailah masanya.

**Tuan Chan Choong Tak:** Terima kasih, satu minit sahaja.

Barangkali doktor-doktor berpengalaman dari sektor swasta harus diupah atas dasar waktu sambilan untuk mengatasi masalah kekurangan sedemikian. Demi untuk memperbaiki kualiti doktor-doktor dan Pembantu Hospital, peluang harus diberikan kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita semua sepatutnya menetapkan maklumat untuk menjadikan negara kita sebagai negara yang paling maju dalam perkhidmatan perubatan kepada rakyat di Malaysia bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah habis.

**Tuan Chan Choong Tak:** Terima kasih.

6.54 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah pun menyediakan rangkaian kemudahan-kemudahan

kesihatan di seluruh negara iaitu dari pusat-pusat kesihatan sehinggalah hospital-hospital besar.

Untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat merangkumi semua penduduk, maka dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan telah merancang untuk membina lebih banyak lagi hospital dan klinik-klinik.

Kementerian Kesihatan juga sedar bahawa masih terdapat kesesakan di Jabatan Pesakit Luar di hospital-hospital. Oleh yang demikian, dalam Kajian Separuh Penggal RML, Kementerian ini telah memberi penekanan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan pesakit luar melalui penubuhan lebih banyak lagi poliklinik-poliklinik di kawasan-kawasan bandar.

Pada masa sekarang terdapat 46 buah poliklinik terutama di bandar-bandar besar, misalnya Hospital Besar Kuala Lumpur menyediakan 13 buah poliklinik di sekitar Wilayah Persekutuan. Di samping dapat mengurangkan kesesakan di Jabatan Pesakit Luar di hospital, orang ramai akan dapat memperolehi perkhidmatan perubatan dengan lebih mudah lagi. Ini kerana poliklinik-poliklinik ini juga dirancang akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan x-ray dan makmal.

Kementerian Kesihatan juga merancang supaya perkhidmatan kepakaran untuk pesakit luar dapat dijalankan di poliklinik-poliklinik ini. Dengan demikian kes-kes penyakit kronik yang sudah stabil boleh menjalani rawatan lanjut di poliklinik.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa memastikan alat kelengkapan di hospital-hospital diperbaiki dan dipertingkatkan. Tiap-tiap hospital dilengkapi dengan alat-alat yang diperlukan berdasarkan kepada taraf perkhidmatan yang disediakan. Alat-alat perubatan moden dan teknologi baru juga telah diperkenalkan di hospital-hospital di

Kementerian ini misalnya alat CAT Scan, Lithotripter, Argon Laser untuk rawatan mata, Gamma camera, Treatment Planning Unit, Cobalt therapy Machine untuk radioterapi dan sebagainya.

Kementerian ini memastikan alat-alat tersebut dapat digunakan secara "cost effective" dan supaya pesakit-pesakit mendapat faedah perkhidmatan yang sepenuhnya.

Sukacita dimaklumkan bahawa di bawah Belanjawan Mengurus, Kementerian Kesihatan telah membelanjakan kira-kira \$10,851,143 pada tahun 1987 dan \$12,148,000 pada tahun 1988 untuk membeli alat-alat perubatan untuk semua hospital-hospital di seluruh negara.

Bagi perkhidmatan ambulans, pihak hospital akan menugaskan Pembantu Perubatan, Jururawat atau Bidan mengikut jenis kes yang akan dikendalikan. Ini bertujuan untuk menjamin rawatan kecemasan dapat diberikan secepat mungkin, di tempat kejadian atau sebelum pesakit sampai ke hospital.

Kebanyakan ambulans di hospital-hospital dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang "standard". Peralatan-peralatan ini sentiasa dipertingkatkan. Pihak hospital juga dikehendaki menjalankan pemeriksaan ke atas alat-alat tersebut untuk memastikan ianya dalam keadaan baik dan berfungsi serta dapat digunakan bila-bila masa.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun bilangan doktor di negara ini kian bertambah. Secara keseluruhan pada tahun 1982, nisbah doktor pada penduduk ialah 1:3,686 manakala pada tahun 1988, nisbah bertambah baik iaitu 1:2,900. Pada Tahun 1982 bilangan doktor di Kementerian ini ialah 1,962 orang dan pada tahun lalu bilangan bertambah kepada 3,820 orang iaitu meningkat sebanyak 95% dalam tempoh 6 bulan.

Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha supaya mutu perkhidmatan di negara ini terus dipertingkatkan dengan mengambil langkah-langkah untuk menambah serta menggalakkan doktor terus berkhidmat dengan Kerajaan. Kementerian juga sedar bahawa perletakan jawatan atau persaraan awal doktor-doktor kita akan menyebabkan kehilangan tenaga mahir serta akan menjejaskan perkhidmatan perubatan di negara ini. Oleh itu, Kementerian Kesihatan sedang mengkaji secara mendalam akan kedudukan perkhidmatan doktor-doktor di Kementerian ini.

Dengan meneliti masalah-masalah dan kekurangan-kekurangan yang dihadapi oleh doktor-doktor kita, prospek kerjaya, serta suasana kerja yang lebih baik, maka Kementerian yakin Kerajaan dapat memperbaiki dan mempertingkatkan lagi kedudukan perkhidmatan doktor-doktor kita. Dengan demikian adalah diharapkan lebih ramai lagi doktor-doktor yang akan terus berkhidmat dengan Kerajaan.

Selaras dengan tugas-tugasnya, doktor-doktor dikehendaki menjalankan tugas panggilan (call duty). Ini bermakna mereka perlu bertugas lebih dari masa pejabat. Sebagai kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan Profesional, doktor-doktor tidak layak untuk diberi elaun lebih masa. Walau bagaimanapun, pihak hospital telah dinasihatkan seberapa boleh untuk memberi "time-off" kepada doktor-doktor yang menjalankan tugas panggilan. Kementerian ini juga sedang mengkaji perkara ini supaya doktor-doktor kita mendapat insentif-insentif selaras dengan khidmat yang diberikan.

Kementerian ini sedar terdapat kelewatan dalam melantik doktor-doktor baru. Seperti kita maklum, perkhidmatan satu tahun sebagai doktor-doktor siswazah sudah dianggap sebagai sebahagian dari perkhidmatan. Maka doktor perlu

ditemuduga dahulu sebelum dilantik sebagai doktor siswazah. Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah mengambil tindakan yang sewajarnya supaya doktor-doktor tersebut dapat memulakan tugas secepat mungkin. Pada masa ini secara purata doktor-doktor menunggu kira-kira dua bulan untuk dilantik.

Doktor-doktor pakar ditempatkan di semua hospital besar dan di beberapa hospital daerah. Di samping dapat memberikan perkhidmatan kepakaran mereka juga diperlukan untuk memberi bimbingan dan penyeliaan kepada doktor-doktor "junior". Kementerian ini memastikan hospital-hospital berkenaan mempunyai doktor-doktor pakar yang berpengalaman, terutama untuk hospital-hospital di mana program latihan dijalankan sama ada untuk doktor-doktor siswazah atau untuk latihan "post-graduate". Sekiranya terdapat kekosongan, usaha-usaha dijalankan supaya penggantian dilakukan secepat mungkin. Ini untuk menjamin perkhidmatan yang diberikan serta program latihan yang dijalankan tidak akan terjejas.

Penyeliaan doktor-doktor "junior" bukan sahaja dilakukan di hospital-hospital besar. Pakar-pakar yang berkenaan juga melakukan penyeliaan ke atas doktor-doktor di hospital daerah iaitu dengan mengadakan lawatan ke hospital-hospital daerah mengikut jadual yang telah ditentukan. Dengan peraturan ini, doktor-doktor akan dapat bertukar-tukar fikiran serta mendapat khidmat nasihat mengenai pengurusan kes-kes.

Kementerian Kesihatan sentiasa memberi keutamaan kepada pendidikan perubatan yang berterusan (continuing medical education) termasuk program-program latihan untuk doktor-doktor. Bilangan doktor yang menjalani latihan-latihan dan kursus-kursus sama ada di dalam atau

di luar negeri telah dipertingkatkan. Mereka sentiasa diberi peluang untuk menjalani latihan sama ada melalui biasiswa, cuti belajar tanpa biasiswa, atau cuti belajar tanpa gaji. Sebelum mereka diberi peluang, mereka hendaklah memenuhi syarat-syarat perkhidmatan serta latihan supaya mereka benar-benar layak, bersedia dan telah melengkapkan diri. Dari tahun 1980 sehingga tahun lalu seramai 391 orang doktor telah menerima biasiswa ijazah lanjutan dalam berbagai bidang kepakaran. Dalam tahun 1987 dan 1988 seramai 72 orang doktor telah mengambil cuti tanpa gaji untuk menjalani kursus ijazah lanjutan.

Kementerian Kesihatan telah mengenali bahawa peranan yang diberikan oleh hospital besar adalah berlainan dengan peranan hospital daerah. Oleh itu alat kelengkapan yang disediakan di kedua-dua jenis hospital tersebut adalah berbeza selaras dengan peranannya serta taraf perkhidmatan yang diberikan.

Walaupun bagaimanapun, semua hospital di negara ini dilengkapi dengan alat kelengkapan asas untuk menampung keperluan perkhidmatan. Untuk memudahkan pesakit mendapat rawatan di hospital yang berhampiran, Kementerian ini akan terus meningkatkan peralatan-peralatan dan kemudahan-kemudahan di hospital-hospital daerah, supaya pesakit dapat dirawat di hospital tersebut tanpa merujuk ke hospital besar.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagi, Yang Berhormat?

**Tuan Chua Jui Meng:** Hampir habis. Selaras dengan perkembangan teknologi, Kementerian ini juga sentiasa mengkaji keperluan alat kelengkapan di setiap hospital.

Kurikulum untuk program pendidikan pembantu-pembantu perubatan adalah dikaji dari masa ke

semasa. Ini bertujuan untuk menentukan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dapat memenuhi kehendak perkhidmatan dan peranan pembantu perubatan. Kajian seperti ini juga dilakukan ke atas kakitangan paramedik yang lain.

Di samping itu, Kementerian juga menjalankan program latihan dalam perkhidmatan kepada pembantu-pembantu perubatan. Program seperti ini dapat meningkatkan pengalaman dan kemahiran mereka dalam bidang-bidang tertentu, misalnya Kemalangan dan Kecemasan, Ortopedik, Rawatan Rapi, Haemodialysis, Psikiatrik dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan

usul kepada Dewan ini untuk diputuskan. Usulnya ialah bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari esok jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.06 malam.*